الأربعون النووية

Hadis 40

Al-Imam An-Nawawi

(Siri 1)



www.alkahfi.com.my

Isi Kandungan

Adab Penuntut Ilmu

1. Ikhlas kerana Allah.

2. Menumpukan perhatian kepada majlis ilmu.

3. Menghormati ilmuan yang sedang mengajar di hadapan.

4. Bersabar jika kita melihat pada guru kita sesuatu yang kita tidak suka.

5. Menulis isi-isi penting pada ruangan kosong yang ada pada nota yang disediakan.

6. Elakkan berbual-bual ketika majlis ilmu berlangsung. Jika mempunyai kemusykilan, ajukan soalan kepada pembentang dan bukannya kepada rakan di sebelah.

8. Seandainya mempunyai soalan, tulis dan letakkan pada kotak yang disediakan. Soalan juga dibenarkan secara lisan ketika sesi soal jawab berlangsung.

9. Pastikan telefon bimbit dimatikan atau berada dalam keadaan *'silent mode'*. Elakkan daripada menggunakan telefon bimbit semasa penceramah semasa majlis ilmu.

10. Tundukkan pandangan. Ketika peserta Muslimah bertanyakan soalan, peserta lelaki hendaklah memandang ke hadapan dan bukan melihat ke arah Muslimah tersebut, begitu juga sebaliknya.

11. Berada di dalam dewan 5 minit sebelum slot bermula.

12. Berusaha untuk berada dalam majlis ilmu sehingga selesai kecuali apabila ada keperluan mendesak yang tidak dapat dielakkan.

13. Mengikut arahan yang diberikan oleh pengerusi majlis agar majlis ilmu berjalan lancar.

Kepentingan Niat

عَنْ عُمَرَ – رضي الله عنه – ، قال : سَمِعْتُ رَسولَ اللهِ – صلى الله عليه وسلم –يقولُ : ((إنَّمَا الأعمَال بالنِّيَّاتِ وإنَّما لِكُلِّ امريءٍ ما نَوَى فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إلى اللهِ ورَسُولِهِ فهِجْرَتُهُ إلى اللهِ ورَسُوْلِهِ ومَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ لِدُنْيَا يُصِيْبُها أو امرأةٍ يَنْكِحُهَا(1) فهِجْرَتُهُ إلى ما هَاجَرَ إليهِ)) . رواهُ البُخاريُّ ومُسلِمٌ

'Umar radiallahu 'anhu berkata: Aku mendengar Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Sesungguhnya amalan itu mesti dengan niat. Sesungguhnya untuk setiap orang apa yang dia niatkan. Sesiapa yang hijrahnya ialah kepada Allah dan rasulNya, maka hijrahnya ialah ialah kepada Allah dan rasulNya. Sesiapa yang hijrahnya adalah untuk dunia yang akan dia perolehi, atau wanita yang akan dia nikahi. Maka hijrahnya itu untuk apa (tujuan) dia berhijrah kepadanya. [Riwayat al-Bukhari dan Muslim]

Status hadis:

Hadis ini merupakan sebuah hadis yang disepakati kesahihannya. Ia merupakan sebuah hadis yang gharib kerana ia hanya melalui jalur periwayatan daripada:

Yahya bin Sa'id al-Ansori → Muhammad bin Ibrahim at-Taimi → 'Alqamah bin Waqqas al-Laithi → 'Umar al-Khattab radiallahu 'anhu.

Selepas Yahya bin Sa'id barulah terdapat ramai periwayat daripada beliau antaranya: Imam Malik, Al-Auzaie, Sufyan bin 'Uyainah dan lain-lain. Dikatakan terdapat tujuh ratus orang yang meriwayatkan daripada Yahya bin Sa'id al-Ansori.

Kedudukan Hadis:

Ramai ulama menyebutkan tentang keutamaan dan kedudukan hadis ini sebagai salah satu hadis yang menjadi pokok atau asas kepada ajaran Islam.

Imam 'Abdul Rahman bin Mahdi berkata:

لو صنَّفتُ الأبوابَ ، لجعلتُ حديثَ عمرَ في الأعمالِ بالنِّيَّةِ في كلّ بابٍ

Jika aku mahu menulis banyak bab. Nescaya aku akan menjadikan hadis 'Umar tentang amalan dengan niat pada setiap bab.

Imam al-Syafie berkata:

هذا الحديثُ ثلثُ العلمِ ، ويدخُلُ في سبعينَ باباً مِنَ الفقه

Hadis ini merupakan satu pertiga ilmu. Ia termasuk di dalam tujuh puluh bab feqh.

Imam Ahmad berkata:

أصولُ الإسلام على ثلاثة أحاديث: حديث عمرَ : الأعمالُ بالنيات، وحديثُ عائشة : مَنْ أحدثَ في أمرِنا هذا ما ليس منهُ ، فهو ردٌّ ، وحديثُ النُّعمانِ بنِ بشيرٍ : الحلالُ بيِّنٌ ، والحَرامُ بَيِّنٌ

Usul kepada Islam ialah tiga buah hadis: Hadis 'Umar: Amalan mesti dengan niat, hadis 'Aisyah: Sesiapa yang mencipta perkara baru dalam urusan kami yang bukan daripadanya, maka ia tertolak, dan hadis An-Nu'man bin Basyir: Halal itu jelas, dan haram itu jelas.

Sebab Wurud Hadis

Antara yang masyhur mengenai hadis ini ialah kisah Ummu Qais.

قَالَ عَبْدُ اللَّهِ:"مَنْ هَاجَرَ يَبْتَغِي شَيْئًا فَهُوَ لَهُ"، قَالَ:"هَاجَرَ رَجُلٌ لِيَتَزَوَّجَ امْرَأَةً يُقَالُ لَهَا: أُمُّ قَيْسٍ، وَكَانَ يُسَمَّى مُهَاجِرَ أُمِّ قَيْسٍ."

'Abdullah bin Mas'ud radiallahu berkata: Sesiapa yang berhijrah untuk mendapatkan sesuatu, maka itu yang akan dia dapat. Seorang lelaki telah berhijrah untuk mengahwini seorang wanita yang dipanggil Ummu Qais. Lelaki itu dipanggil Muhajir Ummi Qais. [At-Thabrani dalam Al-Mu'jam Al-Kabir, 'Abdullah bin Mas'ud, no: 8455]

Zahih riwayat ini menunjukkan ia bukan berlaku di zaman Nabi sallallahu 'alaihi wasallam. Al-Imam Ibn Rajab al-Hanbali, Al-Hafiz Ibn Hajar al-Asqalani menolak dakwaan bahawa kisah ini adalah sebab kepada hadis 'Umar di atas.

Huraian teks hadis:

الأعمَال بالنِّيَّاتِ

Amalan dengan niat.
Ulama berbeza pendapat, adakah amalan yang dimaksudkan di dalam hadis ini ialah amalan-amalan yang khusus yang memang memerlukan kepada niat seperti solat, puasa, zakat. Lalu amalan-amalan yang menjadi kebiasaan seperti makan, minum, dan tidur tidak termasuk di dalamnya.

Sebahagian ulama pula menyatakan hadis ini umum sehingga ia merangkumi amalan-amalan yang menjadi kebiasaan seperti makan dan minum.

Potongan hadis ini menunjukkan bahawa penentuan baik atau buruk amalan seseorang bergantung kepada niat atau sebab dia melakukannya. Sesuatu amalan yang baik, tetapi niat dilakukan bukanlah atas tujuan yang baik, maka ia dikira sebagai satu perbuatan yang buruk. Akan tetapi ini tidaklah bermaksud bahawa semua amalan menjadi baik hanya kerana niat yang baik. Niat yang baik perlulah disertai dengan amalan yang baik.

لِكُلِّ امريءٍ ما نَوَى

Untuk setiap orang, apa yang dia niatkan.

Ini menunjukkan bahawa balasan bagi setiap amalan tersebut bergantung kepada niatnya. Jika niatnya baik, maka seseorang itu akan mendapat ganjaran pahala. Jika niatnya buruk, maka

seseorang itu akan mendapat dosa. Ini bermaksud jika seseorang melakukan sesuatu yang mubah (harus) dengan niat sekadar melakukan perkara yang harus, maka dia tidak mendapat apa-apa pahala mahupun dosa.

Fungsi niat:

Terdapat dua fungsi utama niat:

Pertama: Untuk membezakan jenis-jenis ibadah.

Niat berperanan untuk membezakan jenis-jenis ibadah yang dilakukan. Satu amalan yang secara zahirnya sama, akan tetapi niatnya berbeza, akan menentukan sah atau tidak amalan tersebut.

Solat Zuhur dan Asar mempunyai jumlah rakaat dan tatacara ibadah yang sama. Yang membezakan seseorang yang solat Zuhur dan Asar ialah niat mereka.

Jika dua orang lelaki solat dalam waktu Asar. Seorang berniat mahu mendirikan solat Asar, seorang lagi menyangka itu adalah waktu Zuhur, lalu dia berniat solat Zuhur, maka solat orang yang berniat solat Zuhur tidak sah, kerana dia melakukan jenis ibadah yang tidak kena pada waktunya.

Begitu juga seseorang yang masuk ke dalam bulan Ramadhan dan dia lupa itu adalah bulan Ramadhan. Lalu hari tersebut dia berniat melakukan puasa sunat Sya'ban. Maka puasanya juga tidak sah kerana niatnya adalah untuk ibadah yang tidak kena pada waktunya.

Inilah bab niat yang banyak dibahaskan oleh ulama-ulama feqh di dalam kitab-kitab mereka.

Kedua: Membezakan tujuan seseorang melakukan sesuatu amalan.

Ia berperanan untuk membezakan tujuan seseorang melakukan sesuatu. Adakah dia melakukan kerana Allah atau untuk sesuatu yang lain. Inilah perkara paling penting dalam isu niat hakikatnya, dan inilah perkara yang paling banyak disentuh oleh ulama-ulama terdahulu.

Disebabkan kepentingan membicarakan isu keikhlasan di dalam niat, maka Al-Imam Ibn Abi Ad-Dunya mengarang sebuah kita bertajuk Ikhlas dan Niat (الإخلاص والنية).

Kepentingan Ikhlas

Terdapat banyak dalil dalam al-Quran dan al-Hadis yang mengajar kita tentang kepentingan mengikhlaskan amalan kita untuk Allah semata-mata.

مَنْ كَانَ يُرِيدُ حَرْثَ الآخِرَةِ نَزِدْ لَهُ فِي حَرْثِهِ وَمَنْ كَانَ يُرِيدُ حَرْثَ الدُّنْيَا نُؤْتِهِ مِنْهَا وَمَا لَهُ فِي الآخِرَةِ مِنْ نَصِيبٍ

Barangsiapa yang mahukan keuntungan di akhirat akan Kami tambah keuntungan itu baginya dan barangsiapa yang mahukan keuntungan di dunia Kami berikan kepadanya sebahagian daripada keuntungan dunia dan tidak ada baginya suatu bahagianpun di akhirat. [Al-Syura : 20]

مَنْ كَانَ يُرِيدُ الْعَاجِلَةَ عَجَّلْنَا لَهُ فِيهَا مَا نَشَاءُ لِمَنْ نُرِيدُ ثُمَّ جَعَلْنَا لَهُ جَهَنَّمَ يَصْلاهَا مَذْمُوماً مَدْحُوراً (18) وَمَنْ
أَرَادَ الآخِرَةَ وَسَعَى لَهَا سَعْيَهَا وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَأُولَئِكَ كَانَ سَعْيُهُمْ مَشْكُوراً (19)

Barangsiapa menghendaki kehidupan sekarang [duniawi], maka Kami segerakan baginya di dunia itu apa yang Kami kehendaki bagi orang yang Kami kehendaki dan Kami tentukan baginya neraka Jahannam; dia akan memasukinya dalam keadaan tercela dan terusir. (18) Dan barangsiapa yang menghendaki kehidupan akhirat dan berusaha ke arah itu dengan sungguh-sungguh sedang ia adalah mu'min, maka mereka itu adalah orang-orang yang usahanya dibalas dengan baik. [Al-Isra' : 18-19]

فَمَنْ كَانَ يَرْجُو لِقَاءَ رَبِّهِ فَلْيَعْمَلْ عَمَلًا صَالِحًا وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ رَبِّهِ أَحَدًا (110)

Sesiapa yang berharap untuk bertemu dengan Tuhannya. Hendaklah dia melakukan amal soleh dan janganlah dia mensyirikan tuhannya dengan sesiapa pun dalam ibadahnya. [Al-Kahf : 110]

عَنْ جَابِرٍ، قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ . صلى الله عليه وسلم . : " يُحْشَرُ النَّاسُ عَلَى نِيَّاتِهِمْ

Jabir radiallahu 'anhu berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Manusia akan dibangkitkan berdasarkan niat-niat mereka. [Sunan Ibn Majah, Kitab az-Zuhd, hadis no: 4371]

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ , قَالَ : خَرَجَ عَلَيْنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَنَحْنُ نَتَذَاكَرُ الْمَسِيحَ الدَّجَّالَ , فَقَالَ : " أَلَا أُخْبِرُكُمْ بِمَا هُوَ أَخْوَفُ عَلَيْكُمْ عِنْدِي مِنْ الْمَسِيحِ الدَّجَّالِ " , قَالَ : قُلْنَا : بَلَى , فَقَالَ : " الشِّرْكُ الْخَفِيُّ , أَنْ يَقُومَ الرَّجُلُ يُصَلِّي فَيُزَيِّنُ صَلَاتَهُ لِمَا يَرَى مِنْ نَظَرِ رَجُلٍ. "

Abu Sa'id al-Khudri radiallahu 'anhu berkata: Rasulullah s.a.w keluar menemui kami, dan ketika itu kami sedang bercerita tentang dajjal. Baginda s.a.w bersabda: Mahukah kalian jika aku beritahu tentang apa yang lebih aku takuti daripada dajjal jika ia menimpa kalian? Kami menjawab: Sudah pasti wahai Rasulullah s.a.w! Rasulullah sallallahu 'alaihi wasalla bersabda: Syirik yang tersembunyi, iaitu seseorang bangun mendirikan solat dan memperelokkan solatnya kerana ada orang melihatnya. [Sunan Ibnu Majah, Kitab az-Zuhd, hadis no: 4344, Al-Busairi menyatakan Isnadnya Hasan dalam Misbah az-Zujajah]

Abu Hurairah radiallahu 'anhu berkata:

سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، يَقُولُ إِنَّ أَوَّلَ النَّاسِ يُقْضَى يَوْمَ الْقِيَامَةِ عَلَيْهِ رَجُلٌ اسْتُشْهِدَ ، فَأُتِيَ بِهِ فَعَرَّفَهُ نِعَمَهُ فَعَرَفَهَا ، قَالَ فَمَا عَمِلْتَ فِيهَا ؟ قَالَ : قَاتَلْتُ فِيكَ حَتَّى اسْتُشْهِدْتُ ، قَالَ : كَذَبْتَ ، وَلَكِنَّكَ قَاتَلْتَ لِأَنْ يُقَالَ جَرِيءٌ ، فَقَدْ قِيلَ ثُمَّ أُمِرَ بِهِ فَسُحِبَ عَلَى وَجْهِهِ حَتَّى أُلْقِيَ فِي النَّارِ ،

Aku mendengar Rasulullah sallallahu 'alaihi wassalam bersabda: Sesungguhnya manusia pertama yang akan diadili pada hari kiamat ialah seorang lelaki yang mati syahid. Beliau akan dibawa dan Allah menunjukkan kepadanya nikmat-nikmat Nya, dan lelaki itu mengakuinya. Lalu Allah bertanya : Apa yang telah engkau lakukan dengannya? Lelaki itu menjawab : Aku telah berperang di jalan Mu sehingga aku mati syahid. Allah menjawab: Engkau bohong! Sebaliknya engkau berperang agar engkau dipanggil pahlawan! Sesungguhnya engkau telah dipanggil dengan gelaran

itu. Kemudian lelaki itu diarahkan untuk diseret dengan wajahnya di atas muka bumi, kemudian dilempar ke dalam neraka.

وَرَجُلٌ تَعَلَّمَ الْعِلْمَ وَعَلَّمَهُ وَقَرَأَ الْقُرْآنَ ، فَأُتِيَ بِهِ فَعَرَّفَهُ نِعَمَهُ فَعَرَفَهَا ، قَالَ : فَمَا عَمِلْتَ فِيهَا ؟ ، قَالَ : تَعَلَّمْتُ الْعِلْمَ وَعَلَّمْتُهُ وَقَرَأْتُ فِيكَ الْقُرْآنَ ، قَالَ : كَذَبْتَ ، وَلَكِنَّكَ تَعَلَّمْتَ الْعِلْمَ لِيُقَالَ عَالِمٌ وَقَرَأْتَ الْقُرْآنَ لِيُقَالَ هُوَ قَارِئٌ ، فَقَدْ قِيلَ ثُمَّ أُمِرَ بِهِ فَسُحِبَ عَلَى وَجْهِهِ حَتَّى أُلْقِيَ فِي النَّارِ ،

(kemudian giliran) seorang lelaki yang mempelajari ilmu, mengajarkan ia, dan membaca al-Quran. Dia dibawa dan Allah menunjukkan nikmatNya kepada lelaki itu, dan dia pun mengakuinya. Allah bertanya : Apa yang telah engkau lakukan dengannya? Lelaki itu menjawab : Aku telah mempelajari ilmu, mengajarkan ilmu dan membaca al-Quran kerana Mu. Allah menjawab: Engkau bohong ! Sebaliknya engkau menuntut ilmu untuk dipanggil orang alim, dan engkau membaca al-Quran untuk dipanggil Qari'. Sesungguhnya engkau telah dipanggil dengan gelaran itu. Kemudian lelaki itu diarahkan untuk diseret dengan wajahnya di atas muka bumi, kemudian dilempar ke dalam neraka.

وَرَجُلٌ وَسَّعَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَأَعْطَاهُ مِنْ أَصْنَافِ الْمَالِ كُلِّهِ ، فَأُتِيَ بِهِ فَعَرَّفَهُ نِعَمَهُ فَعَرَفَهَا ، قَالَ : فَمَا عَمِلْتَ فِيهَا ؟ ، قَالَ : مَا تَرَكْتُ مِنْ سَبِيلٍ تُحِبُّ أَنْ يُنْفَقَ فِيهَا إِلَّا أَنْفَقْتُ فِيهَا لَكَ ، قَالَ : كَذَبْتَ ، وَلَكِنَّكَ فَعَلْتَ لِيُقَالَ هُوَ جَوَادٌ ، فَقَدْ قِيلَ ثُمَّ أُمِرَ بِهِ فَسُحِبَ عَلَى وَجْهِهِ ثُمَّ أُلْقِيَ فِي النَّارِ "

(kemudian giliran) seorang lelaki yang Allah telah meluaskan kepadanya harta, dan dia memberikan hartanya kesemuanya kepada orang yang berhak. Dia dibawa dan Allah menunjukkan nikmatNya kepada lelaki itu, dan dia pun mengakuinya. Allah bertanya : Apa yang telah engkau lakukan dengannya? Lelaki itu menjawab: Tidak aku tinggalkan sedikit pun jalan yang mana Engkau suka untuk harta dibelanjakan padanya melainkan aku membelanjakan harta aku pada jalan itu untuk Mu. Allah menjawab: Engkau bohong! Sebaliknya engkau melakukan hal itu untuk dipanggil dermawan. Engkau telah mendapat gelaran itu Kemudian lelaki itu diarahkan untuk diseret dengan wajahnya di atas muka bumi. Kemudian dia dilempar ke dalam neraka.

[Sahih Muslim, Kitab al-Imarah, , hadis no : 1905]

Daripada Zaid bin Tsabit radiallahu ‘anhu: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda:

مَنْ كَانَتِ الدُّنْيَا هَمَّهُ , فَرَّقَ اللَّهُ عَلَيْهِ أَمْرَهُ , وَجَعَلَ فَقْرَهُ بَيْنَ عَيْنَيْهِ , وَلَمْ يَأْتِهِ مِنَ الدُّنْيَا إِلَّا مَا كُتِبَ لَهُ , وَمَنْ كَانَتِ الْآخِرَةُ نِيَّتَهُ , جَمَعَ اللَّهُ لَهُ أَمْرَهُ , وَجَعَلَ غِنَاهُ فِي قَلْبِهِ , وَأَتَتْهُ الدُّنْيَا وَهِيَ رَاغِمَةٌ. "

Sesiapa yang menjadikan dunia sebagai fokus utamanya, Allah akan memisahkan urusannya, dan Allah jadikan kemiskinan di hadapan matanya, dan Allah tidak memberikan kepadanya bahagian di dunia ini melainkan apa yang telah tertulis untuknya. Sesiapa yang menjadikan akhirat sebagai tujuannya, Allah akan mengumpulkan urusannya, dan Allah menjadikan kekayaan di dalam hatinya, dan Allah akan memberikan kepadanya dunia dan dunia pasti datang kepadanya

[Sunan Ibn Majah, Kitab az-Zuhd, hadis no: 4103, Shaikh Muqbil mensahihkannya dalam Al-Sahih Al-Musnad]

عَنْ سَعْدِ بْنِ أَبِي وَقَّاصٍ أَنَّهُ أَخْبَرَهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ "إِنَّكَ لَنْ تُنْفِقَ نَفَقَةً تَبْتَغِي بِهَا وَجْهَ اللَّهِ إِلَّا أُجِرْتَ عَلَيْهَا حَتَّى مَا تَجْعَلُ فِي فَمِ امْرَأَتِكَ"

Sa'ad bin Abi Waqqas radiallahu 'anhu meriwayatkan bahawa Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Sesungguhnya, tidaklah kalian memberikan mengeluarkan belanja yang dilakukan kerana mengharap wajah Allah, kecuali kalian akan diberikan ganjaran hingga pada makanan yang kalian suapkan pada isteri kalian. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Iman, hadis no: 56]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " مَنْ تَعَلَّمَ عِلْمًا مِمَّا يُبْتَغَى بِهِ وَجْهُ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ لَا يَتَعَلَّمُهُ إِلَّا لِيُصِيبَ بِهِ عَرَضًا مِنَ الدُّنْيَا لَمْ يَجِدْ عَرْفَ الْجَنَّةِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ " ، يَعْنِي رِيحَهَا.

Abu Hurairah radiallahu 'anhu berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Sesiapa yang menuntut ilmu yang sepatutnya dipelajari untuk mengharapkan wajah Allah, tetapi dia tidak mempelajarinya kecuali untuk mendapatkan bahagian daripada dunia. Maka dia tidak akan dapat menghidu bau syurga. [Sunan Abi Daud, Kitab al-Ilm, hadis no: 3181]

عَنْ ابْنِ عُمَرَ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : " مَنْ طَلَبَ الْعِلْمَ لِيُمَارِيَ بِهِ السُّفَهَاءَ ، أَوْ لِيُبَاهِيَ بِهِ الْعُلَمَاءَ ، أَوْ لِيَصْرِفَ وُجُوهَ النَّاسِ إِلَيْهِ ، فَهُوَ فِي النَّارِ

'Abdullah bin 'Umar meriwayatkan Nabi sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Sesiapa yang menuntut ilmu untuk berdebat dengan orang jahil, atau menyaingi ulama, atau agar manusia memandang ke arahnya, maka dia di neraka. [Sunan Ibn Majah, Kitab al-Muqaddimah, hadis no: 249]

Kata-kata ulama mengenai niat

وعن يحيى بن أبي كثير ، قال : تعلَّموا النِّيَّة ، فإنَّها أبلغُ من العَمَلِ

Yahya bin Abu Kathir berkata: Pelajarilah niat. Sesungguhnya ia lebih penting daripada amal itu sendiri.

وعن زُبَيدٍ اليامي ، قال : إنِّي لأحبُّ أن تكونَ لي نيَّةٌ في كلِّ شيءٍ ، حتى في الطَّعام والشَّراب ، وعنه أنَّه قال : انْوِ في كلِّ شيءٍ تريدُه الخيرَ ، حتى خروجك إلى الكُناسَةِ

Zubaid Al-Yami berkata: Aku suka agar aku memiliki niat untuk segala sesuatu. Hatta dalam makan dan minum. Beliau juga berkata: Berniatlah dalam sesuatu yang engkau mahukan kebaikan hatta ketika engkau keluar membuang sampah.

قال داود : والبِرُّ هِمَّةُ التَّقيِّ ، ولو تعلَّقت جميع جوارحه بحبِّ الدُّنيا لردَّته يوماً نيَّتُهُ إلى أصلِهِ.

Daud at-Thoie berkata: Kebaikan merupakan tujuan utama manusia yang bertaqwa. Seandainya kesemua anggota tubuhnya melekat dengan kecintaan kepada dunia, suatu hari nanti, niatnya akan mengembalikan dia kepada asalnya.

وعن سفيانَ الثَّوريِّ ، قال : ما عالجتُ شيئاً أشدَّ عليَّ من نيَّتي ؛ لأنَّها تتقلَّبُ عليَّ

Sufyan at-Tsauri berkata: Aku tidak pernah menghadapi sesuatu yang lebih hebat daripada niat ku. Ini kerana ia sering berubah-ubah.

وعن مطرِّف بن عبدِ الله قال : صلاحُ القلب بصلاحِ العملِ ، وصلاحُ العملِ بصلاحِ النيَّةِ

Muthorrif bin 'Abdullah berkata: Baiknya hati berdasarkan baiknya amal. Baiknya amal berdasarkan baiknya niat.

وعن ابن المبارك ، قال : رُبَّ عملٍ صغيرٍ تعظِّمهُ النيَّةُ ، وربَّ عمل كبيرٍ تُصَغِّره النيَّةُ.

'Abdullah bin al-Mubarak berkata: Boleh jadi ada amalan yang kecil menjadi besar kerana niat, dan boleh jadi ada amalan yang besar menjadi kecil kerana niat.

وقال الفضيلُ في قوله تعالى : { لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلاً } (2) ، قال : أخلصُه وأصوبُه . وقال : إنَّ العملَ إذا كان خالصاً ، ولم يكن صواباً ، لم يقبل ، وإذا كان صواباً ، ولم يكن خالصاً ، لم يقبل حتّى يكونَ خالصاً صواباً ، قال : والخالصُ إذا كان لله – عز وجل – ، والصَّوابُ إذا كان على السُّنَّة (3.)

Al-Fudhail berkata tentang firman Allah: Untuk menguji kalian siapakah antara kalian yang paling baik amalannya [Al-Mulk : 2]: Yang paling ikhlas dan benar. Beliau berkata: Sesungguhnya apabila amalan itu ikhlas tetapi tidak benar, maka ia tidak diterima. Apabila ia benar, tetapi tidak ikhlas, ia juga tidak akan diterima sehinggalah amalan tersebut ikhlas dan benar. Ikhlas apabila amalan itu dilakukan kerana Allah, dan benar apabila ia menepati sunnah.

Jenis-Jenis Amalan Yang Tidak Ikhlas

Ia tidak ikhlas sepenuhnya.

Ini sebagaimana amal ibadah orang munafiq. Allah berfirman:

وَإِذَا قَامُوا إِلَى الصَّلاةِ قَامُوا كُسَالَى يُرَاؤُونَ النَّاسَ وَلا يَذْكُرُونَ اللهَ إِلاَّ قَلِيلاً

Apabila mereka bangun mendirikan solat, mereka bangun dalam keadaan malasm dan menunjuk-nunjuk kepada manusia. Mereka tidaklah mengingati Allah kecuali sedikit sahaja. [An-Nisa' : 142]

فَوَيْلٌ لِلْمُصَلِّينَ الَّذِينَ هُمْ عَنْ صَلاتِهِمْ سَاهُونَ الَّذِينَ هُمْ يُرَاؤُونَ

Celakah bagi orang yang solat. Iaitu orang-orang yang lalai di dalam solatnya, dan mereka menunjuk-nunjuk.

[Al-Ma'un : 4-6]

Amalan yang sebegini secara jelas ia ditolak oleh Allah, dan pelakunya berdosa besar.

Bercampur Ikhlas dan Riya'

Apabila sesuatu amalan itu, sejak awal lagi saat ia didirikan sudah termasuk di dalamnya niat riya', maka amalan tersebut tidak diterima.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم : قَالَ اللَّهُ تَبَارَكَ وَتَعَالَى : أَنَا أَغْنَى الشُّرَكَاءِ عَنِ الشِّرْكِ مَنْ عَمِلَ عَمَلاً أَشْرَكَ فِيهِ مَعِي غَيْرِي تَرَكْتُهُ وَشِرْكَهُ

Abu Hurairah radiallahu 'anhu berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Allah berkata: Aku tidak memerlukan kepada sekutu. Sesiapa yang melakukan amalan dan menyekutukan Aku pada amalan tersebut dengan selain Aku. Aku tinggalkan dia dan apa yang dia syirikkan itu [Sahih Muslim, Kitab ar-Riqaq, hadis no: 2985]

عَنْ أَبِي أُمَامَةَ الْبَاهِلِيِّ ، قَالَ : " جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَقَالَ : أَرَأَيْتَ رَجُلا غَزَا يَلْتَمِسُ الأَجْرَ وَالذِّكْرَ مَا لَهُ ؟ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : لا شَيْءَ لَهُ ، فَأَعَادَهَا ثَلاثَ مَرَّاتٍ ، يَقُولُ لَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : لا شَيْءَ لَهُ ، ثُمَّ قَالَ : إِنَّ اللَّهَ لا يَقْبَلُ مِنَ الْعَمَلِ إِلا مَا كَانَ لَهُ خَالِصًا وَابْتُغِيَ بِهِ وَجْهُهُ

Abu Umamah al-Bahili radiallahu 'anhu berkata: Seorang lelaki datang kepada Nabi sallallahu 'alaihi wasallam lalu berkata: Apa pandangan engkau tentang seorang lelaki yang berperang untuk mendapat ganjaran dan kemasyhuran. Apakah yang akan dia perolehi? Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam menjawab: Dia tidak mendapat apa-apa. Lelaki itu mengulangi soalan sebanyak tiga kali, dan Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam menjawab: Dia tidak mendapat apa-apa. Kemudian baginda bersabda: Sesungguhnya Allah tidak menerima amalan kecuali ia dilakukan ikhlas dan mengharapkan wajahNya. [An-Nasaie dalam As-Sunan Al-Kubra, Kitab al-Jihad, hadis no: 4231]

Akan tetapi jika asal ibadah itu adalah ikhlas, tetapi di tengah-tengah ibadah muncul perasaan riya', maka ia terbahagi kepada beberapa kategori:

A- Riya' muncul di tengah-tengah ibadah, lalu kita menolak perasaan riya' itu. Ulama' sepakat amalan itu diterima oleh Allah.

B- Perasaan riya' yang muncul di tengah-tengah ibadah itu berterusan sehingga ke akhir ibadah.

- Sebahagian ulama menyatakan amalan itu diterima. Imam Ahmad dan Ibnu Jarir at-Thabari berkata amalannya diterima berdasarkan niat awalnya yang ikhlas. Ini berdasarkan sebuah riwayat mursal:

عَنْ عَطَاءٍ الْخُرَاسَانِيِّ ، أَنَّ رَجُلا ، قَالَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، إِنَّ بَنِي سَلِمَةَ كُلَّهُمْ يُقَاتِلُ ، فَمِنْهُمْ مَنْ يُقَاتِلُ لِلدُّنْيَا ، وَمِنْهُمْ مَنْ يُقَاتِلُ ، يَعْنِي نَجْدَةً ، وَمِنْهُمْ مَنْ يُقَاتِلُ ابْتِغَاءَ وَجْهِ اللَّهِ ، فَأَيُّهُمُ الشَّهِيدُ ؟ قَالَ : كُلُّهُمْ إِذَا كَانَ أَصْلُ أَمْرِهِ أَنْ تَكُونَ كَلِمَةُ اللَّهِ هِيَ الْعُلْيَا.

'Atho' al-Khurasaniyy meriwayatkan bahawa seorang lelaki berkata: Ya Rasulullah. Sesungguhnya semua orang daripada Bani Salamah pergi berperang. Sebahagian mereka pergi berperang untuk habuan dunia, sebahagian lagi berperang sekadar untuk membantu, dan sebahagian lagi berperang untuk mendapatkan wajah Allah. Siapakah di antara mereka yang syahid? Baginda menjawab: Semua mereka, selagi mana asal tujuan mereka ialah menjadikan kalimah Allah sebagai yang tertinggi. [Abu Daud dalam Al-Marasil, Bab Fi Fadhl al-Jihad, no: 321]

Imam ath-Thabari berkata ini berkaitan amalan seperti solat dan puasa, yang mana niatnya adalah syarat daripada sejak awal hingga akhir. Adapun untuk sedekah, zikir, membaca al-Quran, maka ia memerlukan kepada niat yang baru. Ini bermaksud amalan tadi yang bercampur dengan riya' tidak akan dikira.

Bercampur Ikhlas dan Ganjaran Dunia

Jika seseorang melakukan sesuatu amalan, yang bercampur pada asal niatnya ikhlas dan ganjaran dunia, tetapi bukanlah untuk menunjuk-nunjuk, maka ini akan mengurangkan pahalanya. Akan tetapi jika niatnya memang semata-mata untuk ganjaran dunia, maka dia tidak mendapat sebarang pahala pun. Jika niatnya ikhlas kerana Allah, tetapi diberikan ganjaran dunia tanpa dia berharap padanya, maka itu tidak mengurangkan pahalanya sedikit pun.

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " مَا مِنْ غَازِيَةٍ تَغْزُو فِي سَبِيلِ اللَّهِ ، فَيُصِيبُونَ الْغَنِيمَةَ إِلَّا تَعَجَّلُوا ثُلُثَيْ أَجْرِهِمْ مِنَ الْآخِرَةِ وَيَبْقَى لَهُمُ الثُّلُثُ ، وَإِنْ لَمْ يُصِيبُوا غَنِيمَةً تَمَّ لَهُمْ أَجْرُهُمْ

'Abdullah bin 'Amru radiallahu 'anhu meriwayatkan Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Sesiapa yang berperang di jalan Allah, lalu mereka mendapat harta rampasan perang, maka 2/3 pertiga ganjaran akhirat mereka telah disegerakan, dan tinggal lagi 1/3. Jika mereka tidak mendapat apa-apa harta rampasan perang, maka mereka akan mendapat pahala mereka [Sahih Muslim, Kitab al-Imarah, hadis no: 3535]

Adakah Pujian Merosakkan Ikhlas?

Jika seseorang ikhlas melakukan sesuatu amalan, lalu dia mendapat pujian, adakah itu akan merosakkan amalannya?

عَنْ أَبِي ذَرٍّ ، قَالَ : قِيلَ لِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " أَرَأَيْتَ الرَّجُلَ يَعْمَلُ الْعَمَلَ مِنَ الْخَيْرِ وَيَحْمَدُهُ النَّاسُ عَلَيْهِ ؟ قَالَ : تِلْكَ عَاجِلُ بُشْرَى الْمُؤْمِنِ

Abu Dzar radiallahu 'anhu berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam ditanya: Apa pandangan engkau tentang seseorang yang melakukan amal soleh, lalu manusia memujinya. Baginda

menjawab: Ia merupakan berita gembira yang disegerakan untuk orang beriman [Sahih Muslim, Kitab al-Birr wa as-Silah wa al-Adab, hadis no: 4786]

Akan tetapi seseorang yang hendak memuji orang lain hendaklah berhati-hati. Ini kerana tahap keimanan setiap insan berbeza. Adakalanya pujian mampu menyebabkan seseorang hilang keikhlasan sehingga menimbulkan rasa takbur, 'ujub dan riya'.

عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ أَبِي بَكْرَةَ ، عَنْ أَبِيهِ ، قَالَ : أَثْنَى رَجُلٌ عَلَى رَجُلٍ عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَقَالَ : وَيْلَكَ ، قَطَعْتَ عُنُقَ صَاحِبِكَ ، قَطَعْتَ عُنُقَ صَاحِبِكَ مِرَارًا ، ثُمَّ قَالَ : " مَنْ كَانَ مِنْكُمْ مَادِحًا أَخَاهُ لَا مَحَالَةَ ، فَلْيَقُلْ أَحْسِبُ فُلَانًا وَاللَّهُ حَسِيبُهُ ، وَلَا أُزَكِّي عَلَى اللَّهِ أَحَدًا أَحْسِبُهُ كَذَا وَكَذَا إِنْ كَانَ يَعْلَمُ ذَلِكَ مِنْهُ

Abu Bakrah radiallahu 'anhu berkata: Seorang lelaki memuji lelaki yang lain di hadapan Nabi sallallahu 'alaihi wasallam. Lalu baginda bersabda: Celaka engkau. Engkau telah memotong tengkuk sahabat mu, engkau telah memotong tengkuk sahabat mu. Kemudian baginda bersabda: Sesiapa daripada kalian yang perlu memuji saudaranya, hendaklah dia berkata: Saya rasa dia ini begini begitu, dan Allah lebih mengetahui keadaannya. Aku tidak memuji seorang pun sebelum Allah. Aku rasakan dia begitu begini. Ini seandainya dia memang mengenali orang itu [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Syahadat, hadis no: 2481]

عَنْ أَبِي مَعْمَرٍ، قَالَ قَامَ رَجُلٌ يُثْنِي عَلَى أَمِيرٍ مِنَ الأُمَرَاءِ فَجَعَلَ الْمِقْدَادُ يَحْثِي عَلَيْهِ التُّرَابَ وَقَالَ أَمَرَنَا رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم أَنْ نَحْثِيَ فِي وُجُوهِ الْمَدَّاحِينَ التُّرَابَ .

Abu Ma'mar berkata: Seseorang memuji pemimpin. Lalu Al-Miqdad melempar pasir kepadanya dan berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam menyuruh kami untuk melempar pasir ke wajah orang-orang yang memuji [Sahih Muslim, Kitab az-Zuhud wa ar-Raqaiq, hadis no: 3002]

Ini tidaklah bermaksud salah secara mutlak untuk memuji seseorang. Ini kerana Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam sendiri sering memuji sahabat-sahabatnya.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " نِعْمَ الرَّجُلُ أَبُو بَكْرٍ ، نِعْمَ الرَّجُلُ عُمَرُ ، نِعْمَ الرَّجُلُ أَبُو عُبَيْدَةَ بْنُ الْجَرَّاحِ ، نِعْمَ الرَّجُلُ أُسَيْدُ بْنُ حُضَيْرٍ ، نِعْمَ الرَّجُلُ ثَابِتُ بْنُ قَيْسِ بْنِ شَمَّاسٍ ، نِعْمَ الرَّجُلُ مُعَاذُ بْنُ جَبَلٍ ، نِعْمَ الرَّجُلُ مُعَاذُ بْنُ عَمْرِو بْنِ الْجَمُوحِ " . قَالَ أَبُو عِيسَى : هَذَا حَسَنٌ نَعْرِفُهُ مِنْ حَدِيثِ سُهَيْلٍ

Abu Hurairah radiallahu 'anhu berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Sebaik-baik lelaki adalah Abu Bakar, sebaik-baik lelaki adalah Umar, sebaik-baik lelaki adalah Abu 'Ubaidah bin al-Jarrah, sebaik-baik lelaki adalah Usaid bin Hudhair, sebaik-baik lelaki ialah Tsabit bin Qais bin Syammas, sebaik-baik lelaki ialah Muaz bin Jabal, sebaik-baik lelaki ialah Muaz bin Amru bin al-Jamu'. [Sunan at-Tirmizi, Kitab ad-Da'awat, hadis no: 3757]

Salaf pernah berdoa:

نا أَبِي، قَالَ: سَمِعْتُ الْأَوْزَاعِيَّ، يَقُولُ: " إِذَا أَثْنَى رَجُلٌ عَلَى رَجُلٍ فِي وَجْهِهِ، فَلْيَقُلِ: اللهُمَّ أَنْتَ أَعْلَمُ بِي مِنْ نَفْسِي، وَأَنَا أَعْلَمُ بِنَفْسِي مِنَ النَّاسِ، اللهُمَّ لَا تُؤَاخِذْنِي بِمَا يَقُولُونَ، وَاغْفِرْ لِي مَا لَا يَعْلَمُونَ"

Al-Awzaie' berkata: Apabila seseorang memuji orang secara berhadapan, hendakah (yang dipuji berkata): Ya Allah. Engkau lebih mengetahui diri ini daripada diri ku sendiri. Aku pula lebih mengenali diri aku daripada manusia lain. Ya Allah, jangan kau hukum aku atas apa yang mereka katakan. Ampuni aku atas apa yang mereka tidak tahu. [Syu'ab al-Iman, no: 4533]

Niat Tetapi Tidak Melakukan

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ . رضى الله عنهما . عَنِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم فِيمَا يَرْوِي عَنْ رَبِّهِ عَزَّ وَجَلَّ قَالَ قَالَ " إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ الْحَسَنَاتِ وَالسَّيِّئَاتِ، ثُمَّ بَيَّنَ ذَلِكَ فَمَنْ هَمَّ بِحَسَنَةٍ فَلَمْ يَعْمَلْهَا كَتَبَهَا اللَّهُ لَهُ عِنْدَهُ حَسَنَةً كَامِلَةً، فَإِنْ هُوَ هَمَّ بِهَا فَعَمِلَهَا كَتَبَهَا اللَّهُ لَهُ عِنْدَهُ عَشْرَ حَسَنَاتٍ إِلَى سَبْعِمِائَةِ ضِعْفٍ إِلَى أَضْعَافٍ كَثِيرَةٍ، وَمَنْ هَمَّ بِسَيِّئَةٍ فَلَمْ يَعْمَلْهَا كَتَبَهَا اللَّهُ لَهُ عِنْدَهُ حَسَنَةً كَامِلَةً، فَإِنْ هُوَ هَمَّ بِهَا فَعَمِلَهَا كَتَبَهَا اللَّهُ لَهُ سَيِّئَةً وَاحِدَةً

Ibn 'Abbas radiallahu 'anhuma meriwayatkan Nabi sallallahu 'alaihi wasallam berkata: Allah berfirman: Sesungguhnya Allah telah menulis kebaikan dan kejahatan. Kemudian Dia menerangkannya. Sesiapa yang berazam melakukan kebaikan, tetapi tidak melakukannya. Maka Allah menulis untuknya satu kebaikan yang sempurna. Seandainya dia berazam melakukan kebaikan, lalu dia melakukannya, maka Allah menulis untuknya sepuluh kebaikan hingga tujuh ratus kali ganda dan sehingga gandaaan yang sangat banyak. Sesiapa yang berazam melakukan kejahatan, tetapi tidak melakukannya. Allah telah menulis untuknya satu kebaikan yang sempurna. Seandainya dia berazam melakukan kejahatan lalu dia melakukannya, maka Allah menulis untuknya satu kejahatan.

[Sahih al-Bukhari, Kitab ar-Riqaq, hadis no: 6491]

Dalil-dalil lain

Terdapat banyak dalil-dalil lain yang menyebutkan hal ini, yang mana setiap dalil ini akan menerangkan lagi apakah yang dimaksudkan oleh hadis di atas.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم قَالَ " يَقُولُ اللَّهُ إِذَا أَرَادَ عَبْدِي أَنْ يَعْمَلَ سَيِّئَةً فَلاَ تَكْتُبُوهَا عَلَيْهِ حَتَّى يَعْمَلَهَا، فَإِنْ عَمِلَهَا فَاكْتُبُوهَا بِمِثْلِهَا وَإِنْ تَرَكَهَا مِنْ أَجْلِي فَاكْتُبُوهَا لَهُ حَسَنَةً وَإِذَا أَرَادَ أَنْ يَعْمَلَ حَسَنَةً فَلَمْ يَعْمَلْهَا فَاكْتُبُوهَا لَهُ حَسَنَةً، فَإِنْ عَمِلَهَا فَاكْتُبُوهَا لَهُ بِعَشْرِ أَمْثَالِهَا إِلَى سَبْعِمِائَةٍ

Abu Hurairah radiallahu 'anhu meriwayatkan Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Allah berkata: Apabila seorang hamba Ku ingin melakukan kejahatan, janganlah kalian menulisnya sehinggalah dia benar-benar melakukannya. Seandainya dia melakukannya, tulislah untuknya (dosa) yang semisal dengan kejahatan itu. seandainya dia meninggalkan daripada melakukan kejahatan itu kerana Aku, maka tulislah untuknya satu kebaikan. Apabila seseorang ingin

melakukan kebaikan, tetapi dia tidak melakukannya, tulislah untuknya satu kebaikan. Seandainya dia melakukannya, tulislah untuknya sepuluh kebaikan sehingga tujuh ratus kali ganda. [Sahih al-Bukhari, Kitab at-Tauhid, hadis no: 7501]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم " إِذَا أَحْسَنَ أَحَدُكُمْ إِسْلاَمَهُ، فَكُلُّ حَسَنَةٍ يَعْمَلُهَا تُكْتَبُ لَهُ بِعَشْرِ أَمْثَالِهَا إِلَى سَبْعِمِائَةِ ضِعْفٍ، وَكُلُّ سَيِّئَةٍ يَعْمَلُهَا تُكْتَبُ لَهُ بِمِثْلِهَا

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Apabila baiknya Islam salah seorang daripada kalian, maka setiap kebaikan yang dia lakukan akan ditulis untuknya sepuluh kebaikan sehingga tujuh ratus kali ganda. Setiap kejahatan yang dilakukannya pula ditulis untuknya semisalnya [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Iman, hadis no: 42]

Daripada Huzaim bin Fatik al-Asadiy, Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda”

وَمَنْ هَمَّ بِحَسَنَةٍ فَلَمْ يَعْمَلْهَا ، فَعَلِمَ اللَّهُ أَنَّهُ قَدْ أَشْعَرَهَا قَلْبَهُ ، وَحَرَصَ عَلَيْهَا ، كُتِبَتْ لَهُ حَسَنَةً ، وَمَنْ هَمَّ بِسَيِّئَةٍ لَمْ تُكْتَبْ عَلَيْهِ ، وَمَنْ عَمِلَهَا كُتِبَتْ وَاحِدَةً وَلَمْ تُضَاعَفْ عَلَيْهِ ، وَمَنْ عَمِلَ حَسَنَةً كَانَتْ لَهُ بِعَشْرِ أَمْثَالِهَا ، وَمَنْ أَنْفَقَ نَفَقَةً فِي سَبِيلِ اللهِ كَانَتْ لَهُ بِسَبْعِ مِئَةِ ضِعْفٍ.

Sesiapa yang berazam melakukan kebaikan tetapi tidak melakukannya, sedangkan Allah mengetahui perasaan di dalam hatinya, dan bersungguhnya dia untuk melakukan amalan tersebut. Maka ditulis untuknya satu kebaikan. Sesiapa yang berazam melakukan kejahatan, tidaklah ditulis (dosa) untuknya, dan jika dia melakukannya, ditulis untuknya satu kejahatan, dan tidak digandakan. Sesiapakan yang melakukan satu kebaikan, maka ganjarannya sepuluh kali ganda. Sesiapa yang membelanjakan harta di jalan Allah, maka dia mendapat tujuh kali ganda ganjaran. [Musnad Ahmad, Hadis Huzaim, hadis no: 19057. Shaikh al-Arnaouth berkata: Isnadnya hasan]

Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda:

إِنَّمَا الدُّنْيَا لأَرْبَعَةِ نَفَرٍ عَبْدٍ رَزَقَهُ اللَّهُ مَالاً وَعِلْمًا فَهُوَ يَتَّقِي فِيهِ رَبَّهُ وَيَصِلُ فِيهِ رَحِمَهُ وَيَعْلَمُ لِلَّهِ فِيهِ حَقًّا فَهَذَا بِأَفْضَلِ الْمَنَازِلِ وَعَبْدٍ رَزَقَهُ اللَّهُ عِلْمًا وَلَمْ يَرْزُقْهُ مَالاً فَهُوَ صَادِقُ النِّيَّةِ يَقُولُ لَوْ أَنَّ لِي مَالاً لَعَمِلْتُ بِعَمَلِ فُلاَنٍ فَهُوَ بِنِيَّتِهِ فَأَجْرُهُمَا سَوَاءٌ

Sesungguhnya dunia ini untuk empat golongan. Seorang hamba yang Allah kurniakan harta dan ilmu. Dia bertaqwa kepada Allah dengan kurniaan itu dan menyambung silaturahim, dan dia tahu Allah mempunyai hak ke atas dirinya. Inilah kedudukan yang paling utama. Ada pula seorang hamba yang Allah kurniakan ilmu, tetapi Allah tidak mengurniakannya harta. Dia mempunyai niat yang tulus yang membisikkan: Seandainya aku mempunyai harta, nescaya aku akan beramal dengan amalan fulan tersebut. Maka dengan niatnya itu, kedua-dua orang tadi mempunyai pahala yang serupa.

وَعَبْدٍ رَزَقَهُ اللَّهُ مَالاً وَلَمْ يَرْزُقْهُ عِلْمًا فَهُوَ يَخْبِطُ فِي مَالِهِ بِغَيْرِ عِلْمٍ لاَ يَتَّقِي فِيهِ رَبَّهُ وَلاَ يَصِلُ فِيهِ رَحِمَهُ وَلاَ يَعْلَمُ لِلَّهِ فِيهِ حَقًّا فَهَذَا بِأَخْبَثِ الْمَنَازِلِ وَعَبْدٍ لَمْ يَرْزُقْهُ اللَّهُ مَالاً وَلاَ عِلْمًا فَهُوَ يَقُولُ لَوْ أَنَّ لِي مَالاً لَعَمِلْتُ فِيهِ بِعَمَلِ فُلاَنٍ فَهُوَ بِنِيَّتِهِ فَوِزْرُهُمَا سَوَاءٌ " . قَالَ أَبُو عِيسَى هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ

Ada pula seorang hamba yang Allah rezekikan kepadanya harta, tetapi tidak diberikan kepadanya ilmu. Dia membelanjakan hartanya tanpa ilmu, dan dia tidak bertaqwa kepada Allah dalam urusan itu, dia juga tidak menyambung silaturahim, dan dia tidak tahu bahawa Allah mempunyai hak ke atas dirinya. Inilah seburuk-buruk kedudukan. Ada pula seorang hamba yang Allah tidak memberikan kepadanya harta dan tidak jua ilmu. Orang ini berkata pada dirinya: Jika aku mempunyai harta, maka aku akan melakukan sebagaimana amalan fulan. Maka dengan niatnya itu, dosa untuk mereka berdua sama.

[Sunan at-Tirmizi, Kitab az-Zuhd, hadis no: 2325]

Huraian teks hadis:

Amalan kebaikan akan digandakan

Amalan kebaikan akan digandakan daripada sepuluh kali ganda, hingga tujuh ratus kali ganda bahkan hingga kepada gandaan yang tiada batasannya.

Firman Allah:

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلَ فِي كُلِّ سُنْبُلَةٍ مِائَةُ حَبَّةٍ وَاللَّهُ يُضَاعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ (261)

Perumpamaan orang-orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah adalah serupa dengan sebutir benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, pada tiap-tiap tangkai ada seratus biji. Allah melipat gandakan [ganjaran] bagi siapa yang Dia kehendaki. Dan Allah Maha Luas [karunia-Nya] lagi Maha Mengetahui. [Al-Baqarah : 261]

Amalan Kejahatan Tidak Digandakan

Daripada hadis-hadis di atas kita akan ketahui bahawa dosa yang dilakukan tidak akan digandakan, berbeza dengan kebaikan yang kita lakukan. Akan tetapi sebahagian ulama menyatakan dosa adakalanya akan menjadi lebih besar apabila ia dilakukan pada waktu-waktu yang terhormat seperti bulan Ramadhan, atau tempat yang terhormat seperti di Tanah Haram. Ini berdasarkan firman Allah:

إِنَّ عِدَّةَ الشُّهُورِ عِنْدَ اللَّهِ اثْنَا عَشَرَ شَهْرًا فِي كِتَابِ اللَّهِ يَوْمَ خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ مِنْهَا أَرْبَعَةٌ حُرُمٌ ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ فَلَا تَظْلِمُوا فِيهِنَّ أَنْفُسَكُمْ

Sesungguhnya bilangan bulan-bulan di sisi (hukum) Allah ialah dua belas bulan, (yang telah ditetapkan) dalam Kitab Allah semasa Dia menciptakan langit dan bumi, di antaranya empat bulan yang dihormati. Ketetapan yang demikian itu ialah agama yang betul lurus, maka janganlah kamu

menganiaya diri kamu dalam bulan-bulan yang dihormati itu (dengan melanggar laranganNya) [At-Taubah : 36]

Tokoh-tokoh tafsir seperti Ibn ‘Abbas, Ali bin Abi Talhah berkata:

فجعلهنَّ حرماً ، وعظم حُرماتهنَّ ، وجعل الذَّنبَ فيهنَّ أعظمَ ، والعمل الصالح والأجر أعظم

Allah telah menjadikan bulan-bulan itu penuh kehormatan, dan sangat besar kehormatan bulan-bulan itu. Allah telah menjadikan dosa pada bulan itu besar, dan amalan soleh dan pahala pada bulan itu juga besar.

Begitu juga dosa akan menjadi besar menurut tahap atau darjat kedudukan seseorang manusia, sama ada dia manusia yang berilmu atau jahil. Ini sebagaimana firman Allah kepada isteri-isteri Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam.

يَا نِسَاءَ النَّبِيِّ مَنْ يَأْتِ مِنْكُنَّ بِفَاحِشَةٍ مُبَيِّنَةٍ يُضَاعَفْ لَهَا الْعَذَابُ ضِعْفَيْنِ وَكَانَ ذَلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرًا

Wahai isteri-isteri Nabi, sesiapa di antara kamu yang melakukan sesuatu perbuatan keji yang nyata, nescaya akan digandakan azab seksa baginya dua kali ganda. Dan (hukuman) yang demikian itu adalah mudah bagi Allah melaksanakannya. [Al-Ahzab : 30]

Berniat Melakukan Kebaikan Tetapi Tidak Melakukannya

Orang yang berniat melakukan kebaikan akan menerima satu ganjaran. Akan tetapi niat yang dimaksudkan di sini bukanlah sekadar niat, tetapi ia satu azam yang bersungguh-sungguh dan disertai usaha, akan tetapi orang ini terhalang daripada melakukan kebaikan tersebut atas sebab-sebab yang tertentu. Ini juga ditunjukkan oleh hadis-hadis berikut:

عَنْ أَبِي الدَّرْدَاءِ ، يَبْلُغُ بِهِ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : " مَنْ أَتَى فِرَاشَهُ وَهُوَ يَنْوِي أَنْ يَقُومَ يُصَلِّي مِنَ اللَّيْلِ فَغَلَبَتْهُ عَيْنَاهُ حَتَّى أَصْبَحَ كُتِبَ لَهُ مَا نَوَى وَكَانَ نَوْمُهُ صَدَقَةً عَلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ عَزَّ وَجَلَّ"

Abu Ad-Darda’ radiallahu ‘anhu meriwayatkan Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Sesiapa yang pergi ke tempat tidur dalam keadaan sudah berniat untuk bangun mendirikan solat malam, lalu matanya menewaskan dia sehingga waktu pagi, maka ditulis untuknya (pahala qiamullail) yang telah dia niatkan. Tidurnya itu adalah sedekah daripada Tuhannya.

[Sunan an-Nasaie as-Sughra, Kitab Qiyam al-Lail, hadis no: 1775]

Abu Burdah berkata:

سَمِعْتُ أَبَا مُوسَى مِرَارًا يَقُولُ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم " إِذَا مَرِضَ الْعَبْدُ أَوْ سَافَرَ، كُتِبَ لَهُ مِثْلُ مَا كَانَ يَعْمَلُ مُقِيمًا صَحِيحًا ".

Aku mendengar Abu Musa berulang kali menyebutkan: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Apabila seseorang itu sakit atau bermusafir, maka ditulis baginya (pahala) sebagaimana

ketika dia beramal dalam keadaan bermukim dan sihat [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Jihad wa as-Siyar, hadis no: 2996]

Berniat Melakukan Kejahatan Tetapi Tidak Melakukannya

Orang ini hanya akan mendapat pahala apabila dia meninggalkan kejahatan tersebut kerana Allah. Akan tetapi jika dia meninggalkan atau tidak melakukan kejahatan tersebut kerana takut ditangkap pihak berkuasa dan sebagainya, maka dia tidak akan mendapat pahala. Ini kerana meninggalkan maksiat kerana Allah merupakan salah satu bentuk amal soleh.

Jika dia sekadar berniat, tetapi tidak berusaha melakukannya, dan tidak pula menyebutkan hal itu, maka dia tidak berdosa.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم قَالَ " إِنَّ اللَّهَ تَجَاوَزَ لأُمَّتِي عَمَّا لَمْ تَتَكَلَّمْ بِهِ أَوْ تَعْمَلْ بِهِ وَبِمَا حَدَّثَتْ بِهِ أَنْفُسَهَا

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu meriwayatkan Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Sesungguhnya Allah memaafkan untuk umatku daripada perkara yang mereka tidak berkata-kata tentangnya, atau tidak melakukannya, dan mereka sekadar terdetik di dalam hati mereka. [Sunan Abi Daud, Kitab at-Thalaq, hadis no: 2209]

Jika seseorang itu berniat, dan dia berusaha pula melakukan maksiat itu walaupun tidak berjaya melakukannya, maka dia tetap akan berdosa sama seperti dia melakukan maksiat itu sendiri.

Abu Bakra radiallahu ‘anhu meriwayatkan Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda:

إِذَا الْتَقَى الْمُسْلِمَانِ بِسَيْفَيْهِمَا فَالْقَاتِلُ وَالْمَقْتُولُ فِي النَّارِ ". فَقُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ هَذَا الْقَاتِلُ فَمَا بَالُ الْمَقْتُولِ قَالَ " إِنَّهُ كَانَ حَرِيصًا عَلَى قَتْلِ صَاحِبِهِ "

Apabila dua orang Islam bertemu sambil menghunuskan pedang mereka, maka pembunuh dan yang dibunuh di neraka. Aku (iaitu Abu Bakrah) bertanya: Ya Rasulullah. Ini untuk yang membunuh. Kenapa pula yang dibunuh (masuk neraka jua)? Baginda menjawab: Sesungguhnya dia telah berusaha untuk membunuh sahabatnya. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Iman, hadis no: 31]

Akan tetapi hal di atas adalah berkaitan dengan amalan yang berkait dengan tubuh badan. Adapun yang berkaitan dengan hati seperti keimanan kepadan rukun iman, ikhlas, hasad, sombong dan sebagainya, jika seseorang berterusan di dalam hati dengan sifat-sifat buruk tersebut maka dia tetap akan berdosa.

HADIS JIBRIL

عَنْ عُمَرَ بن الخَطَّابِ – رضي الله عنه –، قال : بَيْنَمَا نَحْنُ جلوس عندَ رَسولِ الله – صلى الله عليه وسلم – ذاتَ يومٍ ، إذْ طَلَعَ علينَا رَجُلٌ شَدِيدُ بياضِ الثِّيابِ ، شَدِيدُ سَوَادِ الشَّعْرِ ، لا يُرى عليهِ أَثَرُ السَّفَر ، ولا يَعرِفُهُ

مِنّا أحدٌ ، حتَّى جَلَسَ إلى النَّبيِّ – صلى الله عليه وسلم – ، فأسنَدَ رُكْبَتَيْهِ إلى رُكْبَتَيْهِ ، ووضع كَفَّيه على فَخِذيه ،

Umar bin al-Khattab radiallahu ‘anhu berkata: Pada suatu hari, ketika kami sedang duduk bersama Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam, muncul kepada kami seorang lelaki yang sangat putih pakaiannya, sangat hitam rambutnya, tidak kelihatan pada dirinya tanda-tanda orang yang bermusafir. Tidak seorang pun daripada kami yang mengenali orang tersebut. Lalu dia duduk sangat dekat dengan Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam, lalu merapatkan lututnya dengan lutut Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam, dan meletakkan tapak tangannya di atas pahanya.

وقالَ : يا مُحَمَّدُ ، أخبِرني عَنِ الإسلامِ. فقال رَسولُ الله – صلى الله عليه وسلم – : ((الإسلامُ : أنْ تَشْهَدَ أنْ لا إلهَ إلاَّ الله ، وأنَّ محمَّداً رسولُ اللهِ ، وتُقيمَ الصَّلاةَ ، وتُؤتِيَ الزَّكاةَ ، وتصومَ رمضَانَ ، وتَحُجَّ البَيتَ إن استَطَعتَ إليه سبيلاً)) . قال : صَدَقتَ، قال : فَعَجِبنا لَهُ يسأَلُهُ ويصدِّقُهُ.

Lelaki itu bertanya: Ya Muhammad. Ceritakan kepada aku tentang Islam. Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam mengjawab: Islam ialah engkau bersaksi tiada tuhan yang berhak disembah selain Allah, dan Muhammad adalah utusan Allah, dan engkau mendirikan solat, membayar zakat, berpuasa di bulan Ramadhan, dan engkau kerjakan haji di Baitullah jika engkau berkemampuan. Lelaki itu berkata: Engkau benar. Umar berkata: Kami berasa pelik kepadanya. Dia bertanya, dan dia pula yang membenarkan jawapan baginda sallallahu ‘alaihi wasallam.

قال: فأخْبِرني عَنِ الإيمان . قال : ((أنْ تُؤْمِنَ باللهِ وملائِكَته وكُتُبِه، ورُسُله، واليَومِ الآخِرِ ، وتُؤْمِنَ بالقَدرِ خَيرِهِ وشَرِّهِ)) . قالَ : صَدَقتَ.

Lelaki itu bertanya lagi: Ceritakan kepada aku tentang iman. Baginda sallallahu ‘alaihi wasallam menjawab: Engkau beriman kepada Allah, malaikat-malaikatNya, kitab-kitabNya, rasul-rasulNya, hari Kiamat, dan engkau beriman dengan takdir yang baik ataupun buruk.

قالَ : فأخْبِرِني عنِ الإحْسَانِ ، قال : ((أنْ تَعبُدَ اللهَ كأنَّكَ تَراهُ ، فإنْ لَمْ تَكُنْ تَراهُ فإنَّهُ يراكَ.))

Lelaki itu bertanya lagi: Ceritakan kepada aku tentang Ehsan. Baginda sallallahu ‘alaihi wasallam menjawab: Engkau menyembah Allah seolah-olah engkau melihatNya. Jika tidak dapat merasai yang engkau melihatNya, sesungguhnya Dia Melihat engkau.

قال : فأخبِرني عَنِ السَّاعةِ ؟ قال : ((مَا المسؤُولُ عَنْهَا بأعلَمَ مِنَ السَّائِلِ.))

Lelaki itu bertanya lagi: Ceritakan kepada aku tentang hari Kiamat. Baginda sallallahu ‘alaihi wasallam menjawab: Tidaklah yang ditanya tentangnya lebih tahu daripada yang bertanya:

قال : فأخبِرني عنْ أَمارَتِها ؟ قال : ((أنْ تَلِد الأَمَةُ رَبَّتَها، وأنْ تَرى الحُفاة العُراة العَالةَ رعَاءَ الشَّاءِ يَتَطَاوَلونَ في البُنيانِ.))

Lelaki itu bertanya: Ceritakan kepada aku tentang tanda-tandanya. Baginda sallallahu ‘alaihi wasallam menjawab: Seorang ibu melahirkan tuannya, dan engkau akan melihat manusia manusia yang berkaki ayam, bertelanjang, miskin yang mengembala kambing berlumba-lumba meninggikan bangunan.

ثُمَّ انْطَلَقَ ، فلبثْتُ مَليّاً ، ثمَّ قال لي : ((يا عُمَرُ ، أتَدرِي مَنِ السَّائل ؟ ((قلتُ : الله ورسولُهُ أعلَمُ . قال : ((فإنَّهُ جِبريلُ أتاكُم يُعَلِّمُكُم دِينَكُم)) . رواه مسلم

Kemudian lelaki itu beredar, (Umar berkata): Lalu aku diam daripada hal itu beberapa hari, kemudian baginda sallallahu ‘alaihi wasallam bertanya: Ya Umar. Adakah engkau kenal siapa yang bertanya itu? Aku menjawab: Allah dan rasulNya lebih mengetahui. Baginda bersabda: Sesungguhnya itu Jibril. Dia datang kepada kalian untuk mengajar kepada kalian agama kalian. [Sahih Muslim]

Huraian

Maksud Islam

Daripada hadis di atas, kita dapati Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam mengaitkan Islam dengan amal yang zahir iaitu perbuatan anggota badan dan perkataan. Ia dimulakan dengan amalan lisan iaitu mengikrarkan syahadah. Kemudian ia diikuti dengan amalan anggota badan yang lain iaitu solat dan puasa. Kemudian ia diikuti dengan amalan yang berkaitan harta iaitu zakat. Kemudian ia diikuti dengan amalan yang merangkumi amalan tubuh badan dan harta iaitu haji.

Terdapat sebahagian umat Islam yang menjadikan rukun Islam ini sebagai hujah bahawa hanya lima perkara ini sahaja yang wajib dilakukan sebagai seorang Muslim, manakala perkara-perkara yang lain tidak wajib. Terdapat segelintir Muslim berkata menutup aurat tidak wajib, hukum hudud tidak wajib atas alasan ia tidak termasuk rukun Islam.

Ini merupakan satu kekeliruan yang nyata. Perkataan sebegini tertolak apabila kita melihat hadis-hadis lain yang memasukkan amalan-amalan lain ke dalam definisi Islam.

‘Abdullah bin ‘Amr radiallahu ‘anhu meriwayatkan Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda:

الْمُسْلِمُ مَنْ سَلِمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ، وَالْمُهَاجِرُ مَنْ هَجَرَ مَا نَهَى اللَّهُ عَنْهُ

Muslim adalah seseorang yang umat Islam lain selamat daripada lisan dan tangannya. Al-Muhajir pula ialah orang yang berhijrah daripada apa yang Allah larang. [Sahih al-Bukhari, Kitab ar-Riqaq, hadis no: 6484]

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو، أَنَّ رَجُلاً، سَأَلَ رَسُولَ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم أَىُّ الإِسْلاَمِ خَيْرٌ قَالَ " تُطْعِمُ الطَّعَامَ، وَتَقْرَأُ السَّلاَمَ عَلَى مَنْ عَرَفْتَ وَمَنْ لَمْ تَعْرِفْ

‘Abdullah bin ‘Amru meriwayatkan bahawa seorang lelaki bertanya kepada Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam: Islam yang manakah yang baik? Baginda menjawab: Engkau memberikan makanan, engkau mengucapkan salam kepada orang yang engkau kenali dan yang tidak engkau kenali. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Iman, hadis no: 28]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : " الإِسْلامُ أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ لا تُشْرِكُ بِهِ شَيْئًا ، وَتُقِيمَ الصَّلاةَ ، وَتُؤْتِيَ الزَّكَاةَ ، وَتَصُومَ رَمَضَانَ ، وَتَحُجَّ الْبَيْتَ ، وَالأَمْرُ بِالْمَعْرُوفِ ، وَالنَّهْيُ عَنِ الْمُنْكَرِ ، وَتَسْلِيمُكَ عَلَى أَهْلِكَ ، فَمَنِ انْتَقَصَ شَيْئًا مِنْهُنَّ فَهُوَ سَهْمٌ مِنَ الإِسْلامِ يَدَعُهُ ، وَمَنْ تَرَكَهُنَّ كُلَّهُنَّ فَقَدْ وَلَّى الإِسْلامَ ظَهْرَهُ

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu meriwayatkan Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Islam ialah engkau menyembah Allah dan tidak mensyirikkanNya dengan sesuatu pun, engkau mendirikan solat, membayar zakat, berpuasa di bulan Ramadhan, mengerjakan haji di Baitullah, menyuruh kepada kebaikan, mencegah kemungkaran, memberi salam kepada keluargamu. Sesiapa yang mengurangkan sesuatu daripada amalan-amalan ini, maka dia meninggalkan satu bahagian daripada Islam. Sesiapa yang meninggalkan kesemuanya, maka dia telah mencampak Islam ke belakangnya. [Al-Mustadrak, Kitab al-Iman, hadis no: 51, Shaikh al-Albani menyatakan ia Sahih Lighairihi dalam Sahih at-Targhib]

عَنْ النَّوَّاسِ بْنِ سَمْعَانَ الأَنْصَارِيِّ ، عَنْ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلاً صِرَاطًا مُسْتَقِيمًا ، وَعَلَى جَنْبَتَيْ الصِّرَاطِ سُورَانِ ، فِيهِمَا أَبْوَابٌ مُفَتَّحَةٌ ، وَعَلَى الأَبْوَابِ سُتُورٌ مُرْخَاةٌ ، وَعَلَى بَابِ الصِّرَاطِ دَاعٍ يَقُولُ : أَيُّهَا النَّاسُ ، ادْخُلُوا الصِّرَاطَ جَمِيعًا ، وَلاَ تَتَعَرَّجُوا ، وَدَاعٍ يَدْعُو مِنْ فَوْقِ الصِّرَاطِ ، فَإِذَا أَرَادَ يَفْتَحُ شَيْئًا مِنْ تِلْكَ الأَبْوَابِ ، قَالَ : وَيْحَكَ لاَ تَفْتَحْهُ ، فَإِنَّكَ إِنْ تَفْتَحْهُ تَلِجْهُ ، وَالصِّرَاطُ الإِسْلاَمُ ، وَالسُّورَانِ : حُدُودُ اللهِ ، وَالأَبْوَابُ الْمُفَتَّحَةُ : مَحَارِمُ اللهِ ، وَذَلِكَ الدَّاعِي عَلَى رَأْسِ الصِّرَاطِ : كِتَابُ اللهِ ، وَالدَّاعِي مِنِ فَوْقَ الصِّرَاطِ : وَاعِظُ اللهِ فِي قَلْبِ كُلِّ مُسْلِمٍ.

Daripada an-Nawas bin Sam’an al-Ansori, Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Allah membuat perumpamaan tentang jalan yang lurus. Pada kedua sisinya terdapat pagar tembok yang memiliki pintu-pintu terbuka, tetapi pada pintu-pintu itu ada tirai yang menutupinya. Sementara pada pintu masuk jambatan itu ada seseorang penyeru yang berkata:”wahai manusia masuklah kalian semua ke jambatan ini dan jangan menyimpang darinya” dan diatas jambatan juga ada penyeru yang setiap kali ada yang mahu membuka pintu-pintu, maka penyeru itu berkata: celakalah kamu, janganlah kamu buka pintu itu, sesungguhnya jika kamu membukanya maka kamu akan masuk kedalamnya. Jambatan itu adalah agama islam, dua pagar itu adalah batasan-batasan (hukum-hakam)Allah, pintu-pintu yang terbuka itu adalah sesuatu yang diharamkan Allah, sedangkan penyeru yang di depan pintu adalah kitabullah, sedang penyeru yang ada di atas jembatan adalh nasihat allah yang berada di dalam hati setiap Muslim.

[Musnad Ahmad, Hadis an-Nawas bin Sam;an,, hadis no: 17784. Shaikh Syu’aib berkata: Hadis sahih, sanadnya hasan]

Daripada hadis-hadis di atas dapat kita ketahui bahawa Islam turut merangkumi amalan-amalan lain walaupun ia tidak disebut di dalam hadis Jibril di atas.

Maksud Iman

Di dalam hadis Jibril Nabi sallallahu 'alaihi wasallam menerangkan bahawa iman itu berkaitan dengan I'tiqad atau kepercayaan di dalam hati. Hal ini juga telah disebutkan oleh Allah di dalam al-Quran.

آمَنَ الرَّسُولُ بِمَا أُنْزِلَ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ وَالْمُؤْمِنُونَ كُلٌّ آمَنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِنْ رُسُلِهِ

Rasulullah telah beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya dari Tuhannya dan juga orang-orang yang beriman; semuanya beriman kepada Allah dan Malaikat-malaikatNya dan Kitab-kitabNya dan Rasul-rasulNya. (Mereka berkata:) Kami tidak membezakan antara seorang dengan yang lain Rasul-rasulnya. [Al-Baqarah : 285]

لَيْسَ الْبِرَّ أَنْ تُوَلُّوا وُجُوهَكُمْ قِبَلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَلَكِنَّ الْبِرَّ مَنْ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَالْمَلَائِكَةِ وَالْكِتَابِ وَالنَّبِيِّينَ

Bukanlah perkara kebajikan itu hanya kamu menghadapkan muka ke pihak timur dan barat, tetapi kebajikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah dan hari akhirat dan segala malaikat dan segala Kitab dan sekalian Nabi [Al-Baqarah : 177].

Keimanan kepada Allah, dan Rasul sekaligus akan merangkumi keimanan kepada segala apa ajaran yang terkandung di dalam wahyu sama ada al-Quran dan as-Sunnah. Jika seseorang mengaku beriman kepada Allah dan rasul, tetapi menolak apa yang ada di dalam wahyu, maka keimanannya hanyalah palsu semata-mata.

Amal Sebahagian Daripada Iman

Walaupun daripada hadis di atas seolah-olah amalan adalah sesuatu yang terasing daripada keimanan, akan tetapi amalan itu sendiri berkait dengan keimanan yang mana apabila seseorang melakukan ketaatan, keimanannya akan meningkat dan apabila seseorang melakukan maksiat, keimanannya akan menurun. Ulama salaf mengingkari golongan yang cuba memisahkan amalan daripada keimanan seolah-olah amalan seseorang tidak memberi kesang kepada keimanan langsung.

Terdapat banyak dalil menunjukkan amalan sebagai bukti keimanan.

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ اللَّهُ وَجِلَتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ آيَاتُهُ زَادَتْهُمْ إِيمَانًا وَعَلَى رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ (2)

Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu (yang sempurna imannya) ialah mereka yang apabila disebut nama Allah (dan sifat-sifatNya) gementarlah hati mereka dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayatNya, menjadikan mereka bertambah iman dan kepada Tuhan mereka jualah mereka berserah. [Al-Anfal : 2]

Ibn 'Abbas radiallahu 'anhu meriwayatkan Nabi sallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

وَهَلْ تَدْرُونَ مَا الإِيمَانُ بِاللَّهِ شَهَادَةُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ، وَإِقَامُ الصَّلاَةِ، وَإِيتَاءُ الزَّكَاةِ،

Adakah kalian tahu apa itu keimanan dengan Allah? Iaitu bersaksi bahawa tiada tuhan yang berhak disembah selain Allah, mendirikan solat, dan membayar zakat. [Sahih al-Bukhari, Kitab at-Tauhid, hadis no: 7556]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم " الإِيمَانُ بِضْعٌ وَسَبْعُونَ أَوْ بِضْعٌ وَسِتُّونَ شُعْبَةً فَأَفْضَلُهَا قَوْلُ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَأَدْنَاهَا إِمَاطَةُ الأَذَى عَنِ الطَّرِيقِ وَالْحَيَاءُ شُعْبَةٌ مِنَ الإِيمَانِ "

Abu Hurairah radiallahu 'anhu berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Iman itu ada tujuh puluh atau enam puluh cabang. Yang paling utama ialah berkata Tiada tuhan yang berhak disembah selain Allah. Yang paling rendah pula ialah mengalihkan benda berbahaya dari jalan. Sifat malu merupakan satu cabang daripada iman. [Sahih Muslim, Kitab al-Iman, hadis no: 35]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صلى الله عليه وسلم " لاَ يَزْنِي الزَّانِي حِينَ يَزْنِي وَهْوَ مُؤْمِنٌ، وَلاَ يَسْرِقُ حِينَ يَسْرِقُ وَهْوَ مُؤْمِنٌ، وَلاَ يَشْرَبُ حِينَ يَشْرَبُهَا وَهْوَ مُؤْمِنٌ، وَالتَّوْبَةُ مَعْرُوضَةٌ بَعْدُ

Abu Hurairah radiallahu 'anhu berkata: Nabi sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Tidaklah berzina seorang penzina jika ketika berzina itu dia seorang mukmin. Tidaklah mencuri jika ketika mencuri itu dia seorang mukmin. Tidaklah meminum arak jika ketika meminum arak itu dia seorang mukmin. Adapun taubat selepas itu sentiasa terbuka. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Hudud, hadis no: 6810]

عَنْ أَنَسٍ، عَنِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم قَالَ " لا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى يُحِبَّ لأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ

Anas radiallahu 'anhu meriwayatkan Nabi sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Tidak beriman salah seorang daripada kalian sehinggalah dia suka untuk saudaranya apa yang dia sukai untuk dirinya sendiri. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Iman, hadis no: 13]

Lalu, apa beza Islam dan Iman?

Lalu bagaimana mahu membezakan Iman dan Islam? Kenapa pula dalam hadis Jibril ia diasingkan? Para ulama menerangkan, apabila Iman dan Islam diletakkan dalam satu perbahasan atau ayat sebagaimana dalam hadis Jibril. Maka Islam bermaksud amalan yang zahir, manakala Iman pula berkaitan dengan amalan hati.

Akan tetapi apabila dalam sesuatu ayat atau hadis hanya menyebutkan Islam sahaja atau Iman sahaja secara berasingan, maka ia membawa maksud kedua-duanya iaitu Islam bererti Iman, dan Iman bererti Islam. Ini sebagaimana perkataan fakir dan miskin. Apabila ia disebutkan serentak, maka ia dua perkara yang berbeza, apabila hanya disebutkan salah satu, maka ia membawa maksud yang sama. Bahkan hadis di bawah menunjukkan maksud ini di mana dikatakan bahawa Iman itu adalah Islam:

عَنْ عَمْرِو بْنِ عَبَسَةَ ، قَالَ : قَالَ رَجُلٌ : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، مَا الْإِسْلَامُ ؟ قَالَ : " أَنْ يُسْلِمَ قَلْبُكَ لِلَّهِ عَزَّ وَجَلَّ ، وَأَنْ يَسْلَمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِكَ وَيَدِكَ " ، قَالَ : فَأَيُّ الْإِسْلَامِ أَفْضَلُ ؟ قَالَ : " الْإِيمَانُ " ، قَالَ : وَمَا الْإِيمَانُ ؟ قَالَ : " تُؤْمِنُ بِاللَّهِ ، وَمَلَائِكَتِهِ ، وَكُتُبِهِ ، وَرُسُلِهِ ، وَالْبَعْثِ بَعْدَ الْمَوْتِ " ، قَالَ : فَأَيُّ الْإِيمَانِ أَفْضَلُ ؟ قَالَ : " الْهِجْرَةُ " ، قَالَ : فَمَا الْهِجْرَةُ ؟ قَالَ : " تَهْجُرُ السُّوءَ " ، قَالَ : فَأَيُّ الْهِجْرَةِ أَفْضَلُ ؟ قَالَ : " الْجِهَادُ " ، قَالَ : وَمَا الْجِهَادُ ؟ قَالَ : " أَنْ تُقَاتِلَ الْكُفَّارَ إِذَا لَقِيتَهُمْ " ، قَالَ : فَأَيُّ الْجِهَادِ أَفْضَلُ ؟ قَالَ : " مَنْ عُقِرَ جَوَادُهُ ، وَأُهْرِيقَ دَمُهُ. "

'Amru bin 'Abasah radiallahu 'anhu berkata: Seorang lelaki berkata: Ya Rasulullah, apakah itu Islam? Baginda menjawab: Iaitu hati engkau diserahkan kepada Allah, dan orang Islam yang lain berasa selamat daripada lidah dan tangan engkau. Lelaki itu bertanya lagi: Islam yang manakah paling baik? Baginda menjawab: Iman. Lelaki itu bertanya: Apa itu iman? Baginda menjawab: Beriman kepada Allah, malaikat-malaikatNya, kitab-kitabNya, rasul-rasulNya, dan kebangkitan selepas mati. Lelaki itu bertanya lagi: Iman apa yang paling afdhal? Baginda menjawab: Hijrah. Lelaki itu bertanya: Hijrah itu apa? Baginda menjawab: Kau meninggalkan kejahatan. Lelaki itu bertanya: Apakah hijrah yang paling utama? Baginda menjawab: Jihad. Lelaki itu bertanya: Jiha itu apa? Baginda menjawab: Engkau membunuh orang kafir apabila bertemu mereka (dalam peperangan). Lelaki itu bertanya: Apakah jihad yang paling utama? Baginda menjawab: Yang kudanya dibunuh dan darahnya ditumpahkan.

[Musnad Ahmad, Musnad al-Syamiyyin, hadis no: 16691, Shaikh al-Arnouth berkata Hadis sahih, sanadnya hasan]

Di dalam hadis di atas ditunjukkan bagaimana Islam dikaitkan jua dengan hati, dan iman pula dikaitkan dengan amalan.

Amalan yang dizahirkan sangat berkait rapat dengan apa yang tersembunyi di dalam hati. Insan yang hatinya terikat dengan keimanan kepada Allah akan menzahirkan ketaatan melalui anggota tubuhnya. Apabila zahir seseorang didominasi oleh perlakuan maksiat dan akhlak yang buruk, ini secara automatik menunjukkan bahawa dia mempunyai hati yang rosak.

Nabi sallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

أَلاَ وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ. أَلاَ وَهِيَ الْقَلْبُ

Ketahuilah. Sesungguhnya di dalam jasad ada seketul daging. Apabila daging itu sihat, maka sihatlah seluruh tubuh badan. Apabila daging itu rosak, maka rosaklah seluruh tubuh badan. Ketahuilah, bahawa daging itu adalah hati. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Iman, hadis no: 52]

Semakin baik akhlak dan perbuatan seseorang, maka ia menunjukkan semakin sempurna keimanan seseorang.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم " أَكْمَلُ الْمُؤْمِنِينَ إِيمَانًا أَحْسَنُهُمْ خُلُقًا وَخِيَارُكُمْ خِيَارُكُمْ لِنِسَائِهِمْ خُلُقًا

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Orang beriman yang paling sempurna keimanannya ialah yang paling baik akhlaknya. Sebaik-baik kalian ialah yang paling baik akhlaknya kepada isteri mereka. [Jami’ at-Tirmizi, Kitab al-Radha’, hadis no: 1162, hasan sahih]

Munculnya Firaq

Perbahasan berkaitan hubungan amal dan keimanan ini jugalah telah menyebabkan umat Islam terpecah kepada beberapa golongan.

Khawarij

Ia merupakan antara puak yang pertama berpecah daripada umat Islam. Antara isu yang berkaitan aliran Khawarij ialah kaitan amal dan iman. Golongan Khawarij berpegang bahawa umat Islam yang melakukan dosa besar telah terkeluar daripada Islam. Mereka akan bergaul dengan orang-orang Islam tadi dengan cara pergaulan dengan orang kafir, bahkan disebabkan hal itu mereka menghalalkan darah kaum Muslimin, menghalalkan untuk merampas harta mereka. Di sisi mereka, iman tidak naik dan turun, yang ada hanyalah sama ada iman atau kufur sahaja. Inilah fahaman yang sedang merebak dalam dunia umat Islam sehinggakan kita lihat bagaimana mereka membunuh umat Islam sewenang-wenangnya.

Muktazilah

Selepas Khawarij muncul golongan Muktazilah yang menyatakan umat Islam yang melakukan dosa besar berada di tengah-tengah antara iman dan kufur, syurga dan neraka.

Murjiah

Murjiah ialah golongan yang ekstrem seperti Khawarij. Jika Khawarij ekstrem sehingga mengkafirkan pelaku dosa besar, Murjiah pula ekstrem hingga ke tahap amalan tiada kaitan dengan keimanan. Di sisi mereka tiada beza antara keimanan orang Islam yang fasiq dengan keimanan orang Islam yang taat. Ini kerana di sisi mereka iman itu sentiasa tetap, tidak naik dan turun sama ada ketika melakukan ketaatan atau melakukan maksiat. Amalan tiada kaitan dengan iman di sisi mereka kerana yang penting bagi aliran Murjiah ialah iman di dalam hati. Inilah fahaman yang dianuti tanpa sedar oleh ramai umat Islam zaman kini, di mana apabila ditegur akan maksiat mereka, mereka akan menjawab bahawa hati mereka baik.

Ahlus Sunnah

Permasalahan yang berlaku kepada golongan Khawarij dan Murjiah ialah mereka mengambil satu dalil dan meninggalkan dalil-dalil yang lain sehingga menyebabkan mereka berada pada dua pandangan yang ekstrem. Ahlus Sunnah berpegang iman seseorang itu akan naik dan turun. Ia akan naik dengan ketaatan, dan turun dengan maksiat yang dilakukan. Seorang pelaku maksiat tidaklah dihukum kafir selagi mana dia tidak menghalalkan perbuatan maksiat tersebut.

Firman Allah:

أَلَمْ تَرَ كَيْفَ ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا كَلِمَةً طَيِّبَةً كَشَجَرَةٍ طَيِّبَةٍ أَصْلُهَا ثَابِتٌ وَفَرْعُهَا فِي السَّمَاءِ (24) تُؤْتِي أُكُلَهَا كُلَّ حِينٍ بِإِذْنِ رَبِّهَا وَيَضْرِبُ اللَّهُ الْأَمْثَالَ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ (25) وَمَثَلُ كَلِمَةٍ خَبِيثَةٍ كَشَجَرَةٍ خَبِيثَةٍ اجْتُثَّتْ مِنْ فَوْقِ الْأَرْضِ مَا لَهَا مِنْ قَرَارٍ (26) يُثَبِّتُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا بِالْقَوْلِ الثَّابِتِ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ وَيُضِلُّ اللَّهُ الظَّالِمِينَ وَيَفْعَلُ اللَّهُ مَا يَشَاءُ (27)

Tidakkah kamu perhatikan bagaimana Allah telah membuat perumpamaan kalimat yang baik seperti pohon yang baik, akarnya teguh dan cabangnya [menjulang] ke langit, (24) pohon itu memberikan buahnya pada setiap musim dengan seizin Tuhannya. Allah membuat perumpamaan-perumpamaan itu untuk manusia supaya mereka selalu ingat. (25) Dan perumpamaan kalimat yang buruk seperti pohon yang buruk, yang telah dicabut dengan akar-akarnya dari permukaan bumi; tidak dapat tetap [tegak] sedikitpun. (26) Allah meneguhkan [iman] orang-orang yang beriman dengan ucapan yang teguh itu dalam kehidupan di dunia dan di akhirat; dan Allah menyesatkan orang-orang yang zalim dan memperbuat apa yang Dia kehendaki. (27) [Ibrahim : 24-27]

Maksud kalimah yang baik dalam ayat di atas ialah kalimah tauhid, manakala kalimah yang buruk ialah syirik. Ayat di atas menunjukkan bahawa iman ialah akar kepada pokok tersebut. Buah-buahnya adalah amalan-amalan manusia. Seandainya sebuah pokok tidak mempunyai buah, atau daun-daunnya gugur, ia tetap masih dipanggil pokok. Begitulah seorang Muslim, apabila tiada amal kebaikan atau melakukan kejahatan, dia masih dipanggil Muslim. Bezanya ialah dia Muslim yang baik atau jahat, sebagaimana beza pokok yang subur dengan yang tidak subur. Akan tetapi, apabila akar pokok itu rosak, maka pokok itu akan mati dan tumbang, ketika itu tiada lagi pokok. Maka begitu jualah apabila keimanan tiada di dalam hati, maka seseorang itu sudah bukan lagi dikira sebagai Muslim.

Inilah antara hujah Ahlus Sunnah menolak dua fahaman yang ekstrem ialah Khawarij dan Murjiah.

Kiamat

Pada hadis ini terdapat petunjuk jelas bahawa tiada seorang manusia pun yang mengetahui bilakah akan berlakunya hari kiamat.

Firman Allah:

يَسْأَلُونَكَ عَنِ السَّاعَةِ أَيَّانَ مُرْسَاهَا قُلْ إِنَّمَا عِلْمُهَا عِنْدَ رَبِّي لَا يُجَلِّيهَا لِوَقْتِهَا إِلَّا هُوَ ثَقُلَتْ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ لَا تَأْتِيكُمْ إِلَّا بَغْتَةً يَسْأَلُونَكَ كَأَنَّكَ حَفِيٌّ عَنْهَا قُلْ إِنَّمَا عِلْمُهَا عِنْدَ اللَّهِ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ (187)

Mereka bertanya kepadamu tentang kiamat: "Bilakah terjadinya?" Katakanlah: "Sesungguhnya pengetahuan tentang kiamat itu adalah milik Tuhanku; tidak seorang pun yang dapat menjelaskan waktu kedatangannya selain Dia. Kiamat itu amat berat [huru-haranya bagi makhluk] yang di langit dan di bumi. Kiamat itu tidak akan datang kepadamu melainkan dengan tiba-tiba". Mereka bertanya kepadamu seakan-akan kamu benar-benar mengetahuinya. Katakanlah: "Sesungguhnya pengetahuan tentang hari kiamat itu adalah milik Allah, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui". [Al-A'raf : 187]

إِنَّ ٱللَّهَ عِندَهُۥ عِلۡمُ ٱلسَّاعَةِ وَيُنَزِّلُ ٱلۡغَيۡثَ وَيَعۡلَمُ مَا فِي ٱلۡأَرۡحَامِۖ وَمَا تَدۡرِي نَفۡسٞ مَّاذَا تَكۡسِبُ غَدٗاۖ وَمَا تَدۡرِي نَفۡسُۢ بِأَيِّ أَرۡضٖ تَمُوتُۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرُۢ ٣٤

Sesungguhnya Allah, hanya pada sisi-Nya sajalah pengetahuan tentang Hari Kiamat; dan Dia-lah Yang menurunkan hujan, dan mengetahui apa yang ada dalam rahim. Dan tiada seorangpun yang dapat mengetahui [dengan pasti] apa yang akan diusahakannya esok. Dan tiada seorangpun yang dapat mengetahui di bumi mana dia akan mati. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal. [Luqman : 34]

Akan tetapi Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam telah Allah kurniakan wahyu yang memberitahu tentang tanda-tanda hari kiamat. Firman Allah:

فَهَلْ يَنْظُرُونَ إِلَّا السَّاعَةَ أَنْ تَأْتِيَهُمْ بَغْتَةً فَقَدْ جَاءَ أَشْرَاطُهَا فَأَنَّى لَهُمْ إِذَا جَاءَتْهُمْ ذِكْرَاهُمْ (18)

Maka tidaklah yang mereka tunggu-tunggu melainkan hari kiamat. Kedatangannya kepada mereka dengan tiba-tiba. Ini kerana sesungguhnya telah datang tanda-tandanya. Maka apakah faedahnya bagi mereka kesedaran mereka itu apabila hari kiamat sudah datang? [Muhammad : 18]

Terdapat banyak tanda-tanda hari kiamat, dan di dalam hadis Jibril disebutkan dua tandanya iaitu:

Ibu Melahirkan Tuannya

Ia merujuk kepada peristiwa akhir zaman di mana akan berlaku banyak peperangan sehinggakan tentera Islam akan memperolehi ramai hamba. Seperti mana diketahui, hamba-hamba perempuan yang dimiliki itu boleh digauli oleh tuannya sebagaimana seorang suami menggauli isterinya. Wanita yang melahirkan anak hasil hubungan dengan tuannya dipanggil Ummul Walad.

Oleh kerana itu, maksud hadis ini ialah hamba wanita itu akan melahirkan anak hasil hubungan dengan tuannya. Imam Ahmad menyatakan apabila seorang hamba melahirkan anak tuannya, maka secara automatik dia akan bebas disebabkan kelahiran tadi. Jadi, kedudukan anak ini seumpama tuan kepada hamba tadi kerana pada asalnya, hanya pemilik hamba yang berhak memerdekakan hambanya, tetapi dalam kes Ummul Walad, kelahiran anak itu menjadi pembebasannya. Ini berdasarkan kisah Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam dan Maryah al-Qibtiyyah. Dalam sebuah riwayat yang dhaif disebutkan:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ، قَالَ ذُكِرَتْ أُمُّ إِبْرَاهِيمَ عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم . فَقَالَ " أَعْتَقَهَا وَلَدُهَا " .

Diriwayatkan daripada Ibn ‘Abbas, beliau berkata: Nama Ummu Ibrahim (iaitu Maryah al-Qibtiyyah) disebutkan kepada Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam. Lalu baginda berkata: Anaknya telah membebaskannya. [Sunan Ibn Majah, Kitab al-‘Itq, hadis no: 2516]

Sebahagian ulama pula menafsirkan hadis ini dengan maksud kiasan bahawa di akhir zaman nanti akan ada ramai anak yang derhaka, yang melayan ibu mereka seperti seorang hamba.

Orang Miskin Membina Bangunan Tinggi

Hadis ini menunjukkan bagaimana satu golongan yang dahulunya miskin, berkaki ayam, bekerja sebagai pengembala tiba-tiba menjadi golongan yang kaya, berkuasa sehingga mampu membina bangunan yang tinggi-tinggi.

Sebahagian ulama juga menyatakan hadis ini berkaitan dengan tampuk kepimpinan yang akan dipegang oleh manusia yang tidak berkelayakan. Bagaimana seorang yang bodoh boleh menjadi pemimpin kepada orang lain.

Ini sebagaimana hadis berikut:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا ضُيِّعَتْ الْأَمَانَةُ فَانْتَظِرْ السَّاعَةَ قَالَ كَيْفَ إِضَاعَتُهَا يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ إِذَا أُسْنِدَ الْأَمْرُ إِلَى غَيْرِ أَهْلِهِ فَانْتَظِرْ السَّاعَةَ

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Apabila hilangnya amanah, tunggulah hari kiamat. Sahabat bertanya: Bagaimana hilangnya amanah itu wahai Rasulullah. Baginda menjawab: Apabila sesuatu urusan diberikan kepada orang yang tidak layak, tunggulah kiamat. [Sahih al-Bukhari, Kita bar-Riqaq, hadis no: 6131]

Ini juga menunjukkan di akhir zaman, manusia akan berlumba-lumba membina bangunan yang tinggi. Ini berbeza dengan gaya hidup Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam dan para sahabat yang sederhana. Bahkan manusia akan berbangga-bangga buka sekadar dengan bangunan yang lain, bahkan dengan masjid sendiri.

عَنْ أَنَسٍ، أَنَّ النَّبِيَّ صلى الله عليه وسلم قَالَ " لاَ تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّى يَتَبَاهَى النَّاسُ فِي الْمَسَاجِدِ

Anas radiallahu ‘anhu meriwayatkan Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Tidak akan berlaku hari kiamat sehinggalah manusia berbangga-bangga dengan masjid-masjid. [Sunan Abu Daud, Kitab as-Solat, hadis no: 449]

Iman kepada takdir

Firman Allah Ta'ala:

وَكَانَ أَمْرُ ٱللَّهِ قَدَرًا مَّقْدُورًا ﴿٣٨﴾

Dan adalah ketetapan Allah itu suatu ketetapan yang pasti berlaku. [Al-Ahzab : 38]

وَكَانَ أَمْرُ ٱللَّهِ مَفْعُولاً ﴿٣٧﴾

Dan adalah ketetapan Allah itu pasti terjadi. [Al-Ahzab : 37]

مَآ أَصَابَ مِن مُّصِيبَةٍ إِلَّا بِإِذْنِ ٱللَّهِ ۗ وَمَن يُؤْمِنۢ بِٱللَّهِ يَهْدِ قَلْبَهُۥ ۚ وَٱللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿١١﴾

Tidak ada sesuatu musibahpun yang mnimpa seseorang kecuali dengan izin Allah. Dan barangsiapa yang beriman kepada Allah, nescaya Dia akan memberi petunjuk kepada hatinya. Allah Maha Mengetahui segala sesuatu. [At-Taghabun: 11]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم " الْمُؤْمِنُ الْقَوِيُّ خَيْرٌ وَأَحَبُّ إِلَى اللَّهِ مِنَ الْمُؤْمِنِ الضَّعِيفِ وَفِي كُلٍّ خَيْرٌ احْرِصْ عَلَى مَا يَنْفَعُكَ وَاسْتَعِنْ بِاللَّهِ وَلاَ تَعْجِزْ وَإِنْ أَصَابَكَ شَىْءٌ فَلاَ تَقُلْ لَوْ أَنِّي فَعَلْتُ كَانَ كَذَا وَكَذَا . وَلَكِنْ قُلْ قَدَرُ اللَّهِ وَمَا شَاءَ فَعَلَ فَإِنَّ لَوْ تَفْتَحُ عَمَلَ الشَّيْطَانِ

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Mukmin yang kuat lebih baik dan dicintai Allah berbanding Mukmin yang lemah. Bersungguh-sungguhlah dalam perkara yang memberi manfaat kepada Mu. Mohonlah pertolongan Allah. janganlah berputus asa. Jika sesuatu menimpa engkau, janganlah engkau berkata: Jika aku lakukan itu dan ini. Sebaliknya katakanlah: Ini takdir Allah. Dia Melakukan apa yang Dia Mahu. Sesungguhnya ‘kalau’ akan membuka pintu syaitan. [Sahih Muslim, Kitab al-Qadar, hadis no: 2664]

Beriman dengan al-Qadar mempunyai 4 peringkat:

Peringkat pertama: **beriman dengan ilmu Allah yang merangkumi segala sesuatu. Allah juga telah mengetahui tentang semua makhluknya sebelum dicipta, rezeki mereka, ajal mereka, kata-kata mereka, amalan mereka, semua pergerakan mereka, diam mereka, rahsia mereka, zahir mereka, penghuni Syurga dan juga penghuni Neraka di antara mereka.**

﴿ هُوَ ٱللَّهُ ٱلَّذِى لَآ إِلَـٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ عَـٰلِمُ ٱلْغَيْبِ وَٱلشَّهَـٰدَةِ ﴾

Dialah Allah Yang tiada Tuhan (yang berhak disembah) selain Dia, Yang mengetahui perkara ghaib dan perkara nyata. [Al-Hasyr : 22]

﴿ وَأَنَّ ٱللَّهَ قَدْ أَحَاطَ بِكُلِّ شَىْءٍ عِلْمًۢا ﴾

Dan sesungguhnya Allah, ilmuNya benar-benar meliputi segala sesuatu. [Ath-Thalaq: 12]

﴿ عَـٰلِمِ ٱلْغَيْبِ ۖ لَا يَعْزُبُ عَنْهُ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ فِى ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَلَا فِى ٱلْأَرْضِ وَلَآ أَصْغَرُ مِن ذَٰلِكَ وَلَآ أَكْبَرُ ﴾

Tuhan Yang mengetahui perkara ghaib. Tidak tersembunyi daripadaNya seberat zarrahpun yang ada di langit dan yang ada di bumi dan tidak ada pula yang lebih kecil dari itu dan yang lebih besar. [Al-Saba’: 3]

﴿ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَن ضَلَّ عَن سَبِيلِهِۦ وَهُوَ أَعْلَمُ بِٱلْمُهْتَدِينَ ﴾

Sesungguhnya Tuhan kamu, Dialah Yang paling mengetahui siapa yang sesat dari jalanNya dan Dialah Yang paling mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk. [Al-Qalam :7]

﴿ أَلَيۡسَ ٱللَّهُ بِأَعۡلَمَ بِٱلشَّٰكِرِينَ ﴾

Tidakkah Allah lebih megetahui tentang orang-orang yang bersyukur kepadaNya? [Al-An'am :53]

﴿ وَإِذۡ قَالَ رَبُّكَ لِلۡمَلَٰٓئِكَةِ إِنِّي جَاعِلٞ فِي ٱلۡأَرۡضِ خَلِيفَةٗۖ قَالُوٓاْ أَتَجۡعَلُ فِيهَا مَن يُفۡسِدُ فِيهَا وَيَسۡفِكُ ٱلدِّمَآءَ وَنَحۡنُ نُسَبِّحُ بِحَمۡدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَۖ قَالَ إِنِّيٓ أَعۡلَمُ مَا لَا تَعۡلَمُونَ ﴾

Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi." Mereka berkata 'Mengapa Engkau hendak menjadikan khalifah di bumi itu orang yang akan membuat kerosakan padanya dan menumpahkan darah, padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan mensucikan Engkau?' Tuhan berfirman "Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui. [Al-Baqarah : 30]

عَنْ عِمْرَانَ بْنِ حُصَيْنٍ، قَالَ قَالَ رَجُلٌ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيُعْرَفُ أَهْلُ الْجَنَّةِ مِنْ أَهْلِ النَّارِ قَالَ " نَعَمْ ". قَالَ فَلِمَ يَعْمَلُ الْعَامِلُونَ قَالَ "كُلٌّ يَعْمَلُ لِمَا خُلِقَ لَهُ . أَوْ لِمَا يُسِّرَ لَهُ" .

'Imran bin Husain radiallahu 'anhu berkata: Seorang lelaki bertanya 'Wahai Rasulullah, adakah telah diketahui penghuni Syurga dengan penghuni Neraka?' Jawab Baginda "Ya." Dia bertanya lagi 'Jadi untuk apa orang beramal?' Baginda menjawab "Setiap seorang beramal untuk apa yang telah Allah ciptakan untuknya atau apa yang Allah mudahkan untuknya."[Sahih al-Bukhari, Kitab al-Qadar, hadis no: 6596]

Peringkat kedua: beriman dengan penulisan semua perkara-perkara di atas bahawa Allah telah menulis semua perkara yang diketahui ilmuNya. Ini merangkumi keimanan terhadap al-Lauh al-Mahfuz dan al-Qalam (pena).

﴿ وَكُلَّ شَيۡءٍ أَحۡصَيۡنَٰهُ فِيٓ إِمَامٖ مُّبِينٖ ﴾

Dan segala sesuatu Kami kumpulkan dalam Kitab Induk yang nyata (Lauh Mahfuz). [Yasin :12]

﴿ إِنَّ ذَٰلِكَ فِي كِتَٰبٍ ﴾

Bahawasanya yang demikian itu terdapat dalam sebuah kitab (Lauh Mahfuz). [Al-Hajj : 70]

﴿ قَالَ فَمَا بَالُ ٱلۡقُرُونِ ٱلۡأُولَىٰ ۝ قَالَ عِلۡمُهَا عِندَ رَبِّي فِي كِتَٰبٖۖ لَّا يَضِلُّ رَبِّي وَلَا يَنسَى ﴾

Berkata Fir'aun 'Maka bagaimanakah keadaan umat-umat yang dahulu?' Musa menjawab 'Pengetahuan tentang itu ada di sisi Tuhanku, di dalam sebuah kitab. Tuhan kami tidak akan salah da tidak pulan lupa.' [Taha : 51-52]

﴿ وَمَا تَحۡمِلُ مِنۡ أُنثَىٰ وَلَا تَضَعُ إِلَّا بِعِلۡمِهِۦۚ وَمَا يُعَمَّرُ مِن مُّعَمَّرٖ وَلَا يُنقَصُ مِنۡ عُمُرِهِۦٓ إِلَّا فِي كِتَٰبٍۚ إِنَّ ذَٰلِكَ عَلَى ٱللَّهِ يَسِيرٞ﴾

Dan tidak ada seorang perempuan pun mengandung dan tidak pula melahirkan melainkan dengan pengetahuanNya. Dan sekali-kali tidak dipanjangkan umur seorang yang berumur panjang dan tidak pula dikurangi umurnya melainkan sudah ditetapkan dalam Kitab (Lauh Mahfuz). Sesungguhnya yang demikian itu bagi Allah adalah mudah. [Fathir : 11]

Peringkat ketiga: beriman dengan kehendak Allah yang pasti terlaksana. Apa yang Allah kehendaki maka ianya akan berlaku dengan kuasaNya tanpa syak. Apa yang Allah tidak kehendaki pula tidak akan berlaku kerana Allah tidak menghendakinya berlaku dan bukannya kerana Allah tidak berkuasa melakukannya, Maha Suci Allah daripada kelemahan ini.

﴿ وَمَا كَانَ ٱللَّهُ لِيُعۡجِزَهُۥ مِن شَيۡءٖ فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَلَا فِي ٱلۡأَرۡضِۚ إِنَّهُۥ كَانَ عَلِيمٗا قَدِيرٗا ﴾

Dan tiada sesuatupun yang dapat melemahan Allah baik di langit mahupun di bumi. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Kuasa. [Fathir : 44]

﴿ وَمَا تَشَآءُونَ إِلَّآ أَن يَشَآءَ ٱللَّهُ ﴾

Dan kamu tidak mampu (menempuh jalan itu), kecuali bila dikehendaki Allah. [Al-Insan : 30]

﴿ وَلَا تَقُولَنَّ لِشَاْيۡءٍ إِنِّي فَاعِلٞ ذَٰلِكَ غَدًا ۝ إِلَّآ أَن يَشَآءَ ٱللَّهُ ﴾

Dan jangan sekali-kali kamu mengatakan terhadap sesuatu: " Sesungguhnya aku akan mengerjakan itu besok pagi, kecuali (dengan menyebut): " InsyaAllah". [Al-Kahf : 23]

﴿ مَن يَشَإِ ٱللَّهُ يُضۡلِلۡهُ وَمَن يَشَأۡ يَجۡعَلۡهُ عَلَىٰ صِرَٰطٖ مُّسۡتَقِيمٖ ﴾

Barangsiapa yang dikehendaki oleh Allah (kesesatannya), niscaya disesatkanNya. Dan barangsiapa yang dikehendaki Allah (untuk diberiNya petunjuk), niscaya Dia menjadikannya berada di atas jalan yang lurus. [Al-An’am : 39]

﴿ إِنَّمَآ أَمۡرُهُۥٓ إِذَآ أَرَادَ شَيۡـًٔا أَن يَقُولَ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ ﴾

Sesungguhnya perintahNya apabila Dia menghendaki sesuatu hanyalah berkata kepadanya "Jadilah" maka terjadilah ia. [Yasin : 82]

Peringkat keempat: beriman bahawa Allah adalah pencipta segala sesuatu. Semua perkara samada sekecil zarrah mahupun yang lebih besar di langit dan di bumi serta di antara kedua-duanya adalah ciptaan Allah. Allah jualah yang mencipta pergerakan dan diamnya. Maha Suci Allah, tiada pencipta selainNya dan tiada tuhan selainNya.

﴿ ٱللَّهُ خَٰلِقُ كُلِّ شَيۡءٖۖ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ وَكِيلٞ ﴾

Allah menciptakan segala sesuatu dan Dia memelihara segala sesuatu. [az-Zumar : 62]

﴿ هَلۡ مِنۡ خَٰلِقٍ غَيۡرُ ٱللَّهِ يَرۡزُقُكُم مِّنَ ٱلسَّمَآءِ وَٱلۡأَرۡضِ ﴾

Adakah pencipta selain Allah yang dapat memberikan rezeki kepada kamu dari langit dan bumi? [Al-Fathir : 3]

﴿ ٱللَّهُ ٱلَّذِي خَلَقَكُمۡ ثُمَّ رَزَقَكُمۡ ثُمَّ يُمِيتُكُمۡ ثُمَّ يُحۡيِيكُمۡۖ هَلۡ مِن شُرَكَآئِكُم مَّن يَفۡعَلُ مِن ذَٰلِكُم مِّن شَيۡءٖ ﴾

Allah lah yang mencitakan kamu, kemudian memberimu rezeki, kemudian mematikanmu, kemudian menghidupkanmu kembali. Adakah di antara yang kamu sekutukan dengan Allah itu yang dapat berbuat sesuatu dari yang demikian itu? [Al-Rum : 40]

﴿ وَٱللَّهُ خَلَقَكُمۡ وَمَا تَعۡمَلُونَ ﴾

Padahal Allah lah yang menciptakan kamu dan apa yang kamu perbuatkan itu. [Al-Saffat : 96]

﴿ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ حَبَّبَ إِلَيۡكُمُ ٱلۡإِيمَٰنَ وَزَيَّنَهُۥ فِي قُلُوبِكُمۡ وَكَرَّهَ إِلَيۡكُمُ ٱلۡكُفۡرَ وَٱلۡفُسُوقَ وَٱلۡعِصۡيَانَ ﴾

Tetapi Allah menjadikan kamu cinta kepada keimanan dan menjadikan iman itu indah dalam hatimu serta menjadikan kamu benci kepada kekafiran, kefasikan dan kederhakaan. [Al-Hujurat : 7]

Maksud Ihsan:

Perkataan Ihsan disebut banyak kali di dalam al-Quran dan as-Sunnah.

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ (195)

Belanjakanlah harta di jalan Allah. Janganlah kalian mencampakkan diri ke dalam kebinasaan. Berbuat baiklah. Sesungguhnya Allah menyukai orang yang melakukan kebaikan. [Al-Baqarah : 195]

Firman Allah Ta'ala (al-Nahl 16:128):

إِنَّ اللَّهَ مَعَ الَّذِينَ اتَّقَوْا وَالَّذِينَ هُمْ مُحْسِنُونَ (128)

Sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang bertakwa dan orang-orang yang berbuat kebaikan. [An-Nahl : 128]

لِلَّذِينَ أَحْسَنُوا الْحُسْنَى وَزِيَادَةٌ وَلَا يَرْهَقُ وُجُوهَهُمْ قَتَرٌ وَلَا ذِلَّةٌ أُولَئِكَ أَصْحَابُ الْجَنَّةِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ (26)

Bagi orang-orang yang berbuat baik, ada pahala yang terbaik [iaitu syurga] dan tambahannya [iaitu melihat wajah Allah]. Dan muka mereka tidak ditutupi debu hitam dan tidak [pula] kehinaan . Mereka itulah penghuni syurga, mereka kekal di dalamnya. [Yunus : 26]

Dalam hadis Jibril, Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam telah menerangkan tentang dua peringkat Ihsan.

1- Peringkat yang tinggi: beribadat kepada Allah seolah-olah kamu melihatNya. Ini dinamakan peringkat al-musyahadah (penyaksian) di mana seseorang hamba dalam keadaan dia dapat merasakan seolah dirinya melihat perkara-perkara yang ghaib walaupun pada hakikatnya dia tidak melihatnya.

2- Peringkat kedua: al-Muraqabah (pemantauan) iaitu seseorang hamba itu beramal dengan merasakan bahawa Allah Ta'ala memerhatikannya, melihatnya dan dekat dengannya.

Oleh kerana itu, Ihsan boleh dimaksudkan dengan satu amalan kebaikan yang dilakukan dengan cara yang terbaik, dan bukan sekadar untuk melepaskan kewajipan dan menjauhi dosa sahaja. Ini kerana manusia yang beribadah dalam keadaan seolah-olah dia melihat Allah, pasti ibadahnya itu berada pada tahap yang cemerlang dan bersungguh-sungguh. Maksud Ihsan ini juga dapat dilihat pada hadis Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam yang berikut:

عَنْ شَدَّادِ بْنِ أَوْسٍ، قَالَ ثِنْتَانِ حَفِظْتُهُمَا عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم قَالَ " إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ الإِحْسَانَ عَلَى كُلِّ شَىْءٍ فَإِذَا قَتَلْتُمْ فَأَحْسِنُوا الْقِتْلَةَ وَإِذَا ذَبَحْتُمْ فَأَحْسِنُوا الذَّبْحَ وَلْيُحِدَّ أَحَدُكُمْ شَفْرَتَهُ فَلْيُرِحْ ذَبِيحَتَهُ

Syaddad bin Aus radiallahu ‘anhu berkata: Dua perkara yang aku hafaz, Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Sesungguhnya Allah telah mewajibkan Ihsan untuk setiap sesuatu. Apabila kalian membunuh, bunuhlah dengan Ihsan. Apabila menyembelih, sembelihlah dengan Ihsan. Hendaklah seseorang menajamkan pisaunya, dan merehatkan haiwan sembelihannya. [Sahih Muslim, Kitab al-Soidi, hadis no: 1955]

Dalam hadis ini Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam mengajar untuk ihsan dalam menyembelih. Ihsan dalam menyembelih itu ditunjukkan dengan cara mengasah pisau, dan merehatkan haiwan sembelihan. Ini menunjukkan bahawa sembelihan itu mesti dilakukan dengan cara yang terbaik.

Sifat Ihsan inilah yang akan melahirkan rasa malu kepada Allah, hatta dalam perkara yang tidaklah sampai ke tahap haram.

Muawiyah bin Jaidah al-Qusyairi radiallahu ‘anhu berkata:

يَا رَسُولَ اللَّهِ عَوْرَاتُنَا مَا نَأْتِي مِنْهَا وَمَا نَذَرُ قَالَ " احْفَظْ عَوْرَتَكَ إِلاَّ مِنْ زَوْجَتِكَ أَوْ مِمَّا مَلَكَتْ يَمِينُكَ " . فَقَالَ الرَّجُلُ يَكُونُ مَعَ الرَّجُلِ قَالَ " إِنِ اسْتَطَعْتَ أَنْ لاَ يَرَاهَا أَحَدٌ فَافْعَلْ " . قُلْتُ وَالرَّجُلُ يَكُونُ خَالِيًا . قَالَ " فَاللَّهُ أَحَقُّ أَنْ يُسْتَحْيَا مِنْهُ

Ya Rasulullah. Tentang aurat kami. Bilakah wajib ditutup dan bila pula boleh dibuka? Baginda menjawab: Jagalah aurat kalian kecuali daripada isteri kalian atau hamba kalian. Beliau bertanya: Bagaimana pula jika lelaki dengan lelaki. Baginda menjawab: Jika engkau mampu agar tidak seorang pun melihatnya, lakukanlah. Aku bertanya lagi: Bagaimana jika orang itu sendirian. Baginda menjawab: Allah lebih berhak untuk seseorang berasa malu. [Jami’ at-Tirmizi, Kitab al-Adab, hadis no: 2769, hasan]

Kebersamaan Allah bersama-sama makhluk pada ilmu dan pengawasannya ada disebut dalam banyak tempat dalam al-Quran.

وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ أُجِيبُ دَعْوَةَ الدَّاعِ إِذَا دَعَانِ

Apabila hamba-hamba Ku bertanya kepada mu tentang Ku. Sesungguhnya Aku dekat. Aku menjawab doa orang yang berdoa apabila dia berdoa. [al-Baqarah : 186]

وَهُوَ مَعَكُمْ أَيْنَ مَا كُنْتُمْ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ (4)

Dia bersama kalian di mana sahaja kalian berada. Allah Maha Melihat dengan apa yang kalian lakukan. [Al-Hadid : 4]

عَنْ أَنَسٍ، أَنَّ النَّبِيَّ صلى الله عليه وسلم رَأَى نُخَامَةً فِي الْقِبْلَةِ فَحَكَّهَا بِيَدِهِ، وَرُئِيَ مِنْهُ كَرَاهِيَةٌ . أَوْ رُئِيَ كَرَاهِيَتُهُ لِذَلِكَ وَشِدَّتُهُ عَلَيْهِ . وَقَالَ " إِنَّ أَحَدَكُمْ إِذَا قَامَ فِي صَلاَتِهِ فَإِنَّمَا يُنَاجِي رَبَّهُ . أَوْ رَبُّهُ بَيْنَهُ وَبَيْنَ قِبْلَتِهِ . فَلاَ يَبْزُقَنَّ فِي قِبْلَتِهِ، وَلَكِنْ عَنْ يَسَارِهِ أَوْ تَحْتَ قَدَمِهِ ". ثُمَّ أَخَذَ طَرَفَ رِدَائِهِ فَبَزَقَ فِيهِ، وَرَدَّ بَعْضَهُ عَلَى بَعْضٍ، قَالَ " أَوْ يَفْعَلُ هَكَذَا

Anas bin Malik meriwayatkan Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam melihat kesan ludah pada arah kiblat, lalu baginda menggosoknya dengan tangan. Kelihatan baginda sallallahu ‘alaihi wasallam tidak suka akan hal itu. Baginda bersabda: Sesungguhnya salah seorang daripada kalian ketika dia mendirikan solat, sesungguhnya dia sedang bermunajat kepada Allah, atau Tuhannya berada di

antara dia dan kiblatnya. Janganlah dia meludah ke arah kiblat. Akan tetapi meludahlah ke arah kiri atau bawah kakinya. Kemudian baginda mengambil hujung pakaiannya dan meludah padanya, kemudian melipatnya, baginda berkata: Atau lakukan begini. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Solat, hadis no: 417]

Rukun Islam

عَنِ ابْنِ عُمَرَ . رضى الله عنهما . قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم " بُنِيَ الإِسْلاَمُ عَلَى خَمْسٍ شَهَادَةِ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، وَإِقَامِ الصَّلاَةِ، وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ، وَالْحَجِّ، وَصَوْمِ رَمَضَانَ

Ibn 'Umar radiallahu 'anhuma berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Islam terbina di atas lima perkara: Penyaksian bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah selain Allah, dan Muhammad adalah utusan Allah, mendirikan solat, membayar zakat, menunaikan haji, dan berpuasa di bulan Ramadhan. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Iman, hadis no: 8]

Huraian hadis

Hadis ini diriwayatkan daripada banyak jalan periwayatan yang lain. Hadis ini menunjukkan lima perkara asas di dalam Islam yang dipanggil sebagai rukun Islam. Daripada banyak-banyak kewajipan yang ada sebagai seorang Muslim, 5 perkara ini merupakan antara kewajipan yang paling utama.

Maksud Syahadah

Maksud dua syahadah ialah beriman bahawa hanya Allah yang berhak disembah dan Muhammad adalah utusan Allah.

Dalam riwayat Sahih Muslim disebutkan:

بُنِيَ الإِسْلاَمُ عَلَى خَمْسَةٍ عَلَى أَنْ يُوَحَّدَ اللَّهُ

Islam terbina di atas lima perkara iaitu mentauhidkan Allah…. [Sahih Muslim, Kitab al-Iman, hadis no: 16]

Oleh itu Syahadah bukanlah sekadar pengakuan Allah itu ada, bahkan ia adalah pengakuan bahawa Allah itu sahaja tuhan yang berhak disembah melainkan Allah. Oleh kerana itu semua perkara syirik adalah perkara-perkara yang akan menggugurkan syahadah seseorang. Antara perkara-perkara syirik ialah:

1) Berdoa kepada selain daripada Allah

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ , قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَلِمَةً ، وَقُلْتُ أُخْرَى ، قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " مَنْ مَاتَ وَهْوَ يَدْعُو مِنْ دُونِ اللَّهِ نِدًّا دَخَلَ النَّارَ " , وَقُلْتُ : أَنَا مَنْ مَاتَ وَهْوَ لَا يَدْعُو لِلَّهِ نِدًّا دَخَلَ الْجَنَّةَ

'Abdullah bin Mas'ud radiallahu 'anhu berkata : Nabi sallallahu 'alaihi wasallam berkata dengan satu kalimah, dan aku berkata dengan perkataan yang lain, baginda sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: ***Sesiapa yang mati dalam keadaaan meminta kepada selain Allah sebagai sekutu kepada Allah, dia masuk neraka.*** Abdullah bin Mas'ud radiallahu 'anhu berkata: Sesiapa yang

mati dalam keadaan dia tidak meminta kepada selain Allah, dia akan masuk syurga. [Sahih al-Bukhari, Kitab Tafsir al-Quran, hadis no: 4162]

2) Tangkal

عَنْ عَبَّادِ بْنِ تَمِيمٍ أَنَّ أَبَا بَشِيرٍ الْأَنْصَارِيَّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، أَخْبَرَهُ أَنَّهُ كَانَ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي بَعْضِ أَسْفَارِهِ ، قَالَ عَبْدُ اللَّهِ : حَسِبْتُ أَنَّهُ ، قَالَ : وَالنَّاسُ فِي مَبِيتِهِمْ ، فَأَرْسَلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَسُولًا " أَنْ لَا يَبْقَيَنَّ فِي رَقَبَةِ بَعِيرٍ قِلَادَةٌ مِنْ وَتَرٍ أَوْ قِلَادَةٌ إِلَّا قُطِعَتْ. "

Daripada Abu Basyir al-Ansori radiallahu ‘anhu, beliau menyatakan bahawa beliau pernah bersama Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam dalam sebahagian musafir baginda. -Abdullah (perawi hadis) berkata: Aku rasa Abu Basyir ada berkata: orang ramai ketika itu berada di tempat tidur mereka-. Lalu Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam menghantar utusan untuk memastikan tiada sebarang kalung di leher unta melainkan ia mesti dipotong. *[Sahih al-Bukhari, Kitab al-Jihad, hadis no: 2799]*

عَنْ سَعِيدِ بْنِ جُبَيْرٍ ، قَالَ : مَنْ قَطَعَ تَمِيمَةً عَنْ إِنْسَانٍ كَانَ كَعِدْلِ رَقَبَةٍ .

Sa’id bin Jubair berkata: Sesiapa yang memotong tangkal daripada seseorang, seolah-olah dia membebaskan seorang hamba *[Musannaf Ibn Abi Syaibah, Fi Ta’liq at-Tamaim wa ar-Ruqo, no : 23939]*

3) Jampi yang syirik

عَنْ زَيْنَبَ ، امْرَأَةِ عَبْدِ اللهِ عَنْ عَبْدِ اللهِ ، قَالَ : سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ صلى الله عليه وسلم يَقُولُ : إِنَّ الرُّقَى ، وَالتَّمَائِمَ ، وَالتِّوَلَةَ شِرْكٌ قَالَتْ : قُلْتُ : لِمَ تَقُولُ هَذَا ؟ وَاللَّهِ لَقَدْ كَانَتْ عَيْنِي تَقْذِفُ وَكُنْتُ أَخْتَلِفُ إِلَى فُلاَنٍ الْيَهُودِيِّ يَرْقِينِي فَإِذَا رَقَانِي سَكَنَتْ ، فَقَالَ عَبْدُ اللهِ : إِنَّمَا ذَاكَ عَمَلُ الشَّيْطَانِ كَانَ يَنْخُسُهَا بِيَدِهِ فَإِذَا رَقَاهَا كَفَّ عَنْهَا ، إِنَّمَا كَانَ يَكْفِيكِ أَنْ تَقُولِي كَمَا كَانَ رَسُولُ اللهِ صلى الله عليه وسلم يَقُولُ : أَذْهِبِ الْبَأْسَ رَبَّ النَّاسِ ، اشْفِ أَنْتَ الشَّافِي ، لاَ شِفَاءَ إِلاَّ شِفَاؤُكَ شِفَاءً لاَ يُغَادِرُ سَقَمًا.

Zainab radiallahu ‘anha, isteri kepada ‘Abdullah bin Mas’ud radiallahu ‘anhu meriwayatkan daripada suaminya, beliau berkata: Aku pernah mendengar Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Sesungguhnya jampi, tamaim, dan tiwalah adalah syirik. Zainab berkata: Kenapa engkau berkata begitu? Sesungguhnya mata aku sering berair, lalu aku pergi menemui seorang yahudi dan dia menjampi aku. Apabila dia menjampi aku, maka mata aku, mata aku akan kembali tenang. Lalu ‘Abdullah pun berkata: Sesungguhnya itu adalah kerja syaitan yang mana dia mengusik dengan tangannya, apabila bomoh itu menjampinya, maka syaitan itu berhenti. Sesungguhnya cukup untuk engkau membaca apa yang Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam sering baca: Hapuskanlah kesusahan wahai Tuhan kepada manusia, sembuhkanlah sesungguhnya engkau Maha Penyembuh. Tiada penyembuh melainkan sembuhan Mu yang tidak akan meninggalkan sebarang penyakit *[Sunan Abi Daud, Kitab at-Tibb, hadis no: 3883. Shaikh al-Albani mensahihkannya]*

4) Sial

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : الطِّيَرَةُ شِرْكٌ الطِّيَرَةُ شِرْكٌ ثَلَاثًا ، وَمَا مِنَّا إِلَّا وَلَكِنَّ اللَّهَ يُذْهِبُهُ بِالتَّوَكُّلِ "

Abdullah bin Mas'ud radiallahu 'anhu meriwayatkan Nabi sallallahu 'alaihi wasallam bersabda:At-Thiyarah (sial) itu syirik, sial itu syirik (sebanyak tiga kali.(Abdullah bin Mas'ud berkata): Tidaklah kita terlepas (daripada terfikir tentang kesialan sesuatu) melainkan Allah menghapuskannya dengan sifat tawakkal

[Sunan Abu Daud, Kitab at-Thibb, Bab at-Thiyarah, hadis no: 3413, Shaikh Al-Albani mensahihkannya dalam Sahih Abu Daud]

5- Bomoh

عَنْ بَعْضِ أَزْوَاجِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " مَنْ أَتَى عَرَّافًا فَسَأَلَهُ عَنْ شَيْءٍ ، لَمْ تُقْبَلْ لَهُ صَلَاةٌ أَرْبَعِينَ لَيْلَةً

Sebahagian isteri-isteri nabi sallallahu ‘alaihi wasallam meriwayatkan bahawa nabi sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Sesiapa yang datang kepada bomoh, lalu bertanya kepadanya sesuatu, maka solatnya tidak akan diterima selama 40 hari. *[Sahih Muslim, Kitab as-Salam, hadis no: 4144]*

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، أَنّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " مَنْ أَتَى كَاهِنًا " ، قَالَ مُوسَى فِي حَدِيثِهِ : فَصَدَّقَهُ بِمَا يَقُولُ ثُمَّ اتَّفَقَا أَوْ أَتَى امْرَأَةً ، قَالَ مُسَدَّدٌ : امْرَأَتَهُ حَائِضًا أَوْ أَتَى امْرَأَةً ، قَالَ مُسَدَّدٌ : امْرَأَتَهُ فِي دُبُرِهَا فَقَدْ بَرِئَ مِمَّا أُنْزِلَ عَلَى مُحَمَّدٍ.

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu meriwayatkan bahawa Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Sesiapa yang pergi berjumpa bomoh, lalu ***membenarkan apa yang dikatakan oleh bomoh itu***, atau sesiapa yang mendatangi isteri yang haidh atau pada duburnya, maka dia telah berlepas diri daripada apa yang diturunkan kepada Muhammad sallallahu ‘alaihi wasallam. *[Sunan Abi Daud, Kitab at-Thib, hadis no: 3407, Shaikh al-Albani mensahihkannya dalam Sahih Abi Daud]*

7) Berhukum dengan selain hukum Allah
Firman Allah [al-Syura 42:21]

﴿أَمْ لَهُمْ شُرَكَاءُ شَرَعُوا لَهُمْ مِنَ الدِّينِ مَا لَمْ يَأْذَنْ بِهِ اللَّهُ وَلَوْلَا كَلِمَةُ الْفَصْلِ لَقُضِيَ بَيْنَهُمْ وَإِنَّ الظَّالِمِينَ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ﴾

Apakah mereka mempunyai sembahan-sembahan selain Allah ***yang mensyariatkan untuk mereka agama*** yang tidak diizinkan Allah?Sekiranya tak ada ketetapan yang menentukan [daripada Allah] tentulah mereka telah dibinasakan. Dan sesungguhnya orang-orang yang zalim itu akan memperolehi azab yang amat pedih. (21)

8) Mengambil Berkat

عَنْ أَبِي وَاقِدٍ اللَّيْثِيِّ ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمَّا خَرَجَ إِلَى خُيْبَرَ ، مَرَّ بِشَجَرَةٍ لِلْمُشْرِكِينَ ، يُقَالُ لَهَا : ذَاتُ أَنْوَاطٍ ، يُعَلِّقُونَ عَلَيْهَا أَسْلِحَتَهُمْ ، فَقَالُوا : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، اجْعَلْ لَنَا ذَاتَ أَنْوَاطٍ كَمَا لَهُمْ ذَاتُ أَنْوَاطٍ ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " سُبْحَانَ اللَّهِ ، هَذَا كَمَا قَالَ قَوْمُ مُوسَى : اجْعَلْ لَنَا إِلَهًا كَمَا لَهُمْ آلِهَةٌ سورة الأعراف آية 138 ، وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَتَرْكَبُنَّ سُنَّةَ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ " ، قَالَ أَبُو عِيسَى : هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ

Abu Waqidi al-Laithi radiallahu 'anhu meriwayatkan bahawa Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam ketika keluar ke Khaibar, baginda melalui sepohon pokok milik kaum Musyrikin yang dipanggil Dzatu Anwath. Kaum musyrikin akan menggantungkan pada pokok tersebut senjata mereka. Para sahabat yang ada berkata: Ya Rasulullah, buatkan untuk kami Dzatu Anwath sebagaima mereka mempunyai Dzatu Anwath. Lalu Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam pun menjawab: Maha Suci Allah! Ini adalah seperti perkataan kaum nabi Musa "Buatkan untuk kami Tuhan sebagaimana mereka mempunyai tuhan". Demi Allah yang nyawaku di TanganNya, kalian akan mengikuti jejak umat sebelum kalian.

[Sunan at-Tirmizi, Kitab al-Fitan, hadis no: 2335, hasan sahih]

Kedudukan Solat Dalam Islam

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَمَا تُقَدِّمُوا لِأَنْفُسِكُمْ مِنْ خَيْرٍ تَجِدُوهُ عِنْدَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

Dan dirikanlah solat dan bayarlah zakat. Dan kebaikan apa saja yang kamu usahakan bagi dirimu, tentu kamu akan mendapat pahalanya daripada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Melihat apa-apa yang kamu kerjakan [al-Baqarah 2:110]

اتْلُ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

Bacalah apa yang diwahyukan kepada daripada al-Kitab. Dirikanlah solat. Sesungguhnya solat mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar. [al-Ankabut : 45]

عَنْ ثَوْبَانَ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " اسْتَقِيمُوا وَلَنْ تُحْصُوا ، وَاعْلَمُوا أَنَّ خَيْرَ أَعْمَالِكُمُ الصَّلَاةَ ، وَلَا يُحَافِظُ عَلَى الْوُضُوءِ إِلَّا مُؤْمِنٌ

Tsauban radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Istiqamahlah kamu semua, janganlah kamu menghitung-hitungnya, dan ketahuilah bahawa sebaik-baik amal-amalmu adalah solat [Sunan Ibn Majah, Kitab at-Taharah, hadis no: 273]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " إِنَّ أَوَّلَ مَا يُحَاسَبُ بِهِ الْعَبْدُ صَلاتُهُ ، فَإِنْ كَانَ أَكْمَلَهَا وَإِلا قَالَ اللَّهُ : انْظُرُوا لِعَبْدِي مِنْ تَطَوُّعٍ ، فَإِنْ وُجِدَ لَهُ تَطَوُّعٌ ، قَالَ : أَكْمِلُوا بِهِ الْفَرِيضَةَ

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu meriwayatkan Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Sesungguhnya amalan manusia yang mula-Mula dihisab pada hari kiamat ialah solat mereka. Jika solatnya sempurna, dan jika terdapat sesuatu kekurangan Tuhan berfirman pula: Periksalah adakah hamba-Ku mempunyai amalan solat sunat? Jika dia mempunyai amalan solat sunat lalu Tuhan berfirman: Sempurnakanlah solat fardu hamba-Ku dengan solat sunatnya. [Sunan an-Nasaie al-Kubra, Kitab as-Solat, hadis no: 319]

Jabir bin Abdullah radiallahu ‘anhu meriwayatkan Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda:

بَيْنَ الرَّجُلِ وَبَيْنَ الشِّرْكِ وَالْكُفْرِ تَرْكُ الصَّلاَةِ

Antara seseorang dengan syirik dan kekufuran ialah meninggalkan solat. [Sahih Muslim, Kitab al-Iman, hadis no: 82]

Jabir bin Abdullah radiallahu anhu berkata, Rasulullah sallallahu alaihi wasallam bersabda:

مَثَلُ الصَّلَوَاتِ الْخَمْسِ ، كَمَثَلِ نَهْرٍ جَارٍ غَمْرٍ عَلَى بَابِ أَحَدِكُمْ يَغْتَسِلُ مِنْهُ كُلَّ يَوْمٍ خَمْسَ مَرَّاتٍ

Solat lima waktu itu umpama sungai yang mengalir di hadapan pintu salah seorang daripada kalian. Dia mandi dengan airnya setiap hari sebanyak lima kali.

[Sahih Muslim, Kitab al-Masajid wa Mawadi'i as-Solat, hadis no: 1078]

Al-Imam Ibn Qayyim al-Jauziyyah menukilkan dalam kitabnya (الصلاة وأحكام تاركها) “Solat dan Hukum Meninggalkannya”:

Umat Islam tidak berbeza pendapat bahawa meninggalkan solat fardhu dengan sengaja adalah antara dosa besar bahkan dosa besar yang paling besar (selepas syirik). Sesungguhnya dosa kepada Allah itu lebih besar daripada dosa membunuh, merampas harta, berzina, mencuri, minum arak, dan ia adalah jalan kepada hukuman Allah, kemurkaanNya dan penghinaan daripadaNya di dunia dan akhirat.

Umar radiallahu ‘anhu menyatakan:

لاَ إِسْلاَمَ لِمَنْ تَرَكَ الصَّلاَةَ

” Tidak ada Islam bagi orang yang meninggalkan solat.”

Daripada jalan yang lain, beliau berkata:

ولاَحَظَّ فِي الإِسْلاَمِ لِمَنْ تَرَكَ الصَّلاَةَ

“Tidak ada bahagian dalam Islam bagi orang yang meninggalkan solat.”

Abdullah bin Syaqiq berkata:

كَانَ أَصْحَابُ مُحَمَّدٍ –صلى الله عليه وسلم– لاَ يَرَوْنَ شَيْئًا مِنَ الأَعْمَالِ تَرْكُهُ كُفْرٌ غَيْرَ الصَّلاَةِ

“Dahulu para sahabat Muhammad sollallahu ‘alaihi wassalam tidak pernah melihat suatu amal yang apabila ditinggalkan menyebabkan kafir kecuali solat.

Murtadkah Jika Meninggalkan Solat

Dalam Ensiklopedia Fiqh Kuwait disebutkan dalam bab (الرِّدَّةُ لِتَرْكِ الصَّلاَة) “Murtadnya Orang Yang Meninggalkan Solat”:

لاَ خِلاَفَ فِي أَنَّ مَنْ تَرَكَ الصَّلاَةَ جَاحِدًا لَهَا يَكُونُ مُرْتَدًّا (2) ، وَكَذَا الزَّكَاةُ وَالصَّوْمُ وَالْحَجُّ ؛ لِأَنَّهَا مِنَ الْمُجْمَعِ عَلَيْهِ الْمَعْلُومِ مِنَ الدِّينِ بِالضَّرُورَةِ (3)

Tiada perbezaan pendapat di kalangan ulama bahawa sesiapa yang meninggalkan solat dan ingkar (tentang kewajipannya) maka dia murtad. Begitu jugalah (untuk sesiapa yang ingkar) kewajipan zakat, puasa dan haji. Ini kerana hal-hal tersebut adalah perkara yang pasti diketahui/ma’lum bid dhorurah.

Adapun meninggalkan solat kerana malas, maka ada tiga pendapat tentang hukumnya:

Pertama: Murtad dan dihukum bunuh. Ini merupakan pendapat yang diriwayatkan daripada Imam Ahmad, Sa’id bin Jubair, ‘Amir al-Sya’bi, Ibrahim an-Nakhaie, Abi ‘Amru, Al-Awza’ie, Ayyub al-Sakhtiyaniy, ‘Abdullah bin al-Mubarak, Ishaq bin Rahawaih, Abdul Malik bin Habib daripada mazhab Malik, dan ia juga merupakah salah satu pendapat mazhab al-Syafie. Imam at-Tahawi meriwayatkan pendapat ini daripada Imam al-Syafie sendiri, begitu juga Abu Muhammad bin Hazm meriwayatkan pendapat ini daripada ‘Umar al-Khattab, Mu’az bin Jabal, ‘Abdul Rahman bin ‘Auf, Abu Hurairah dan sahabat-sahabat lain radiallahu ‘anhum ajma’in.

Pendapat kedua: Orang yang meninggalkan solat dihukum bunuh tetapi dia tidak kafir. Ini merupakan pendapat Imam Malik dan Imam al-Syafie, dan merupakan satu riwayat daripada Imam Ahmad.

Pendapat ketiga: Sesiapa yang meninggalkan solat sebab malas, maka dia adalah orang fasiq, ini merupakan pendapat mazhab Hanafi.

Hukum Meninggalkan Rukun Islam

Sebahagian ulama berpendapat sesiapa yang meninggalkan salah satu rukun Islam dengan sengaja, maka dia telah dihukum sebagai kafir. Ini merupakan pendapat Sa’id bin Jubair, Nafi’, Al-Hakam dan salah satu riwayat Ahmad. Akan tetapi sebahagian ulama lain tidak bersetuju sebagaimana yang telah disebutkan di dalam huraian hadis Jibril.

Penciptaan Manusia

عَنْ عبدِ اللهِ بنِ مَسعودٍ – رضي الله عنه – قالَ : حَدَّثنا رسولُ الله – صلى الله عليه وسلم – وهُوَ الصَّادِقُ المِصدوقُ : ((إنَّ أَحَدَكُم يُجْمَعُ خلقُهُ في بَطنِ أُمِّهِ أَربعينَ يَوماً نطفة (1) ، ثمَّ يكونُ عَلَقَةً مِثْلَ ذلكَ ، ثمَّ يكونُ مُضغةً مِثلَ ذلكَ ، ثمَّ يُرسلُ الله إليه المَلَك ، فيَنْفُخُ فيه الرُّوحَ ، ويُؤْمَرُ بأربَعِ كلماتٍ : بِكَتْب رِزقه وعمله وأجَلِه ، وشقيٌّ أو سَعيدٌ ، فوالذي لا إله غيره إنَّ أحدكُم ليَعْمَلُ بعمَلِ أهلِ الجنَّةِ حتَّى ما يكونَ بينَهُ وبَينها

إلاَّ ذِراعٌ ، فيَسبِقُ عليهِ الكتابُ فَيعمَلُ بعمَلِ أهل النَّار فيدخُلها ، وإنَّ أحدكم ليَعمَلُ بعملِ أهل النَّارِ حتّى ما يكون بينَهُ وبينها إلاَّ ذِراعٌ ، فيسبِقُ عليه الكِتابُ ، فيعمَلُ بعملِ أهل الجَنَّةِ فيدخُلُها)) رَواهُ البُخاريُّ ومُسلمٌ .

Abdullah bin Mas'ud radiallahu 'anhu berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam, yang merupakan seorang yang jujur lagi dipercayai, menyampaikan kepada kami: Sesungguhnya salah seorang daripada kalian dikumpulkan di dalam perut ibunya selama empat puluh hari dalam bentuk air mani. Kemudian dia menjadi seketul darah selama tempoh itu jua. Kemudian dia menjadi seketul daging selama tempoh itu jua. Kemudian Allah menghantar kepadanya malaikat, lalu malaikat meniupkan ruh kepadanya. Lalu malaikat disuruh mencatat empat perkara: Rezekinya, amalnya, ajalnya, celaka atau pun bahagia. Demi Allah yang tiada Tuhan berhak disembah selainNya. Sesungguhnya salah seorang daripada kalian akan beramal dengan amalan ahili syura, sehinggalah antaranya dan syurga hanyalah sehasta. Lalu kitab catatan tadi telah mendahuluinya lalu dia beramal dengan amalan ahli neraka, lalu dia memasuki neraka itu. Sesungguhnya salah seorang daripada kalian akan beramal dengan amalan ahli neraka sehinggalah antaranya dan neraka hanyalah sehasta. Lalu kitab catatan tadi mendahuluinya, lalu dia beramal dengan amalan ahli syurga, lalu dia memasukinya. [Al-Bukhari dan Muslim]

Kemusykilan Hadis

Akan tetapi apabila diteliti di dalam Sahih al-Bukhari, Muslim, dan kitab-kitab hadis utama yang lain, terdapat perbezaan pada teks hadis yang membawa kepada perbezaan maksud.

حَدَّثَنَا آدَمُ، حَدَّثَنَا شُعْبَةُ، حَدَّثَنَا الأَعْمَشُ، سَمِعْتُ زَيْدَ بْنَ وَهْبٍ، سَمِعْتُ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ مَسْعُودٍ . رضى الله عنه . حَدَّثَنَا رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم وَهْوَ الصَّادِقُ الْمَصْدُوقُ " إِنَّ خَلْقَ أَحَدِكُمْ يُجْمَعُ فِي بَطْنِ أُمِّهِ أَرْبَعِينَ يَوْمًا وَأَرْبَعِينَ لَيْلَةً، ثُمَّ يَكُونُ عَلَقَةً مِثْلَهُ، ثُمَّ يَكُونُ مُضْغَةً مِثْلَهُ، ثُمَّ يُبْعَثُ إِلَيْهِ الْمَلَكُ فَيُؤْذَنُ بِأَرْبَعِ كَلِمَاتٍ، فَيَكْتُبُ رِزْقَهُ وَأَجَلَهُ وَعَمَلَهُ وَشَقِيٌّ أَمْ سَعِيدٌ ثُمَّ يَنْفُخُ فِيهِ الرُّوحَ، فَإِنَّ أَحَدَكُمْ لَيَعْمَلُ بِعَمَلِ أَهْلِ الْجَنَّةِ، حَتَّى لاَ يَكُونُ بَيْنَهَا وَبَيْنَهُ إِلاَّ ذِرَاعٌ، فَيَسْبِقُ عَلَيْهِ الْكِتَابُ، فَيَعْمَلُ بِعَمَلِ أَهْلِ النَّارِ فَيَدْخُلُ النَّارَ، وَإِنَّ أَحَدَكُمْ لَيَعْمَلُ بِعَمَلِ أَهْلِ النَّارِ، حَتَّى مَا يَكُونُ بَيْنَهَا وَبَيْنَهُ إِلاَّ ذِرَاعٌ فَيَسْبِقُ عَلَيْهِ الْكِتَابُ، فَيَعْمَلُ عَمَلَ أَهْلِ الْجَنَّةِ فَيَدْخُلُهَا ."

Abdullah bin Mas'ud radiallahu 'anu meriwayatkan Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam, yang merupakan seorang yang jujur dan dipercayai, berkata: Sesungguhnya penciptaan salah seorang daripada kalian dengan dikumpulkan di dalam perut ibunya selama empat puluh hari empat puluh malam. Kemudian dia menjadi segumpal darah dalam tempoh itu. Kemudian dia menjadi daging dalam tempoh seperti itu. Kemudian diutus kepadanya malaikat yang diizinkan menulis empat kalimah iaitu: Rezekinya, ajalnya, amalnya, kesengsaraan atau kebahagiaan. Kemudian ditiup kepadanya roh. Sesungguhnya salah seorang daripada kalian akan beramal dengan amalan ahli syurga sehinggalah antaranya dan syurga hanyalah sehasta. Lalu kitab catatan tadi

mendahuluhinya. Lalu dia beramal dengan amalan ahli neraka, lalu dia pun masuk ke dalam neraka.[Sahih al-Bukhari, Kitab at-Tauhid, hadis no: 7454]

Kita akan melihat perbezaan yang ada pada teks hadis yang ada dalam Hadis 40 dengan yang ada dalam Sahih al-Bukhari dan kitab-kitab hadis lain:

Dalam hadis 40 disebutkan:

إِنَّ أَحَدَكُم يُجْمَعُ خلقُهُ فِي بَطنِ أُمِّهِ أَربعينَ يَوماً <u>نطفة</u>

Sesungguhnya salah seorang daripada kalian dikumpulkan di dalam perut ibunya selama empat puluh hari <u>dalam bentuk air mani</u>

Dalam Sahih al-Bukhari pula disebutkan:

إِنَّ خَلْقَ أَحَدِكُمْ يُجْمَعُ فِي بَطْنِ أُمِّهِ أَرْبَعِينَ يَوْمًا وَأَرْبَعِينَ لَيْلَةً

Sesungguhnya penciptaan salah seorang daripada kalian dengan dikumpulkan di dalam perut ibunya selama empat puluh hari empat puluh malam.

Dalam Sahih al-Bukhari tidak disebutkan bahawa janin berada dalam bentuk air mani selama 40 hari sebagaimana yang ada dalam hadis 40. Dalam buku bertajuk: Kaedah Memahami Hadis-Hadis Musykil[1] ada menyebutkan tentang hal ini:

1- Perkataan dalam bentuk air mani hanya diriwayatkan dalam riwayat Abu Uwanah dan Abu Bakar al-Ismaili. Manakala dalam kitab-kitab hadis yang utama seperti Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abu Daud, at-Tirmizi, an-Nasaie dan Ibnu Majah tidak mempunyai perkataan dalam bentuk air mani.

2- Terdapat kebarangkalian bahawa perkataan 'dalam bentuk air mani' merupakan perkataan yang ditambah oleh perawi hadis atas sebab untuk menjelaskan hadis tersebut. Ini adalah perkara yang banyak berlaku dalam periwayatan hadis.

3- Penambahan perkataan 'dalam bentuk air mani' ini membawa impak yang besar kepada maksud hadis itu.

4- Jika menurut teks hadis dalam kitab hadis 40, proses pembentukan manusia dalam perut ibunya ialah 120 hari (40 hari dalam bentuk mani + 40 hari dalam bentuk darah + 40 hari dalam bentuk daging) sebelum ditiupkan roh. Menurut teori sains, ini sesuatu yang bercanggah di mana proses pembentukan embrio keseluruhannya berlaku dalam lingkungan 42 hari, manakala dalam bentuk air mani hanyalah 7 hari sahaja.

5- Akan tetapi jika melihat kepada teks asal dalam Sahih al-Bukhari, di dapati bahawa proses pembentukan embrio itu selama 40 hari, tanpa dispesifikkan berapa lamakah dalam bentuk darah, daging dan sebagainya. Sehinggakan maksud teks asal hadis menunjukkan pembentukan darah, daging kesemuanya berlaku dalam tempoh 40 hari yang sama. Maka ia hampir sama dengan teori sains yang dikemukakan. Dalam masa yang sama, terdapat

[1] http://www.hafizfirdaus.com/ebook/KMHHM/index.htm

jua ulama yang memahami bahawa hadis Sahih al-Bukhari itu menunjukkan prosesnya berlaku masih dalam 120 hari berdasarkan perkataan: مِثْلَهُ

Penciptaan Manusia Dalam Al-Quran

Proses penciptaan manusia telah disebutkan di dalam al-Quran.

وَلَقَدْ خَلَقْنَا ٱلْإِنسَـٰنَ مِن سُلَـٰلَةٍ مِّن طِينٍ ﴿١٢﴾ ثُمَّ جَعَلْنَـٰهُ نُطْفَةً فِى قَرَارٍ مَّكِينٍ ﴿١٣﴾ ثُمَّ خَلَقْنَا ٱلنُّطْفَةَ عَلَقَةً فَخَلَقْنَا ٱلْعَلَقَةَ مُضْغَةً فَخَلَقْنَا ٱلْمُضْغَةَ عِظَـٰمًا فَكَسَوْنَا ٱلْعِظَـٰمَ لَحْمًا ثُمَّ أَنشَأْنَـٰهُ خَلْقًا ءَاخَرَ ۚ فَتَبَارَكَ ٱللَّهُ أَحْسَنُ ٱلْخَـٰلِقِينَ ﴿١٤﴾ ثُمَّ إِنَّكُم بَعْدَ ذَٰلِكَ لَمَيِّتُونَ ﴿١٥﴾

Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia daripada suatu saripati [berasal] dari tanah. (12) Kemudian Kami jadikan saripati itu air mani [yang disimpan] dalam tempat yang kukuh [rahim]. (13) Kemudian air mani itu Kami jadikan segumpal darah, lalu segumpal darah itu Kami jadikan segumpal daging, dan segumpal daging itu Kami jadikan tulang belulang, lalu tulang belulang itu Kami bungkus dengan daging. Kemudian Kami jadikan dia makhluk yang [berbentuk] lain. Maka Maha Sucilah Allah, Pencipta Yang Paling Baik. (14) Kemudian, sesudah itu, sesungguhnya kamu sekalian benar-benar akan mati. (15) [Al-Mukminun : 12-15]

Akan tetapi terdapat sedikit perbezaan untuk penciptaan awal-awal manusia iaitu Adam dan Hawa kerana mereka bukanlah lahir daripada air mani. Adam diciptakan daripada tanah, manakala Hawa diciptakan daripada tulang rusuk Adam.

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ ٱتَّقُوا۟ رَبَّكُمُ ٱلَّذِى خَلَقَكُم مِّن نَّفْسٍ وَٰحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَآءً ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ٱلَّذِى تَسَآءَلُونَ بِهِۦ وَٱلْأَرْحَامَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا ﴿١﴾

"Wahai sekalian manusia, bertakwalah kepada Tuhan kalian yang telah menciptakan kalian daripada jiwa yang satu dan daripada jiwa yang satu itu Dia menciptakan pasangannya, dan daripada keduanya Dia memperkembang biakkan lelaki dan perempuan yang ramai." [An-Nisa' : 1]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " إِنَّ الْمَرْأَةَ خُلِقَتْ مِنْ ضِلَعٍ لَنْ تَسْتَقِيمَ لَكَ عَلَى طَرِيقَةٍ ، فَإِنِ اسْتَمْتَعْتَ بِهَا اسْتَمْتَعْتَ بِهَا وَبِهَا عِوَجٌ ، وَإِنْ ذَهَبْتَ تُقِيمُهَا كَسَرْتَهَا ، وَكَسْرُهَا طَلَاقُهَا

Abu Hurairah radiallahu 'anhu berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Sesungguhnya wanita dicipta daripada tulang rusuk, kalian tidak akan mampu meluruskannya walau apa cara sekalipun. Jika kalian bersenang-senangnya, kalian akan bersenang dengannya dalam keadaan adanya kebengkokan. Jika kalian terus juga mahu meluruskannya, kalian akan mematahkannya. Dan patahnya itu ialah penceraian. [Sahih Muslim, Kitab al-Ridho', hadis no: 2678]

Al-Imam An-Nawawi rahimahullah berkata dalam Al-Minhaj Syarah Sahih Muslim,: "Dalam hadis ini ada dalil daripada ucapan fuqaha atau sebahagian mereka bahawa Hawa diciptakan daripada tulang rusuk Adam. Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman: خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا (dia telah menciptakan kalian daripada diri yang satu dan menciptakan daripadanya pasangannya) dan Nabi Sallallahu 'alaihi wa sallam menerangkan bahawa wanita diciptakan daripada tulang rusuk. Hadis ini menunjukkan kewajipan berlaku lembut kepada wanita, bersikap baik terhadap mereka, bersabar atas kekurangan akhlak dan lemahnya akal mereka. Selain itu, ia menunjukkan dibencinya mentalak mereka tanpa sebab dan juga tidak boleh seseorang bercita-cita agar si wanita terus lurus. Wallahu a'lam."

Penguguran

Daripada hadis di atas sebahagian ulama membenarkan untuk janin digugurkan sebelum ditiupkan roh kepadanya. Mereka menyamakan hal ini dengan proses azal di mana pasangan yang melakukan hubungan seksual tidak akan memancutkan air mani di dalam faraj pasangannya.

Jabir radiallahu 'anhu berkata:

كُنَّا نَعْزِلُ وَالْقُرْآنُ يَنْزِلُ

Kami melakukan 'Azl sedangkan ketika itu al-Quran masih diturunkan. [Sahih al-Bukhari, Kitab an-Nikah, hadis no: 5209]

Akan tetapi pandangan ini satu pandangan yang tidak benar. Kerana dalam proses 'Azl, air mani itu belum lagi masuk ke dalam rahim, dan tidak melalui proses menjadi manusia, sedangkan pengguguran pula dilakukan ketika janin sudah mula terbentuk.

Penulisan Empat Kalimah:

Ini berkaitan dengan isu keimanan Qadha dan Qadar sebagaimana yang telah kita bahaskan dalam hadis Jibril sebelum ini.

Amalan Berdasarkan Kesudahan

Hadis ini menunjukkan kedudukan seseorang itu bergantung kepada kesudahannya ketika mati. Boleh jadi ada orang yang selama hidup ini mentaati Allah, tetapi dia mati dalam keadaan derhaka kepada Allah. Boleh jadi ada orang yang selama hidup ini memaksiati Allah, tetapi dia diberi hidayah lalu bertaubat hingga dia mati dalam keadaan mentaati Allah.

عَنْ سَهْلٍ، أَنَّ رَجُلاً، مِنْ أَعْظَمِ الْمُسْلِمِينَ غَنَاءً عَنِ الْمُسْلِمِينَ فِي غَزْوَةٍ غَزَاهَا مَعَ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم فَنَظَرَ النَّبِيُّ صلى الله عليه وسلم فَقَالَ " مَنْ أَحَبَّ أَنْ يَنْظُرَ إِلَى الرَّجُلِ مِنْ أَهْلِ النَّارِ فَلْيَنْظُرْ إِلَى هَذَا ". فَاتَّبَعَهُ رَجُلٌ مِنَ الْقَوْمِ، وَهْوَ عَلَى تِلْكَ الْحَالِ مِنْ أَشَدِّ النَّاسِ عَلَى الْمُشْرِكِينَ، حَتَّى جُرِحَ فَاسْتَعْجَلَ الْمَوْتَ، فَجَعَلَ ذُبَابَةَ سَيْفِهِ بَيْنَ ثَدْيَيْهِ حَتَّى خَرَجَ مِنْ بَيْنِ كَتِفَيْهِ فَأَقْبَلَ الرَّجُلُ إِلَى النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم مُسْرِعًا فَقَالَ أَشْهَدُ أَنَّكَ رَسُولُ اللَّهِ. فَقَالَ " وَمَا ذَاكَ ". قَالَ قُلْتَ لِفُلاَنٍ " مَنْ أَحَبَّ أَنْ يَنْظُرَ إِلَى رَجُلٍ مِنْ أَهْلِ النَّارِ فَلْيَنْظُرْ إِلَيْهِ

". وَكَانَ مِنْ أَعْظَمِنَا غَنَاءً عَنِ الْمُسْلِمِينَ، فَعَرَفْتُ أَنَّهُ لاَ يَمُوتُ عَلَى ذَلِكَ فَلَمَّا جُرِحَ اسْتَعْجَلَ الْمَوْتَ فَقَتَلَ نَفْسَهُ. فَقَالَ النَّبِيُّ صلى الله عليه وسلم عِنْدَ ذَلِكَ " إِنَّ الْعَبْدَ لَيَعْمَلُ عَمَلَ أَهْلِ النَّارِ، وَإِنَّهُ مِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ، وَيَعْمَلُ عَمَلَ أَهْلِ الْجَنَّةِ، وَإِنَّهُ مِنْ أَهْلِ النَّارِ، وَإِنَّمَا الأَعْمَالُ بِالْخَوَاتِيمِ

Sahl radiallahu ‘anhu meriwayatkan bahawa terdapat seorang lelaki yang sangat berani daripada tentera kaum Muslimin dalam satu peperangan bersama Nabi sallallahu ‘ lalu Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Sesiapa yang mahu melihat ahli neraka, lihatlah kepada lelaki ini. Lalu salah seorang daripada lelaki dalam kaum tersebut mengekori lelaki yang dimaksudkan oleh Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam. Lelaki tersebut sangat bersungguh-sungguh memerangi kaum Musyrikin. Hinggalah dia tercedera dan lelaki itu mensegerakan kematiannya (iaitu membunuh diri). Lelaki itu telah menikam antara dua dadanya sehingga pedangnya itu terkeluar pada bahunya. Lelaki yang mengekori tadi terus pergi berjumpa Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam lalu berkata: Aku bersaksi bahawa engkau utusan Allah. Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam bertanya: Kenapa dengan engkau? Lelaki itu menjawab: Tadi engkau ada berkata: Sesiapa yang mahu melihat ahli neraka, lihatlah kepada lelaki ini. Lelaki itu merupakan lelaki paling berani daripada tentera Muslimin. Aku tahu bahawa lelaki itu tidak mati dalam keadaan begitu (iaitu tidak mati syahid). Ini kerana ketika dia tercedera, dia membunuh dirinya. Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam pun bersabda: Sesungguhnya seorang hamba itu akan beramal dengan amalan ahli neraka, tetapi sesungguhnya dia ahli syurga. Ada pula yang beramal dengan amalan ahli syurga, tetapi sesungguhnya dia ahli neraka. Sesungguhnya amalan itu dengan pengakhirannya. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Qadar, hadis no: 6607]

Dalam riwayat lain disebutkan:

إِنَّ الرَّجُلَ لَيَعْمَلُ عَمَلَ أَهْلِ الْجَنَّةِ، فِيمَا يَبْدُو لِلنَّاسِ، وَهْوَ مِنَ أَهْلِ النَّارِ، وَإِنَّ الرَّجُلَ لَيَعْمَلُ عَمَلَ أَهْلِ النَّارِ، فِيمَا يَبْدُو لِلنَّاسِ، وَهْوَ مِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ

Sesungguhnya seseorang itu akan beramal dengan amalan ahli syurga pada pandangan manusia, sedangkan dia sebenarnya ahli neraka. Sesungguhnya seseorang itu beramal dengan amalan ahli neraka pada pandangan manusia, sedangkan dia adalah ahli syurga. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Maghazi, hadis no: 4202]

Ini menunjukkan bahawa Allah bukanlah zalim. Hadis di atas menunjukkan manusia ini pada zahirnya melakukan amalan kebaikan, tetapi boleh jadi ia dilakukan tanpa ikhlas, atau kejahatannya lebih banyak daripada kebaikan. Begitu juga ada manusia yang zahirnya jahat, tetapi boleh jadi ada amal-amal kebaikan dia yang dia lakukan tetapi manusia tidak tahu mengenainya.

Ini mengajar kita agar jangan bermudah-mudah menghukum orang sebagai ahli neraka kerana kita tidak tahu apakah kesudahan kita dan mereka.

قَالَ أَبُو هُرَيْرَةَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم يَقُولُ كَانَ رَجُلاَنِ فِي بَنِي إِسْرَائِيلَ مُتَآخِيَيْنِ فَكَانَ أَحَدُهُمَا يُذْنِبُ وَالآخَرُ مُجْتَهِدٌ فِي الْعِبَادَةِ فَكَانَ لاَ يَزَالُ الْمُجْتَهِدُ يَرَى الآخَرَ عَلَى الذَّنْبِ فَيَقُولُ أَقْصِرْ . فَوَجَدَهُ يَوْمًا

عَلَى ذَنْبٍ فَقَالَ لَهُ أَقْصِرْ فَقَالَ خَلِّنِي وَرَبِّي أَبُعِثْتَ عَلَيَّ رَقِيبًا فَقَالَ وَاللَّهِ لاَ يَغْفِرُ اللَّهُ لَكَ أَوْ لاَ يُدْخِلُكَ اللَّهُ الْجَنَّةَ . فَقُبِضَ أَرْوَاحُهُمَا فَاجْتَمَعَا عِنْدَ رَبِّ الْعَالَمِينَ فَقَالَ لِهَذَا الْمُجْتَهِدِ أَكُنْتَ بِي عَالِمًا أَوْ كُنْتَ عَلَى مَا فِي يَدِي قَادِرًا وَقَالَ لِلْمُذْنِبِ اذْهَبْ فَادْخُلِ الْجَنَّةَ بِرَحْمَتِي وَقَالَ لِلآخَرِ اذْهَبُوا بِهِ إِلَى النَّارِ. قَالَ أَبُو هُرَيْرَةَ وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَتَكَلَّمَ بِكَلِمَةٍ أَوْبَقَتْ دُنْيَاهُ وَآخِرَتَهُ .

Abu Hurairah radiallahu 'anhu berkata: Aku mendengar Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Ada dua orang lelaki bersaudara daripada Bani Israel. Salah seorang sering melakukan dosa dan seorang lagi bersungguh-sungguh beribadah. Lelaki yang bersungguh-sungguh dalam ibadah ini setiap kali dia melihat saudaranya melakukan dosa dia akan berkata: Tinggalkanlah dosa ini. Pada suatu hari, dia mendapati saudaranya sedang melakukan dosa lalu dia berkata: Tinggalkanlah dosa ini. Lalu saudaranya menjawab: Biarkan aku dan Tuhan ku. Adakah engkau diutuskan kepada ku untuk menjadi pemerhati ke atas ku? Saudaranya menjawab: Demi Allah, Allah tidak akan mengampuni engkau, Dia tidak akan memasukkan engkau ke dalam syurga Lalu nyawa mereka berdua diambil dan mereka berkumpul di hadapan Tuhan sekalian alam. Allah berkata kepada lelaki yang kuat beribadah: Adakah engkau tahu apa yang Aku tahu? Adakah engkau berkuasa atas apa yang ada pada Tangan ku? Allah berkata kepada yang sering berdosa: Pergilah, masuklah ke dalam syurga dengan rahmat Ku. Allah berkata kepada yang lain pula: Pergilah bersamanya (iaitu lelaki yang rajin beribadah itu) ke neraka. Abu Hurairah berkata: Demi tuhan yang diri ku di TanganNya, lelaki itu (iaitu yang kuat beribadah itu) berkata dengan satu perkataan yang memusnahkan dunia dan akhiratnya.

[Sunan Abi Daud, Kitab al-Adab, hadis no: 4883]

عَنْ أَنَسٍ ، قَالَ : كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُكْثِرُ أَنْ يَقُولَ : " يَا مُقَلِّبَ الْقُلُوبِ ، ثَبِّتْ قَلْبِي عَلَى دِينِكَ " ، فَقُلْتُ : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، آمَنَّا بِكَ وَبِمَا جِئْتَ بِهِ فَهَلْ تَخَافُ عَلَيْنَا ؟ قَالَ : " نَعَمْ ، إِنَّ الْقُلُوبَ بَيْنَ أُصْبُعَيْنِ مِنْ أَصَابِعِ اللَّهِ يُقَلِّبُهَا كَيْفَ يَشَاءُ"

Anas radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam kerap membaca (doa di atas). Lalu aku bertanya: Ya Rasulullah, kami beriman kepada engkau dan apa yang engkau bawa. Adakah engkau ada rasa takut/khuatir ke atas kami? Baginda menjawab: Ya. Sesungguhnya hati-hati ini berada di antara dua jari daripada jari jemari Allah. dia akan akan membolak-balikkan ia sebagaimana yang Dia kehendaki [Sunan at-Tirmizi, Kitab al-Qadr, hadis no: 2066]

MENJADI ORANG YANG BERTAQWA & BERAKHLAK MULIA

Menurut Abu Zar dan Mu`az bin Jabal رضي الله عنهما : Rasulululllah ﷺ bersabda:

اتَّقِ اللَّهَ حَيْثُمَا كُنْتَ، وَأَتْبِعِ السَّيِّئَةَ الْحَسَنَةَ تَمْحُهَا، وَخَالِقِ النَّاسَ بِخُلُقٍ حَسَنٍ

Maksudnya:

“Bertaqwalah kepada Allah di mana sahaja kamu berada. Susulilah perbuatan dosa dengan amalan baik, nescaya amalan baik itu akan memadamkannya. Bergaullah dengan manusia dengan akhlak yang baik.”

Bab 1: Takhrij Hadis

Hadis ini darjatnya hasan, diriwayatkan oleh:

1. Ahmad (v/153,158,177)
2. At-Tirmizi (no 1987)
3. Ad-Darimi (11/323)
4. Al-Hakim (1/54)

Bab 2: Kepentingan Berpesan Kepada Ketakwaan

Takwa adalah wasiat Allah *`Azza Wajalla* untuk generasi terdahulu dan yang terakhir. Ini sebagaimana firman-Nya dalam Surah al-Nisak, ayat 131:

وَلَقَدۡ وَصَّيۡنَا ٱلَّذِينَ أُوتُواْ ٱلۡكِتَٰبَ مِن قَبۡلِكُمۡ وَإِيَّاكُمۡ أَنِ ٱتَّقُواْ ٱللَّهَۚ

Maksudnya:

...Sesungguhnya Kami telah memerintahkan kepada orang yang diberi kitab sebelum kamu, dan juga (memerintahkan) kepada kamu, iaitu hendaklah bertakwa kepada Allah;...

Bab 3: Huraian Hadis

Sabda Nabi ﷺ:

اتَّقِ اللَّهَ حَيْثُمَا كُنْتَ

“Bertaqwalah Kepada Allah Di Mana Sahaja Kamu Berada”

Definasi Taqwa Menurut Bahasa dan Istilah

Menurut bahasa, Taqwa bererti menjaga diri atau berhati-hati. Dikatakan:

اِتَّقَيْتُ الشَّيْءَ وَتَقَيْتُهُ أَتَّقِيهِ وَأَتْقِيْهِ تُقًى وَتَقِيَّةً وَتِقَاءً

“Aku menjaga diri dari sesuatu atau aku berhati-hati terhadapnya.”

al-Imam al-Hafiz al-`Allamah Zainuddin, `Abdurrahman bin Ahmad bin `AbdurRahman bin al-Hasan bin Muhammad bin Abu al-Barakat Mas`ud al-Salamai al-Baghdadi[2] (terkenal dengan panggilan Ibnu Rajab) dalam kitab *Jami`ul `Ulumi Walhikami* (Himpunan Ilmu dan Hikmah) berkata:

وَأَصْلُ التَّقْوَى أَنْ يَجْعَلَ الْعَبْدُ بَيْنَهُ وَبَيْنَ مَا يَخَافُهُ وَيَحْذَرُهُ وِقَايَةً تَقِيهِ مِنْهُ ، فَتَقْوَى الْعَبْدِ لِرَبِّهِ أَنْ يَجْعَلَ بَيْنَهُ وَبَيْنَ مَا يَخْشَاهُ مِنْ رَبِّهِ مِنْ غَضَبِهِ وَسُخْطِهِ وَعِقَابِهِ وِقَايَةً تَقِيهِ مِنْ ذَلِكَ وَهُوَ فِعْلُ طَاعَتِهِ وَاجْتِنَابُ مَعَاصِيهِ... وَقَدْ

[2] Dilahirkan di Baghdad pada 736H. Meninggal dunia pada tahun 795H di Damsyik.

يَغْلِبُ اسْتِعْمَالُ التَّقْوَى عَلَى اجْتِنَابِ الْمُحَرَّمَاتِ كَمَا قَالَ أَبُو هُرَيْرَةَ وَسُئِلَ عَنِ التَّقْوَى، فَقَالَ : هَلْ أَخَذْتَ طَرِيقًا ذَا شَوْكٍ؟ قَالَ: نَعَمْ، قَالَ: فَكَيْفَ صَنَعْتَ؟ قَالَ: إِذَا رَأَيْتُ الشَّوْكَ عَدَلْتُ عَنْهُ، أَوْ جَاوَزْتُهُ، أَوْ قَصَّرْتُ عَنْهُ، قَالَ: ذَاكَ التَّقْوَى

"Maksud asal taqwa ialah seseorang hamba itu meletakkan pelindung yang dapat memelihara dirinya daripada perkara yang ditakuti dan diawasinya. Oleh itu ketaqwaan hamba kepada Tuhannya bermaksud dia meletakkan pelindung yang dapat melindungi dirinya daripada kemarahan, kemurkaan dan balasan seksa Tuhannya yang dia takuti. Caranya ialah dengan melakukan ketaatan kepada Tuhannya dan menjauhi larangannya."...Biasanya, kalimah takwa digunakan dengan maksud menjauhi perkara yang haram seperti yang dikatakan oleh Abu Hurairah رضي الله عنه ketika ditanya tentang takwa. Beliau berkata: Pernahkah kamu melalui jalan yang berduri?" Orang yang bertanya itu pun menjawab: "Ya". Abu Hurairah pun bertanya: "Apakah yang telah kamu lakukan? " Dia menjawab: "Apabila saya melihat duri, saya akan mengelak daripadanya, melepasinya atau tidak melalui tempatnya". Abu Hurairah pun berkata: "Itulah taqwa".

Penggunaan Kalimah Takwa Dalam al-Quran al-Karim

Pertama:

وَتَارَةً تُضَافُ التَّقْوَى إِلَى اسْمِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ

Adakahnya perkataan takwa dikaitkan dengan Allah *`Azza wa jalla*

Kedua:

وَتَارَةً تُضَافُ التَّقْوَى إِلَى عِقَابِ اللَّهِ وَإِلَى مَكَانِهِ، كَالنَّارِ أَوْ إِلَى زَمَانِهِ، كَيَوْمِ الْقِيَامَةِ

Adakalanya takwa dikaitkan dengan azab Allah *Subhanahu Wata`ala* atau dengan tempat dikenakan azab seperti neraka atau dengan masa berlaku azab seperti hari Kiamat."

Firman Allah *Subhanahu Wata`ala* dalam Surah Ali `Imran, ayat 131:

وَٱتَّقُواْ ٱلنَّارَ ٱلَّتِىٓ أُعِدَّتۡ لِلۡكَٰفِرِينَ ١٣١

Maksudnya:

"Dan peliharalah diri kamu daripada api neraka, yang disediakan untuk orang-orang yang kafir"

Nabi ﷺ pernah berpesan kepada Abu Zar رضي الله عنه:

أُوصِيكَ بِتَقْوَى اللَّهِ فِى سِرِّ أَمْرِكَ وَعَلَانِيَتِهِ

Aku berpesan kepada kamu agar bertakwa kepada Allah dalam segala urusan kamu yang tersembunyi dan yang nyata."

Nabi ﷺ berdoa:

أَسْأَلُكَ خَشْيَتَكَ فِي الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ

"Aku memohon kepada-Mu rasa takut kepada-Mu di tempat ghaib (yang tidak dilihat oleh manusia) dan tempat yang nyata (yang dapat dilihat oleh manusia).(HR al-Nasaie dan disahihkan oleh Ibnu Hibban)

Berkata Muhammad Ibn Idris Ibn `Abbas Ibn Uthman Ibn Syafi' Ibn Saib Ibn Abi Yazid Ubai Ibn Hasyim Ibn al Muttalib Ibn `Abdul Manaf (dikenali sebagai al-Syafie-meninggal 198H):

أَعَزُّ الْأَشْيَاءِ ثَلَاثَةٌ: الْجُودُ مِنْ قِلَّةٍ، وَالْوَرَعُ فِي خَلْوَةٍ، وَكَلِمَةُ الْحَقِّ عِنْدَ مَنْ يُرْجَى أَوْ يُخَافُ

Perkara yang paling mulia dan sukar didapati ada tiga perkara: [1] Sifat pemurah ketika kekurangan harta. [2] Warak ketika bersendirian. [3] bercakap perkara yang benar kepada orang yang diharapkan serta ditakuti.

Huraian Hadis

Sabda Nabi ﷺ :

وَأَتْبِعِ السَّيِّئَةَ الْحَسَنَةَ

"Susulilah Perbuatan Dosa Dengan Amalan Baik"

Makna Amalan Baik

Para ulama r.h berselisih pendapat; apakah yang dimaksudkan dengan *al-hasanah* (amalan baik) yang menyusuli selepas melakukan keburukan ini, adakah ia merujuk kepada hanya taubat atau makna yang lebih umum dan lebih luas.

Sesungguhnya Allah *Subhanahu Wata`ala* telah menyatakan di banyak tempat di dalam al-Qur`an bahawa sesiapa yang bertaubat daripada dosanya, maka dosanya itu akan diampunkan, atau taubatnya akan diterima.

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman dalam Surah al-Nisa`; ayat 17:

إِنَّمَا ٱلتَّوۡبَةُ عَلَى ٱللَّهِ لِلَّذِينَ يَعۡمَلُونَ ٱلسُّوٓءَ بِجَهَٰلَةٖ ثُمَّ يَتُوبُونَ مِن قَرِيبٖ فَأُوْلَٰٓئِكَ يَتُوبُ ٱللَّهُ عَلَيۡهِمۡۗ وَكَانَ ٱللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمٗا ١٧

Maksudnya:

"Sesungguhnya penerimaan taubat di sisi Allah hanya bagi orang yang melakukan kejahatan disebabkan (sifat) kejahilan kemudian mereka segera bertaubat, (dengan adanya dua sebab itu) maka mereka itulah yang diterima Allah taubatnya dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana."

Solat Lima Waktu

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman dalam Surah Hud; ayat 114:

وَأَقِمِ ٱلصَّلَوٰةَ طَرَفَيِ ٱلنَّهَارِ وَزُلَفًا مِّنَ ٱلَّيۡلِۚ إِنَّ ٱلۡحَسَنَٰتِ يُذۡهِبۡنَ ٱلسَّيِّـَٔاتِۚ ذَٰلِكَ ذِكۡرَىٰ لِلذَّٰكِرِينَ ﴿١١٤﴾

Maksudnya:

"Dan dirikanlah solat pada dua bahagian siang (pagi dan petang) dan pada ketika waktu permulaan malam (iaitu Maghrib dan Isyak).Sesungguhnya amal-amal kebaikan itu menghapuskan kejahatan. Perintah-perintah Allah yang demikian itu menjadi peringatan bagi orang yang mahu beringat."

`Imaduddin Abu al-Fida` `Ismail bin `Umar bin Katsir al-Dimasyqi al-Qurasyi al-Syafie (dikenali sebagai Ibn Kathir) (meninggal 774H) di dalam kitabnya "*Tafsir al-Qur`an al-`Azhim* telah mentafsirkan maksud ayat: *al-Hasanaat Yuzhibna al-Sayyiaat* (*amal-amal kebaikan itu menghapuskan kejahatan*)

إِنَّ فِعْلَ الْخَيْرَاتِ يُكَفِّرُ الذُّنُوبَ السَّالِفَةَ

Sesungguhnya melakukan semua kebaikan dapat menghapuskan dosa-dosa yang lalu.

Abu Muhammad al-Husayn Ibn Mas'ud Ibn Muhammad al-Farra' al-Baghawi (dikenali sebagai al-Baghawi) (meninggal 516H) di dalam kitabnya: "*Ma'alim at-Tanzil*" telah mentafsirkan maksud ayat: *al-Hasanaat* (*amal-amal kebaikan*)

يعْنِي : إِنَّ الصَّلَوَاتِ الْخَمْسَ يُذْهِبْنَ الْخَطِيئَاتِ

Yakni: Sesungguhnya solat yang lima dapat menghapuskan kejahatan.

Dalam Sahih Muslim diriwayatkan daripada Abu Hurairah رضي الله عنه bahawa Nabi ﷺ bersabda:

أَلَا أَدُلُّكُمْ عَلَى مَا يَمْحُو اللَّهُ بِهِ الْخَطَايَا، وَيَرْفَعُ بِهِ الدَّرَجَاتِ؟ قَالُوا: بَلَى يَا رَسُولَ اللَّهِ، قَالَ : إِسْبَاغُ الْوُضُوءِ عَلَى الْمَكَارِهِ ، وَكَثْرَةُ الْخُطَا إِلَى الْمَسَاجِدِ ، وَانْتِظَارُ الصَّلَاةِ بَعْدَ الصَّلَاةِ ، فَذَلِكُمُ الرِّبَاطُ ، فَذَلِكُمُ الرِّبَاطُ

Maksudnya:

Tidakkah kamu mahu aku tunjukkan kamu sesuatu yang kerananya Allah menghapuskan kesalahan-kesalahan dan meninggikan darjat-darjat? Para sahabat berkata: Tentulah kami mahu wahai Rasulullah! Nabi bersabda: Menyempurnakan wuduk pada saat-saat sulit, banyak melangkah ke masjid-masjid dan menunggu solat yang lain setelah selesai satu solat. Itulah ribath. Itulah ribath.

Apakah Kategori Dosa Yang Dihapuskan Oleh Amalan Salih

Berkata Ibn Rajab r.h:

وَالصَّحِيحُ قَوْلُ الْجُمْهُورِ أَنَّ الْكَبَائِرَ لَا تُكَفَّرُ بِدُونِ التَّوْبَةِ ، لِأَنَّ التَّوْبَةَ فَرْضٌ عَلَى الْعِبَادِ

Pandangan yang tepat ialah pandangan jumhur (majoriti) ulamak iaitu dosa besar tidak dihapuskan tanpa taubat. Sebabnya ialah taubat merupakan satu perkara fardhu ke atas semua hamba sebagaimana firman-Nya dalam Surah al-Hujurat; ayat 11:

وَمَن لَّمۡ يَتُبۡ فَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّٰلِمُونَ ۝١١

Maksudnya:

(Ingatlah) sesiapa yang tidak bertaubat (daripada perbuatan fasiqnya) maka merekalah orang yang zalim.

Adakah Dosa Akan Dipadamkan Setelah Melakukan Kebaikan?

Yang nyata daripada potongan hadis ini ialah perbuatan dosa dihapuskan dengan amalan baik.

Berkata `Athiyyah al-Aufi r.h:

بَلَغَنِي أَنَّهُ مَنْ بَكَى عَلَى خَطِيئَةٍ مُحِيَتْ عَنْهُ ، وَكُتِبَتْ لَهُ حَسَنَةٌ

"Telah sampai kepadaku satu riwayat bahawa sesiapa yang menangisi satu dosa, ia akan dipadamkan daripada buku catitannya dan ditulis untuknya satu kebaikan."

Menurut sebilangan ulama, semua dosa tidak akan dihapuskan daripada buku catitan amalan sama ada dengan bertaubat atau lainnya. Bahkan pemiliknya akan diperlihatkan dosa itu dan dia membacanya pada Hari Kiamat.

Sebahagian ulamak tafsir telah menyebut bahawa pandangan inilah yang dikira sahih di sisi ulamak *muhaqqiqin*.

Al-Hasan al-Basri r.h berkata:

فَالْعَبْدُ يُذْنِبُ، ثُمَّ يَتُوبُ ، وَيَسْتَغْفِرُ : يُغْفَرُ لَهُ ، وَلَكِنْ لَا يُمْحَاهُ مِنْ كِتَابِهِ دُونَ أَنْ يَقِفَهُ عَلَيْهِ ، ثُمَّ يَسْأَلُهُ عَنْهُ ، ثُمَّ بَكَى الْحَسَنُ بُكَاءً شَدِيدًا ، وَقَالَ : وَلَوْ لَمْ نَبْكِ إِلَّا لِلْحَيَاءِ مِنْ ذَلِكَ الْمَقَامِ ، لَكَانَ يَنْبَغِي لَنَا أَنْ نَبْكِيَ

Maka hamba yang melakukan dosa, kemudian bertaubat dan memohon keampunan: "Dia diampunkan tetapi dosanya tidak dipadam daripada buku catitannya tanpa diperlihatkan kepadanya dan disoal mengenai dosa itu." Kemudian al-Hasan menangis dengan teruk serta berkata: "Jikalau kita tidak menangis melainkan kerana malu dengan suasana ketika itu, pastilah wajar kita menangis."

Bilal bin Sa`ad r.h berkata:

إِنَّ اللَّهَ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ، وَلَكِنْ لَا يَمْحُوهَا مِنَ الصَّحِيفَةِ حَتَّى يُوقِفَهُ عَلَيْهَا يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَإِنْ تَابَ

"Sesungguhnya Allah mengampunkan dosa, tetapi Dia tidak memadamkannya daripada buku amalan hamba sehingga Allah memperlihatkannya kepada hamba itu pada Hari Kiamat, sekali pun dia telah bertaubat."

Huraian Hadis

Sabda Nabi ﷺ:

وَخَالِقِ النَّاسَ بِخُلُقٍ حَسَنٍ

Bergaullah Dengan Manusia Dengan Akhlak Yang Baik."

Nabi ﷺ bersabda:

أَكْمَلُ الْمُؤْمِنِينَ إِيمَانًا أَحْسَنُهُمْ خُلُقًا

Maksudnya:

"Orang beriman yang paling sempurna imannya ialah orang yang paling baik akhlaknya di kalangan mereka." (HR Ahmad dan Abu Daud)

Akhlak Yang Baik Memberatkan Timbangan Amalan

Menurut Abu al-Dardak ؓ, beliau pernah mendengar Nabi ﷺ bersabda:

مَا مِنْ شَيْءٍ يُوضَعُ فِي الْمِيزَانِ أَثْقَلُ مِنْ حُسْنِ الْخُلُقِ وَإِنَّ صَاحِبَ حُسْنِ الْخُلُقِ لَيَبْلُغُ بِهِ دَرَجَةَ صَاحِبِ الصَّوْمِ وَالصَّلاةِ

Maksudnya:

"Tiada ada suatu apa pun yang paling memberatkan timbangan selain daripada akhlak yang baik. Orang yang berakhlak baik dapat mencapai (kemuliaan) darjat orang yang rajin berpuasa dan bersolat." (HR al-Tirmizi)

Contoh-Contoh Akhlak Yang Baik

al-Hasan al-Basri berkata:

حُسْنُ الْخُلُقِ: الْكَرَمُ وَالْبِذْلَةُ وَالِاحْتِمَالُ

"Keelokan akhlak ialah yang bersifat pemurah, berkorban dan tabah."

Al-Sya`bi pula berkata:

حُسْنُ الْخُلُقِ: الْبِذْلَةُ وَالْعَطِيَّةُ وَالْبِشْرُ الْحَسَنُ

"Keelokan akhlak ialah berkorban, suka memberi dan bermanis muka."

Ibnu Mubarak berkata:

هُوَ بَسْطُ الْوَجْهِ، وَبَذْلُ الْمَعْرُوفِ، وَكَفُّ الْأَذَى

"Keelokan akhlak ialah bermanis muka, menyumbang perkara yang baik dan menghalang perkara yang boleh menyakiti orang lain."

Imam Ahmad bin Hanbal berkata:

حُسْنُ الْخُلُقِ أَنْ لَا تَغْضَبَ وَلَا تَحْتَدَّ، وَعَنْهُ أَنَّهُ قَالَ : حُسْنُ الْخُلُقِ أَنْ تَحْتَمِلَ مَا يَكُونُ مِنَ النَّاسِ

"Keelokan akhlak ialah kamu tidak marah dan tidak bercakap kasar. Diriwayatkan juga dia berkata: "Keelokan akhlak ialah kamu tabah menanggung keburukan yang dilakukan oleh manusia."

Ishak bin Rahawaih berkata:

هُوَ بَسْطُ الْوَجْهِ ، وَأَنْ لَا تَغْضَبَ ، وَنَحْوَ ذَلِكَ

"Keelokan akhlak ialah kamu bermanis muka dan tidak marah"

Akhlak Adalah Anugerah Allah dan Usaha Manusia

Nabi ﷺ bersabda kepada Asyaja` `Abdul Qais:

إِنَّ فِيكَ خُلُقَيْنِ يُحِبُّهُمَا اللَّهُ، الْحِلْمُ وَالْحَيَاءُ. قَالَ: جَبْلا جُبِلْتُ عَلَيْهِ أَوْ خُلُقًا مِنِّي ؟ قَالَ: بَلْ جَبْلا جُبِلْتَ عَلَيْهِ. قَالَ: الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَبَلَنِي عَلَى خُلُقَيْنِ أَحَبَّهُمَا اللَّهُ

Maksudnya:

"Sesungguhnya dalam dirimu terdapat dua perangai yang keduanya dicintai oleh Allah iaitu berlemah lembut dan bertenang." Lantas dia bertanya: "Wahai Rasulullah! Apakah kedua perangai ini kerana usahaku melakukan ataukah Allah menganugerahkannya kepadaku? Baginda menjawab: "Bahkan Allah menganugerahkan keduanya kepadamu." Dia menjawab: Segala puji bagi Allah yang telah menganugerahkan kepadaku apa yang Dia cintai." (HR Muslim)

Bab 4: Pengajaran Hadis

1. Wasiat takwa adalah wasiat yang paling agung

2. Wajib bertakwa kepada Allah *Subhanahu Wata`ala* di mana pun seseorang berada. Iaitu dengan melaksanakan perintah-perintah-Nya dan menjauhi seluruh larangan-Nya, sama ada di saat bersama orang lain atau ketika bersendirian."

3. Wajib seseorang memenuhi hak dirinya dengan bertaubat kepada Allah *Subhanahu Wata`ala* dan berbuat kebajikan.

4. Sesungguhnya kebaikan akan menghapuskan kesalahan.

5. Dosa-dosa kecil dapat dihapuskan dengan melakukan amal-amal yang wajib dan sunnah.

6. Dosa-dosa besar hanya boleh dihapuskan dengan taubat yang nasuha

7. Anjuran bergaul bersama manusia dengan akhlak yang baik.

8. Akhlak yang baik termasuk dari kesempurnaan iman dan sifat orang-orang yang bertakwa serta termasuk kemuncak dari agama yang lurus.

ALLAH ADALAH SEBAIK-BAIK PENJAGA & PEMELIHARA

<u>Hadis Pertama</u>

Berkata Ibn `Abbas رضي الله عنه :

كُنْتُ خَلْفَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ لِي: يَا غُلَامُ إِنِّي أُعَلِّمُكَ كَلِمَاتٍ: احْفَظِ اللَّهَ يَحْفَظْكَ. اِحْفَظِ اللَّهَ تَجِدْهُ تُجَاهَكَ. إِذَا سَأَلْتَ فَاسْأَلِ اللَّهَ. وَإِذَا اسْتَعَنْتَ فَاسْتَعِنْ بِاللَّهِ. وَاعْلَمْ أَنَّ الْأُمَّةَ لَوِ اجْتَمَعَتْ عَلَى أَنْ يَنْفَعُوكَ بِشَيْءٍ، لَمْ يَنْفَعُوكَ إِلَّا بِشَيْءٍ قَدْ كَتَبَهُ اللَّهُ لَكَ. وَإِنِ اجْتَمَعُوا عَلَى أَنْ يَضُرُّوكَ بِشَيْءٍ، لَمْ يَضُرُّوكَ إِلَّا بِشَيْءٍ قَدْ كَتَبَهُ اللَّهُ عَلَيْكَ، رُفِعَتِ الْأَقْلَامُ وَجَفَّتِ الصُّحُفُ

Maksudnya:

"Aku telah membonceng di belakang Rasulullullahi ﷺ lalu baginda bersabda: Wahai budak, Sesungguhnya aku ingin mengajar kepada kamu beberapa perkataan; Peliharalah Allah, nescaya Dia akan memelihara kamu. Peliharalah Allah, pasti kamu akan dapati-Nya di hadapan kamu. Apabila kamu meminta. Mintalah daripada Allah. Apabila kamu meminta pertolongan, mintalah pertolongan Allah. Ketahuilah bahawa jika seluruh umat bersepakat untuk memberi manfaat kepada kamu dengan sesuatu, mereka sama sekali tidak akan dapat memberi manfaat kepada kamu melainkan dengan apa yang telah ditetapkan oleh Allah untuk kamu. Sekiranya mereka bersepakat untuk memudaratkan kamu dengan sesuautu, mereka tidak mampu memudaratkan kamu melainkan dengan apa yang telah ditetapkan oleh Allah ke atas kamu. Pena-pena telah pun diangkat dan lembaran-lembaran telah pun kering." (Hadis ini diriwayatkan oleh al-Tirmizi. Beliau berkata: "Ia sebuah hadis hasan sahih")

Bab 1: Takhrij Hadis

1. Al-Tirmizi (no hadis 2516)
2. Ibnus Sunni dalam `Amalul Yaum wal Lailah (no hadis 425)

3. Ibnu Abi `Ashim dalam as-Sunnah (no hadis 316-318).
4. Abu Ya`la dalam *al-Musnad*-nya (no hadis 2549).
5. Ahmad (no hadis 293,303,307-308)
6. Al-Ajurri dalam asy-Asyarii`ah (no hadis 412).
7. Al-Hakim dalam *al-Mustadrak*-nya (no hadis 541-542).
8. Ath-Thabarani dalam al-Mu`jamul Kabir (no hadis 11243,11416,11560,12988).
9. Al-Baihaqi dalam Syu`abul Iman (no hadis 192).
10. Abu Nu`aim dalam al-Hilyah (no hadis 1110).
11. `Abd bin Humaid (no hadis 635).
12. Al-Lalika-i dalam Syarh Ushul I`tiqad Ahlis Sunnah (no hadis 1094,1095).

Hadis Kedua

Sabda Nabi ﷺ:

احْفَظِ اللَّهَ تَجِدْهُ أَمَامَكَ تَعَرَّفْ إِلَى اللَّهِ فِي الرَّخَاءِ يَعْرِفْكَ فِي الشِّدَّةِ. وَاعْلَمْ أَنَّ مَا أَخْطَأَكَ لَمْ يَكُنْ لِيُصِيبَكَ. وَمَا أَصَابَكَ لَمْ يَكُنْ لِيُخْطِئَكَ. وَاعْلَمْ أَنَّ النَّصْرَ مَعَ الصَّبْرِ، وَأَنَّ الْفَرَجَ مَعَ الْكَرْبِ. وَأَنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا

Maksudnya:

"Peliharalah Allah, nescaya kamu mendapati-Nya di hadapan kamu. Kenalilah Allah ketika senang, nescaya Dia akan mengenali kamu ketika susah. Ketahuilah bahawa apa yang tersisih daripada kamu, memang tidak akan menimpa kamu. Sementara apa yang menimpa kamu, memang tidak akan tersisish daripada kamu. Ketahuilah juga kemenangan itu bersama kesabaran. Kelepasan daripada kesusahan itu bersama kesusahan dan sesungguhnya bersama kesukaran itu ada kesenangan." (HR Ahmad dan Abu Ya`la)

Bab 2: Kepentingan Hadis

Berkata al-Imam al-Hafiz al-`Allamah Zainuddin, Abdurrahman bin Ahmad bin `abdurRahman bin al-Hasan bin Muhammad bin Abu al-Barakat Mas`ud al-Salamai al-Baghdadi[3] (terkenal dengan panggilan Ibnu Rajab):

هَذَا الْحَدِيثُ يَتَضَمَّنُ وَصَايَا عَظِيمَةً وَقَوَاعِدَ كُلِّيَّةً مِنْ أَهَمِّ أُمُورِ الدِّينِ، حَتَّى قَالَ بَعْضُ الْعُلَمَاءِ تَدَبَّرْتُ هَذَا الْحَدِيثَ، فَأَدْهَشَنِي وَكِدْتُ أَطِيشُ، فَوَا أَسَفَا مِنَ الْجَهْلِ بِهَذَا الْحَدِيثِ، وَقِلَّةِ التَّفَهُّمِ لِمَعْنَاهُ قُلْتُ: وَقَدْ أَفْرَدْتُ لِشَرْحِهِ جُزْءًا كَبِيرًا وَنَحْنُ نَذْكُرُ هَاهُنَا مَقَاصِدَهُ عَلَى وَجْهِ الِاخْتِصَارِ إِنْ شَاءَ اللَّهُ تَعَالَى.

Hadis ini mengandungi beberapa pesanan agung dan kaedah umum tentang perkara-perkara terpenting dalam agama hinggakan sebahagian ulama berkata: "Aku telah meneliti hadis ini, lalu ia mengejutkan aku dan aku hampir hilang fikiran. Oleh itu, sangat menyedihkan kerana jahil tentang hadis ini dan tidak berusaha memahami kandungannya."

[3] Dilahirkan di Baghdad pada 736H. Meninggal dunia pada tahun 795H di Damsyik.

Aku berkata (Ibnu Rajab): "*Aku telah menulis satu juzuk yang tebal khusus untuk menghuraikan hadis ini. Di sini pula, aku akan menyebut kandungan-kandungan utama hadisi ini secara ringkas, Insya Allahu Ta`ala.*

Bab 3: Huraian Hadis

Maksud "Memelihara Allah"

Memelihara segala batas hukum, hak, perintah dan larangan-Nya. Maka sesiapa yang melakukan semua perkara tersebut, maka dia termasuk golongan yang menjaga batas-batas hukum Allah, yang dipuji oleh Allah dalam al-Qur`an. Allah *`Azza Wa Jalla* berfirman dalam Surah Qaf, ayat 32-33:

هَٰذَا مَا تُوعَدُونَ لِكُلِّ أَوَّابٍ حَفِيظٍ ﴿٣٢﴾

Maksudnya:

"Inilah yang dijanjikan kepada kamu, kepada setiap hamba yang sentiasa kembali (kepada Allah dengan mengerjakan ibadah), lagi yang sangat memelihara dengan sebaik-baiknya (segala hukum dan peraturan Allah)."

Perintah Yang Wajib Dipelihara

1. Sembahyang

   Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman dalam Surah al-Baqarah, ayat 238:

   حَٰفِظُواْ عَلَى ٱلصَّلَوَٰتِ وَٱلصَّلَوٰةِ ٱلْوُسْطَىٰ وَقُومُواْ لِلَّهِ قَٰنِتِينَ ﴿٢٣٨﴾

   Maksudnya:

   "Peliharalah segala solat fardhu, dan (peliharalah) solat Wusta (solat Asar), dan berdirilah kerana allah (dalam solat kamu) dengan taat dan khusyu`"

   Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman dalam Surah al-Ma`arij [70], ayat 34:

   وَٱلَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَاتِهِمْ يُحَافِظُونَ ﴿٣٤﴾

   Maksudnya:

   "*Dan mereka yang tetap memelihara solatnya*"

2. Bersuci

   Nabi ﷺ bersabda:

لَا يُحَافِظُ عَلَى الْوُضُوءِ إِلَّا مُؤْمِنٌ

Maksudnya:
"Wuduk tidak dipelihara dengan baik melainkan oleh orang yang beriman." (HR Ahmad dan ad-Darimi)

3. Sumpah

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman dalam Surah al-Maidah, ayat 89:

وَٱحۡفَظُوٓاْ أَيۡمَٰنَكُمۡۚ

Masudnya:

"*Peliharalah sumpah kamu (tidak melanggarnya)*."

4. Kepala dan Perut

Pemeliharaan kepala dan apa yang dikandungnya mencakupi pemeliharaan telinga, mata dan lidah daripada segala perkara yang haram. Sementara pemeliharaan perut dan apa yang dikandungnya pula mencakupi pemeliharaan hati daripada terus berazam melakukan perkara haram.

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman dalam Surah al-Isra, ayat 36

وَلَا تَقۡفُ مَا لَيۡسَ لَكَ بِهِۦ عِلۡمٌۚ إِنَّ ٱلسَّمۡعَ وَٱلۡبَصَرَ وَٱلۡفُؤَادَ كُلُّ أُوْلَٰٓئِكَ كَانَ عَنۡهُ مَسۡـُٔولٗا

Maksudnya:

"Dan janganlah engkau mengikuti apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya. Sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota-anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya."

Pemeliharaan perut juga mencakupi pemeliharaan daripada memasukkan makanan dan minuman yang haram ke dalamnya.

5. Lidah dan Kemaluan

Sabda Nabi ﷺ:

مَنْ حَفِظَ مَا بَيْنَ لَحْيَيْهِ ، وَمَا بَيْنَ رِجْلَيْهِ ، دَخَلَ الْجَنَّةَ

Maksudnya:

“Sesiapa yang memelihara (lidah) yang ada di antara dua tulang rahangnya dan (kemaluan) yang ada di antara dua kakinya, nescaya dia akan masuk syurga” (HR al-Hakim)

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman dalam Surah al-Nur, ayat 30:

قُل لِّلۡمُؤۡمِنِينَ يَغُضُّواْ مِنۡ أَبۡصَٰرِهِمۡ وَيَحۡفَظُواْ فُرُوجَهُمۡۚ

Maksudnya:

“Katakanlah kepada orang lelaki yang beriman supaya mereka menahan pandangan mereka dan memelihara kehormatan mereka (daripada perkara yang haram)..”

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman dalam Surah al-Ahzab, ayat 35:

وَٱلۡحَٰفِظِينَ فُرُوجَهُمۡ وَٱلۡحَٰفِظَٰتِ وَٱلذَّٰكِرِينَ ٱللَّهَ كَثِيرٗا وَٱلذَّٰكِرَٰتِ أَعَدَّ ٱللَّهُ لَهُم مَّغۡفِرَةٗ وَأَجۡرًا عَظِيمٗا



Maksudnya:

....para lelaki dan wanita yang *memelihara kehormatannya dan yang menyebut nama Allah sebanyak-banyaknya, Allah telah menyediakan untuk mereka keampunan dan pahala yang besar”*

Ganjaran Serupa Dengan Amalan

Nabi ﷺ bersabda:

احْفَظِ اللَّهَ يَحْفَظْكَ

“*Nescaya Dia Akan Memelihara Kamu*”

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman dalam Surah al-Baqarah, ayat 40:

وَأَوۡفُواْ بِعَهۡدِيٓ أُوفِ بِعَهۡدِكُمۡ ٤٠

Maksudnya:

“*dan sempurnakanlah perjanjian (kamu) dengan-Ku, supaya Aku sempurnakan perjanjian-Ku dengan kamu*; “

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman dalam Surah al-Baqarah, ayat 152:

فَٱذۡكُرُونِيٓ أَذۡكُرۡكُمۡ

Maksudnya:

"*Oleh itu, ingatlah kamu kepada-Ku nescaya Aku mengingati kamu*"

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman dalam Surah Muhammad, ayat 7:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِن تَنصُرُواْ ٱللَّهَ يَنصُرۡكُمۡ

Maksudnya:

"Wahai orang yang beriman, kalau kamu membela (agama) Allah nescaya Allah membela kamu (untuk mencapai kemenangan)"

Maksud Allah Akan Memelihara Kamu

Ibn Rajab berkata:

وَحِفْظُ اللَّهِ لِعَبْدِهِ يَدْخُلُ فِيهِ نَوْعَانِ : أَحَدُهُمَا: حِفْظُهُ لَهُ فِي مَصَالِحِ دُنْيَاهُ، كَحِفْظِهِ فِي بَدَنِهِ وَوَلَدِهِ وَأَهْلِهِ وَمَالِهِ... وَخَرَّجَ الْإِمَامُ أَحْمَدُ ، وَأَبُو دَاوُدَ ، وَالنَّسَائِيُّ مِنْ حَدِيثِ ابْنِ عُمَرَ ، قَالَ : لَمْ يَكُنْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَدَعُ هَؤُلَاءِ الدَّعَوَاتِ حِينَ يُمْسِي وَحِينَ يُصْبِحُ: اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَافِيَةَ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَفْوَ وَالْعَافِيَةَ فِي دِينِي وَدُنْيَايَ وَأَهْلِي وَمَالِي ، اللَّهُمَّ اسْتُرْ عَوْرَتِي ، وَآمِنْ رَوْعَتِي ، وَاحْفَظْنِي مِنْ بَيْنِ يَدَيَّ وَمِنْ خَلْفِي وَعَنْ يَمِينِي وَعَنْ شِمَالِي، وَمِنْ فَوْقِي وَأَعُوذُ بِعَظَمَتِكَ أَنْ أُغْتَالَ مِنْ تَحْتِي "

Pemeliharaan Allah terhadap hamba-Nya ada dua jenis: Pertama: Allah memelihara hamba itu dalam kepentingan dunianya seperti penjagaannya pada badan, anak, keluarga dan hartanya.

Imam Ahmad, Abu Daud dan al-Nasaie meriwayatkan daripada Ibnu `Umar *radiallahu`anhuma* katanya:

Rasulululllahi ﷺ tidak pernah meninggalkan doa-doa ini pada waktu petang dan pada waktu pagi: *"Ya Allah! Sesunggguhnya aku memohon kepada-Mu kemaafan dan kesejahteraan di dunia dan di akhirat. Ya Allah! Sesungguhnya aku memohon kepada-Mu kemaafan dan kesejahteraan pada agama, dunia, keluarga dan harta bendaku. Ya Allah! Tutuplah cacat celaku dan tenteramkanlah hatiku. Ya Allah! Peliharalah aku di sebelah hadapan, belakang, kanan, kiri dan atasku. Aku berlindung dengan kebesaran-Mu agar tidak disambar dari sebelah bawahku."*

Beliau menjelaskan lagi:

وَمَنْ حَفِظَهُ اللَّهُ فِي صِبَاهُ وَقُوَّتِهِ ، حَفِظَهُ اللَّهُ فِي حَالِ كِبَرِهِ وَضَعْفِ قُوَّتِهِ ، وَمَتَّعَهُ بِسَمْعِهِ وَبَصَرِهِ وَحَوْلِهِ وَقُوَّتِهِ وَعَقْلِهِ.كَانَ بَعْضُ الْعُلَمَاءِ قَدْ جَاوَزَ الْمِائَةَ سَنَةً وَهُوَ مُمَتَّعٌ بِقُوَّتِهِ وَعَقْلِهِ، فَوَثَبَ يَوْمًا وَثْبَةً شَدِيدَةً، فَعُوتِبَ فِي ذَلِكَ، فَقَالَ : هَذِهِ جَوَارِحُ حَفِظْنَاهَا عَنِ الْمَعَاصِي فِي الصِّغَرِ، فَحَفِظَهَا اللَّهُ عَلَيْنَا فِي الْكِبَرِ. وَعَكْسُ هَذَا أَنَّ بَعْضَ السَّلَفِ رَأَى شَيْخًا يَسْأَلُ النَّاسَ فَقَالَ: إِنَّ هَذَا ضَعِيفٌ ضَيَّعَ اللَّهَ فِي صِغَرِهِ، فَضَيَّعَهُ اللَّهُ فِي كِبَرِهِ. وَقَدْ

يَحْفَظُ اللَّهُ الْعَبْدَ بِصَلَاحِهِ بَعْدَ مَوْتِهِ فِي ذُرِّيَّتِهِ...وَقَالَ عُمَرُ بْنُ عَبْدِ الْعَزِيزِ :مَا مِنْ مُؤْمِنٍ يَمُوتُ إِلَّا حَفِظَهُ اللَّهُ فِي عَقِبِهِ وَعَقِبِ عَقِبِهِ.

Sesiapa yang memelihara (hak dan batasan) Allah *Subhanahu Wata`ala* semasa remaja dan masih kuat, Allah akan memeliharanya semasa dia tua dan lemah kekuatan. Allah juga menjadikannya terus menikmati pendengaran, penglihatan, keupayaan, kekuatan dan akal fikirannya. Sesetengah ulama telah melebihi umur 100 tahun, dalam keadaan menikmati kekuatan dan akal fikirannya. Pada suatu hari beliau melompat dengan lompatan yang kuat. Lalu beliau ditegur lantaran bertindak demikian. Lantas beliau menjawab: "Ini adalah anggota-anggota badan yang kami telah pelihara daripada maksiat semasa kecil. Oleh itu Allah telah memeliharanya untuk kami semasa tua. Sebaliknya, ada sebahagian salaf melihat seorang lelaki tua yang mengemis daripada orang ramai, lalu beliau berkata: "Sesungguhnya lelaki ini mengabaikan (perintah) Allah semasa kecilnya, lalu Allah mengabaikannya semasa tua. `Umar bin `Abdul `Aziz berkata: "Tidak ada seorang mukmin yang mati kecuali Allah akan memeliharanya pada anak dan cucunya."

Pemeliharaan Semasa Tua

Beliau menjelaskan lagi:

وَمِنْ عَجِيبِ حِفْظِ اللَّهِ لِمَنْ حَفِظَهُ أَنْ يَجْعَلَ الْحَيَوَانَاتِ الْمُؤْذِيَةَ بِالطَّبْعِ حَافِظَةً لَهُ مِنَ الْأَذَى، كَمَا جَرَى لِسَفِينَةَ مَوْلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَيْثُ كُسِرَ بِهِ الْمَرْكَبُ، وَخَرَجَ إِلَى جَزِيرَةٍ ، فَرَأَى الْأَسَدَ، فَجَعَلَ يَمْشِي مَعَهُ حَتَّى دَلَّهُ عَلَى الطَّرِيقِ ، فَلَمَّا أَوْقَفَهُ عَلَيْهَا ، جَعَلَ يُهَمْهِمُ كَأَنَّهُ يُوَدِّعُهُ ، ثُمَّ رَجَعَ عَنْهُ

Antara perkara-perkara yang menakjubkan tentang pemeliharaan Allah kepada mereka yang memelihara segala hak-Nya adalah Allah menjadikan haiwan berbahaya memelihara mereka daripada perkara buruk. Ini sebagaimana yang pernah berlaku kepada Safinah *radiallahu`anhu*, bekas hamba lelaki Nabi ﷺ ketika sampan beliau pecah dan karam. Beliau pun keluar ke sebuah pulau, lalu melihat seekor singa. Singa tu berjalan bersama beliau sehingga menunjuk jalan kepada beliau. Setelah itu, ia mengaum seolah-olah mengucapkan selamat tinggal kepada beliau. Kemudian ia beredar meninggallkan beliau."

Bentuk Pemeliharaan Yang Kedua

Ibn Rajab menjelaskan lagi:

النَّوْعُ الثَّانِي مِنَ الْحِفْظِ، وَهُوَ أَشْرَفُ النَّوْعَيْنِ: حِفْظُ اللَّهِ لِلْعَبْدِ فِي دِينِهِ وَإِيمَانِهِ، فَيَحْفَظُهُ فِي حَيَاتِهِ مِنَ الشُّبُهَاتِ الْمُضِلَّةِ، وَمِنَ الشَّهَوَاتِ الْمُحَرَّمَةِ، وَيَحْفَظُ عَلَيْهِ دِينَهُ عِنْدَ مَوْتِهِ، فَيَتَوَفَّاهُ عَلَى الْإِيمَانِ قَالَ بَعْضُ السَّلَفِ: إِذَا حَضَرَ الرَّجُلَ الْمَوْتُ يُقَالُ لِلْمَلَكِ: شَمَّ رَأْسَهُ، قَالَ: أَجِدُ فِي رَأْسِهِ الْقُرْآنَ، قَالَ: شَمَّ قَلْبَهُ، قَالَ: أَجِدُ فِي قَلْبِهِ الصِّيَامَ، قَالَ: شَمَّ قَدَمَيْهِ قَالَ: أَجِدُ فِي قَدَمَيْهِ الْقِيَامَ قَالَ: حَفِظَ نَفْسَهُ، فَحَفِظَهُ اللَّهُ.

Bentuk pemeliharaan yang kedua, yang merupakan bentuk yang paling mulia ialah pemeliharaan Allah kepada hamba-Nya dalam agama dan imannya. Dengan itu, Allah *Subhanahu Wata`ala* memeliharanya dalam hidupnya daripada perkara-perkara yang diragui dan menyesatkan dan

juga daripada nafsu syahwat yang haram. Dengan itu Allah memelihara agamanya ketika hendak meninggal dunia, serta mematikannya dalam keadaan beriman." Sebahagian salaf berkata: "Apabila saat kematian seseorang itu tiba, dikatakan kepada malaikat: "Hidulah di kepalanya". Malaikat itu pun berkata: "Aku dapati di dalam kepalanya ada al-Qur`an". Dikatakan lagi: "Hidulah di hatinya". Dia pun berkata: "Aku dapati di dalam hatinya ada puasa". Dikatakan pula: "Hidulah di dua tapak kakinya". Dia pun berkata: "Aku dapati di kakinya ada qiyam (bangun malam untuk beribadah)". Lalu penyeru itu berkata: "Dia telah memelihara dirinya, lalu dia dipelihara oleh Allah."

وَفِي "الصَّحِيحَيْنِ" عَنِ الْبَرَاءِ بْنِ عَازِبٍ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ أَمَرَهُ أَنْ يَقُولَ عِنْدَ مَنَامِهِ : إِنْ قَبَضْتَ نَفْسِي، فَارْحَمْهَا، وَإِنْ أَرْسَلْتَهَا، فَاحْفَظْهَا بِمَا تَحْفَظُ بِهِ عِبَادَكَ الصَّالِحِينَ

Dalam Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim, diriwayatkan daripada al-Bara` bin `Azib radiallahu`anhu, daripada Nabi ﷺ bahawa baginda telah menyuruh beliau berkata ketika hendak tidur: "*Jika Engkau mengambil nyawaku, maka rahmatilah ia. Jika Engkau membiarkannya, maka peliharalah ia sebagaimana Engkau memelihara hamba-hamba-Mu yang salih*."

Beliau (Ibn Rajab) berkata lagi:

وَكَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُوَدِّعُ مَنْ أَرَادَ سَفَرًا، فَيَقُولُ: أَسْتَوْدِعُ اللَّهَ دِينَكَ وَأَمَانَتَكَ وَخَوَاتِيمَ عَمَلِكَ. وَكَانَ يَقُولُ: إِنَّ اللَّهَ إِذَا اسْتُوْدِعَ شَيْئًا حَفِظَهُ. خَرَّجَهُ النَّسَائِيُّ وَغَيْرُهُ .وَفِي الْجُمْلَةِ، فَإِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ يَحْفَظُ عَلَى الْمُؤْمِنِ الْحَافِظِ لِحُدُودِ دِينِهِ، وَيَحُولُ بَيْنَهُ وَبَيْنَ مَا يُفْسِدُ عَلَيْهِ دِينَهُ بِأَنْوَاعٍ مِنَ الْحِفْظِ، وَقَدْ لَا يَشْعُرُ الْعَبْدُ بِبَعْضِهَا.. كَمَا قَالَ فِي حَقِّ يُوسُفَ عَلَيْهِ السَّلَامُ: وَلَقَدْ هَمَّتْ بِهِۦ ۖ وَهَمَّ بِهَا لَوْلَآ أَن رَّءَا بُرْهَـٰنَ رَبِّهِۦ ۚ كَذَٰلِكَ لِنَصْرِفَ عَنْهُ ٱلسُّوٓءَ وَٱلْفَحْشَآءَ ۚ إِنَّهُۥ مِنْ عِبَادِنَا ٱلْمُخْلَصِينَ ﴿٢٤﴾

Nabi ﷺ mengucapkan salam perpisahan kepada sesiapa yang ingin bermusafir. Lalu baginda bersabda: "*Aku berdoa agar Allah memelihara agamamu, amanahmu dan segala penghujung amalanmu*". Baginda juga bersabda: "*Sesungguhnya apabila Allah diminta memelihara sesuatu, Dia pasti akan memeliharanya.*" (Hadis riwayat al-Nasaie dan lain-lain)

Kesimpulannya: Allah `Azza *wa jalla* memelihara agama seseorang mukmin yang memelihara batas-batas hukum-Nya. Allah juga melindunginya dengan pelbagai bentuk pemeliharaan daripada segala perkara yang boleh merosakkan agamanya. Kadang-kadang hamba tidak menyedari tentang sebahagian daripada bentuk-bentuk pemeliharaan itu...ini seperti firman-Nya tentang Nabi Yusuf `alaihi sallam, ayat 24:

وَلَقَدْ هَمَّتْ بِهِۦ ۖ وَهَمَّ بِهَا لَوْلَآ أَن رَّءَا بُرْهَـٰنَ رَبِّهِۦ ۚ كَذَٰلِكَ لِنَصْرِفَ عَنْهُ ٱلسُّوٓءَ وَٱلْفَحْشَآءَ ۚ إِنَّهُۥ مِنْ عِبَادِنَا ٱلْمُخْلَصِينَ ﴿٢٤﴾

Maksudnya:

“*Sesungguhnya perempuan itu telah berkeinginan kepadanya, Yusuf pula (mungkin timbul) keinginannya kepada perempuan itu kalaulah dia tidak menyedari kenyataan Tuhannya (tentang kejinya perbuatan zina itu). Demikianlah (takdir Kami) untuk menjauhkan Yusuf daripada perkara-perkara yang tidak baik dan keji kerana sesungguhnya dia daripada hamba-hamba Kami yang terpilih*.”

Allah Bersama Orang Yang Memelihara Hukum-Nya

Sabda Nabi ﷺ:

اِحْفَظِ اللَّهَ تَجِدْهُ تُجَاهَكَ

“Peliharalah Allah, pasti kamu akan dapati-Nya di hadapan kamu”

Allah akan bersamanya dalam semua keadaan. Ke mana sahaja dia menuju Allah melindungi, membantu, memelihara, memberi taufiq dan memperbetulkannya.

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman dalam Surah al-Nahl, ayat 128:

إِنَّ ٱللَّهَ مَعَ ٱلَّذِينَ ٱتَّقَواْ وَّٱلَّذِينَ هُم مُّحۡسِنُونَ ١٢٨

Maksudnya:

“Sesungguhnya Allah bersama orang yang bertaqwa dan orang yang berusaha memperbaiki amalannya.”

Qatadah berkata:

مَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَكُنْ مَعَهُ، وَمَنْ يَكُنِ اللَّهُ مَعَهُ، فَمَعَهُ الْفِئَةُ الَّتِي لَا تُغْلَبُ، وَالْحَارِسُ الَّذِي لَا يَنَامُ، وَالْهَادِي الَّذِي لَا يَضِلُّ .

Sesiapa yang bertaqwa kepada Allah, Allah akan bersamanya. Sesiapa yang Allah ada bersamanya, dia bersama kumpulan yang tidak akan ditewaskan, pengawal yang tidak tidur dan penunjuk yang tidak tersesat.”

Seorang Salaf pernah menulis surat kepada seorang saudaranya:

أَمَّا بَعْدُ، فَإِنْ كَانَ اللَّهُ مَعَكَ فَمَنْ تَخَافُ؟ وَإِنْ كَانَ عَلَيْكَ فَمَنْ تَرْجُو ؟

Adapun selepas demikian itu, jika Allah bersamamu, maka siapakah lagi yang kamu takutkan? Jika Dia memusuhimu, maka siapakah lagi yang boleh kamu harapkan?

Hanya Allah Tempat Memohon

Sabda Nabi ﷺ:

إِذَا سَأَلْتَ فَاسْأَلِ اللَّهَ. وَإِذَا اسْتَعَنْتَ فَاسْتَعِنْ بِاللَّهِ.

"Apabila kamu meminta. Mintalah daripada Allah. Apabila kamu meminta pertolongan, mintalah pertolongan Allah"

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman dalam Surah al-Fatihah, ayat 5:

إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ﴿٥﴾

Maksudnya:

"Hanya kepada Engkau Kami beribadah dan hanya kepada Engkau kami memohon pertolongan"

Apakah Maksud Permintaan?

Ibn Rajab berkata:

وَاعْلَمْ أَنَّ سُؤَالَ اللَّهِ تَعَالَى دُونَ خَلْقِهِ هُوَ الْمُتَعَيِّنُ، لِأَنَّ السُّؤَالَ فِيهِ إِظْهَارُ الذُّلِّ مِنَ السَّائِلِ، وَالْمَسْكَنَةِ، وَالْحَاجَةِ، وَالِافْتِقَارِ، وَفِيهِ الِاعْتِرَافُ بِقُدْرَةِ الْمَسْئُولِ عَلَى دَفْعِ هَذَا الضَّرَرِ، وَنَيْلِ الْمَطْلُوبِ، وَجَلْبِ الْمَنَافِعِ، وَدَرْءِ الْمَضَارِّ، وَلَا يَصْلُحُ الذُّلُّ وَالِافْتِقَارُ إِلَّا لِلَّهِ وَحْدَهُ، لِأَنَّهُ حَقِيقَةُ الْعِبَادَةِ

"Ketahuilah yang dikehendaki dalam perbincangan ini ialah meminta kepada Allah bukannya kepada makhluk-Nya kerana permintaan mengandungi makna menzahirkan kehinaan, kemiskinan, berhajat dan memerlukan. Semua ini wujud pada pihak yang meminta. Ia juga mengandungi pengiktirafan terhadap kekuasaan dan kemampuan pihak yang dipohon untuk menolak kesusahan, merealisasikan tuntutan, mendatangkan manfaat dan menolak mudarat. Rasa hina dan memerlukan hanya layak disampaikan kepada Allah sahaja, lantaran ia merupakan hakikat ibadah."

Jenis-Jenis *Isti`anah* (Meminta Pertolongan)

Terdapat dua jenis isti`anah iaitu:

Pertama: *Isti`anah Tafwidh*, iaitu bergantung sepenuhnya kepada Allah `Azz Wajalla dan berlepas diri dari segala usaha dan kekuatan makhluk. Isti`anah ini khusus ditujukan kepada Allah *Subhanahu Wata`ala* sahaja.

Menurut Anas bin Malik ﵁: Nabi ﷺ bersabda:

لِيَسْأَلْ أَحَدُكُمْ رَبَّهُ حَاجَتَهُ كُلَّهَا، حَتىَّ يَسْأَلَ شِسْعَ نَعْلِهِ إِذَا انْقَطَعَ

Maksudnya:

"Hendaklah seseorang kamu, memohon kepada Tuhan-Nya akan semua hajatnya sehingga dia memohon kepada-Nya akan tali kasut apabila ia putus." (HR al-Tirmizi dan al-Tabrani)

Menurut `Umar al-Khattab ﵁: Nabi ﷺ bersabda:

لَوْ أَنَّكُمْ تَوَكَّلُوْنَ عَلَى اللهِ حَقَّ تَوَكُّلِهِ، لَرَزَقَكُمْ كَمَا يَرْزُقُ الطَّيْرَ، تَغْدُو خِمَاصًا وَتَرُوْحُ بِطَاناً

Maksudnya:

“Kalaulah kamu berserah kepada Allah dengan penyerahan yang sebenar-benarnya pasti Dia memberi rezeki kepada kamu sepertimana Dia memberi rezeki kepada burung. Ia keluar pagi dengan perut kempis dan balik petang dengan perut yang penuh.” [HR Ahmad, al-Tirmizi, al-Nasaie, Ibnu Majah dan Ibnu Hibban]

Kedua: *Isti`anah Musyarakah*, iaitu meminta pertolongan kepada sesama makhluk dalam perkara yang memang mampu dilakukannya. Isti`anah ini tidak tergolong sebagai ibadah. Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman dalam Surah al-Maidah, ayat 2:

وَتَعَاوَنُواْ عَلَى ٱلۡبِرِّ وَٱلتَّقۡوَىٰۖ

Maksudnya:

“Hendaklah kamu bantu-membantu untuk membuat kebajikan..”

Kisah Wahb bin Munabbih

Wahb bin Munabbih berkata kepada seorang lelaki yang selalu datang mengadap raja:

وَيْحَكَ، تَأْتِي مَنْ يُغْلِقُ عَنْكَ بَابَهُ، وَيُظْهِرُ لَكَ فَقْرَهُ، وَيُوَارِي عَنْكَ غِنَاهُ، وَتَدَعُ مَنْ يَفْتَحُ لَكَ بَابَهُ نِصْفَ اللَّيْلِ وَنِصْفَ النَّهَارِ، وَيُظْهِرُ لَكَ غِنَاهُ، وَيَقُولُ ادْعُنِي أَسْتَجِبْ لَكَ؟.

Celaka kamu, kamu datang bertemu dengan orang yang menutup pintunya kepadamu, menunjukkan kepadamu akan kefakirannya dan menyembunyikan kekayaannya daripadamu. Sedangkan kamu meninggalkan Tuhan yang membuka pintu-Nya untukmu pada waktu malam dan siang, menunjukkan kepadaku akan kekayaan-Nya dan berkata: “Berdoalah kepada-Ku, nescaya Aku akan memakbulkannya untukmu”

Pesanan Thowus Kepada Atho`

Thowus berkata kepada Atho`:

إِيَّاكَ أَنْ تَطْلُبَ حَوَائِجَكَ إِلَى مَنْ أَغْلَقَ بَابَهُ دُونَكَ وَيَجْعَلُ دُونَهَا حُجَّابَهُ ، وَعَلَيْكَ بِمَنْ بَابُهُ مَفْتُوحٌ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ أَمَرَكَ أَنْ تَسْأَلَهُ ، وَوَعَدَكَ أَنْ يُجِيبَكَ

“Waspadalah kamu agar tidak meminta keperluanmu kepada mereka yang menutup pintu mereka dan mewujudkan penghalang antaramu dengan mereka. Pintalah kepada Dia yang pintu-Nya sentiasa terbuka sehingga Hari Kiamat. Bahkan Dia memerintahkanmu agar meminta kepada-Nya dan Dia berjanji untuk memakbulkannya.”

Hanya Allah Yang Boleh Memberi Manfaat dan Menolak Mudarat

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman dalam Surah Yunus, ayat 106-107:

وَلَا تَدۡعُ مِن دُونِ ٱللَّهِ مَا لَا يَنفَعُكَ وَلَا يَضُرُّكَۖ فَإِن فَعَلۡتَ فَإِنَّكَ إِذٗا مِّنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ١٠٦ وَإِن يَمۡسَسۡكَ ٱللَّهُ بِضُرّٖ فَلَا
كَاشِفَ لَهُۥٓ إِلَّا هُوَۖ وَإِن يُرِدۡكَ بِخَيۡرٖ فَلَا رَآدَّ لِفَضۡلِهِۦۚ يُصِيبُ بِهِۦ مَن يَشَآءُ مِنۡ عِبَادِهِۦۚ وَهُوَ ٱلۡغَفُورُ ٱلرَّحِيمُ ١٠٧

Maksudnya:

[106] Dan janganlah engkau (wahai Muhammad) berdoa kepada selain Allah, yang tidak dapat mendatangkan manfa`at kepadamu dan juga tidak dapat mendatangkan mudarat kepadamu. Oleh itu, sekiranya engkau mengerjakan sedemikian, kalau begitulah engkau daripada orang yang zalim". [107] "Jika Allah menimpakan engkau dengan sesuatu yang berbahaya, maka tiada sesiapa pun yang akan dapat menghapuskannnya melainkan Dia dan jika Dia menghendaki engkau beroleh sesuaut kebaikan, maka tiada sesiapa pun yang akan dapat menghalang limpah kurniaan-Nya. Allah melimpahkan kurniaan-Nya itu kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya daripada hamba-hamba-Nya, dan Dialah yang Maha Pengampun lagi Penyayang."

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman dalam Surah al-An`am, ayat 17:

وَإِن يَمۡسَسۡكَ ٱللَّهُ بِضُرّٖ فَلَا كَاشِفَ لَهُۥٓ إِلَّا هُوَۖ وَإِن يَمۡسَسۡكَ بِخَيۡرٖ فَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ قَدِيرٞ ١٧

Maksudnya:

"Dan jika Allah menimpakan sesuatu kemudaratan kepada engkau, maka tidak ada sesiapa pun yang dapat menghapuskannya melainkan Dia sendiri; dan jika Dia melimpahkan sesuautu kebaikan kepada engkau, maka Dia dalah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu."

Ibn Kathir menafsirkan ayat di atas:

يَقُولُ تَعَالَى مُخْبِرًا أَنَّهُ مَالِكُ الضُّرِّ وَالنَّفْعِ، وَأَنَّهُ الْمُتَصَرِّفُ فِي خَلْقِهِ بِمَا يَشَاءُ، لَا مُعَقِّبَ لِحُكْمِهِ ، وَلَا رَادَّ لِقَضَائِهِ

Allah Ta`ala mengkhabarkan bahawa Dialah pemilik mudharat dan manfaat, dan Dialah yang mengendalikan semua makhluk-Nya sesuai dengan kehendak-Nya, tidak ada yang dapat menolak ketetapan-Nya dan keputusan-Nya."

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman dalam Surah Fathir, ayat 2:

مَّا يَفۡتَحِ ٱللَّهُ لِلنَّاسِ مِن رَّحۡمَةٖ فَلَا مُمۡسِكَ لَهَاۖ وَمَا يُمۡسِكۡ فَلَا مُرۡسِلَ لَهُۥ مِنۢ بَعۡدِهِۦۚ

Maksudnya:

"*Apa sahaja bentuk rahmat yang dianugerahkan oleh Allah kepada manusia maka tidak ada sesuatu pun yang dapat menahannya; dan apa yang sahaja yang ditahan oleh Allah maka tidak ada sesuatu pun yang dapat melepaskannya sesudah itu."*

Ibn Kathir menafsirkan ayat di atas:

يُخْبِرُ تَعَالَى أَنَّهُ مَا شَاءَ كَانَ، وَمَا لَمْ يَشَأْ لَمْ يَكُنْ، وَأَنَّهُ لَا مَانِعَ لِمَا أَعْطَى، وَلَا مُعْطِيَ لِمَا مَنَعَ

Allah Ta`ala mengkhabarkan bahawa apa sahaja yang dikehendaki-Nya pasti akan terjadi dan apa sahaja yang tidak dikehendaki-Nya pasti tidak akan terjadi. Tidak ada yang dapat menghalang apa sahaja yang diberikan-Nya dan tidak ada yang dapat memberikan apa sahaja yang dicegah-Nya.

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman dalam Surah al-Fath, ayat 11:

قُلْ فَمَن يَمْلِكُ لَكُم مِّنَ ٱللَّهِ شَيْـًٔا إِنْ أَرَادَ بِكُمْ ضَرًّا أَوْ أَرَادَ بِكُمْ نَفْعًاۚ

Maksudnya:

"*Katakanlah maka adakah sesiapa yang berkuasa melindungi kamu daripada terkena atau menerima sesuatu ketetapan daripada Allah jika Dia menetapkan kamu ditimpa bahaya atau beroleh manfaat"*

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman dalam Surah al-Ahzab, ayat 17:

قُلْ مَن ذَا ٱلَّذِى يَعْصِمُكُم مِّنَ ٱللَّهِ إِنْ أَرَادَ بِكُمْ سُوٓءًا أَوْ أَرَادَ بِكُمْ رَحْمَةًۚ

Maksudnya:

"Katakanlah: "Siapakah yang dapat melindungi kamu daripada kemurkaan Allah jika Dia mahu menimpakan bala bencana kepada kamu atau (siapakah yang dapat menahan Allah) jika Dia hendak membarikan rahmat kepada kamu?"

Dalam hadis sahih disebutkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

اللَّهُمَّ لَا مَانِعَ لِمَا أَعْطَيْتَ، وَلَا مُعْطِيَ لِمَا مَنَعْتَ، وَلَا يَنْفَعُ ذَا الْجَدِّ مِنْكَ الْجَدُّ

Maksudnya:

"Ya Allah! tidak ada yang dapat menghalang apa yang Engkau berikan dan tidak ada yang dapat memberi apa yang Engkau cegah dan tidaklah bermanfaat kekayaan dan kemuliaan seseorang dari (siksa-Mu)." (HR Ahmad)

Segala Perkara Telah Ditakdirkan

Huraian Sabda Nabi ﷺ:

رُفِعَتِ الْأَقْلَامُ وَجَفَّتِ الصُّحُفُ

Pena-Pena Telah Pun Diangkat Dan Lembaran-Lembaran Telah Pun Kering."

Ibn Rajab menjelaskan:

هُوَ كِنَايَةٌ عَنْ تَقَدُّمِ كِتَابَةِ الْمَقَادِيرِ كُلِّهَا، وَالْفَرَاغِ مِنْهَا مِنْ أَمَدٍ بَعِيدٍ. فَإِنَّ الْكِتَابَ إِذَا فُرِغَ مِنْ كِتَابَتِهِ، وَرُفِعَتِ الْأَقْلَامُ عَنْهُ، وَطَالَ عَهْدُهُ، فَقَدْ رُفِعَتْ عَنْهُ الْأَقْلَامُ، وَجَفَّتِ الْأَقْلَامُ الَّتِي كُتِبَ بِهَا مِنْ مِدَادِهَا، وَجَفَّتِ الصَّحِيفَةُ الَّتِي كُتِبَ فِيهَا بِالْمِدَادِ الْمَكْتُوبِ بِهِ فِيهَا، وَهَذَا مِنْ أَحْسَنِ الْكِنَايَاتِ وَأَبْلَغِهَا

Ini merupakan gambaran bahawa penulisan semua takdir telah pun berlalu. Ia telah diselesaikan sejak lama dahulu. Lantaran apabila selesai menulis sebuah lembaran, pena pun diangkat. Masanya telah lama berlalu. Sesungguhnya pena telah terangkat dan dakwat pena dan tulisan yang tertulis pada lembaran tersebut telah kering. Ini merupakan gambaran yang paling baik dan paling simbolik."

Allah *Subhanahu Wataala* berfirman dalam *Surah al-Hadid*, ayat 22:

مَآ أَصَابَ مِن مُّصِيبَةٍ فِى ٱلْأَرْضِ وَلَا فِىٓ أَنفُسِكُمْ إِلَّا فِى كِتَـٰبٍ مِّن قَبْلِ أَن نَّبْرَأَهَآ ۚ إِنَّ ذَٰلِكَ عَلَى ٱللَّهِ يَسِيرٌ ﴿٢٢﴾

Maksudnya:

Tidak ada sesuatu kesusahan (atau bala bencana) yang ditimpakan di bumi, dan tidak juga yang menimpa diri kamu, melainkan telah tertulis dalam Kitab (pengetahuan kami) sebelum Kami menciptakannya. Sesungguhnya mengadakan yang demikian itu adalah mudah bagi Allah."

Rasulullah ﷺ bersabda:

إِنَّ أَوَّلَ مَا خَلَقَ اللَّهُ الْقَلَمُ ، ثُمَّ قَالَ : اكْتُبْ فَجَرَى فِي تِلْكَ السَّاعَةِ بِمَا هُوَ كَائِنٌ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ .

Maksudnya:

Sesungguhnya makhluk pertama yang Allah ciptakan ialah al-Qalam. Kemudian Allah berfirman: Tulislah! Lantas al-Qalam itu pun bergerak ketika menulis segala yang akan berlaku sehingga Hari Kiamat (HR Ahmad, Abu Daud dan al-Tirmizi)

Rasulullah ﷺ bersabda:

إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ مَقَادِيرَ الْخَلَائِقِ قَبْلَ أَنْ يَخْلُقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ بِخَمْسِينَ أَلْفَ سَنَةٍ .

Maksudnya:

Sesungguhnya Allah telah menulis segala takdir semua makhluk 50 ribu tahun sebelum Dia mencipta langit dan bumi. (HR Muslim dan al-Tirmizi)

Maksud Mengenali Allah

Sabda Nabi ﷺ:

"Kenalilah Allah ketika senang, nescaya Dia akan mengenali kamu ketika susah"

Menurut Ibn Rajab: Mengenali Allah terbahagi kepada dua bentuk:

أَحَدُهُمَا: الْمَعْرِفَةُ الْعَامَّةُ، وَهِيَ مَعْرِفَةُ الْإِقْرَارِ بِهِ وَالتَّصْدِيقِ وَالْإِيمَانِ، وَهَذِهِ عَامَّةٌ لِلْمُؤْمِنِينَ. وَالثَّانِي: مَعْرِفَةٌ خَاصَّةٌ تَقْتَضِي مَيْلَ الْقَلْبِ إِلَى اللَّهِ بِالْكُلِّيَّةِ، وَالِانْقِطَاعَ إِلَيْهِ، وَالْأُنْسَ بِهِ، وَالطُّمَأْنِينَةَ بِذِكْرِهِ، وَالْحَيَاءَ مِنْهُ، وَالْهَيْبَةَ لَهُ، وَهَذِهِ الْمَعْرِفَةُ الْخَاصَّةُ هِيَ الَّتِي يَدُورُ حَوْلَهَا الْعَارِفُونَ، كَمَا قَالَ بَعْضُهُمْ مَسَاكِينُ أَهْلِ الدُّنْيَا، خَرَجُوا مِنْهَا وَمَا ذَاقُوا أَطْيَبَ مَا فِيهَا، قِيلَ لَهُ: وَمَا هُوَ؟ قَالَ: مَعْرِفَةُ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ

Pertama; Mengenali Tuhan secara umum. Iaitu memperakui-Nya (sebagai Tuhan), mempercayai dan beriman. Ini merupakan mengenali Tuhan di kalangan kebanyakkan orang mukmin. “ Kedua; Mengenali Tuhan secara khusus. Iaitu keseluruhan hati cenderung kepada Tuhan, memutuskan hubungan dengan selain-Nya, tenang mengingati-Nya, malu terhadap-Nya dan gerun melihat kehebatan-Nya. Inilah mengenali Tuhan secara khusus yang idkecapi oleh orang yang mengenali Allah. Mereka pernah mengungkapkan: Alangkah malangnya penghuni dunia yang meninggalkannya sedangkan mereka tidak mengecapi nikmat yang laing baik di dalamnya. Mereka ditanya: Apakah nikmat tersebut? Mengenali Allah Azza Wa Jalla jawab mereka.

Ahmad bin `Ashim al-Anthoki berkata:

أُحِبُّ أَنْ لَا أَمُوتَ حَتَّى أَعْرِفَ مَوْلَايَ، وَلَيْسَ مَعْرِفَتُهُ الْإِقْرَارَ بِهِ، وَلَكِنَّ الْمَعْرِفَةَ إِذَا عَرَفْتَهُ اسْتَحْيَيْتَ مِنْهُ .

Aku suka agar tidak dimatikan sehinggallah aku mengenali Tuan aku. Mengenali-Nya bukan sekadar memperakui kewujudan-Nya. Malah mengenali-Nya sehingga menyebabkan aku merasa malu kepada-Nya.

Kesan Doa Ketika Senang

Salman al-Farisi berkata:

إِذَا كَانَ الرَّجُلُ دَعَّاءً فِي السَّرَّاءِ، فَنَزَلَتْ بِهِ ضَرَّاءُ، فَدَعَا اللَّهَ تَعَالَى، قَالَتِ الْمَلَائِكَةُ: صَوْتٌ مَعْرُوفٌ فَشَفَعُوا لَهُ، وَإِذَا كَانَ لَيْسَ بِدَعَّاءٍ فِي السَّرَّاءِ، فَنَزَلَتْ بِهِ ضَرَّاءُ، فَدَعَا اللَّهَ تَعَالَى قَالَتِ الْمَلَائِكَةُ: صَوْتٌ لَيْسَ بِمَعْرُوفٍ، فَلَا يَشْفَعُونَ لَهُ .

“Apabila seseorang lelaki itu banyak berdoa ketika senang, kemudian dia ditimpa kesusahan, lalu dia berdoa kepada Allah, para malaikat akan berkata: Ini adalah suara yang dikenali. Mereka pun memberi syafaat kepada lelaki itu. Sebaliknya, jika tidak banyak berdo ketika senang, kemudian ditimpa kesusahan, lalu dia berdoa kepada Allah, para malaikat akan berkata: “Ini suara yang tidak dikenali. Lalu mereka tidak memberi syafaat untuknya”

Kemenangan Bersama Kesabaran

Huraian Sabda ﷺ:

Ketahuilah Juga Bahawa Kemenangan Itu Bersama Kesabaran

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman dalam *Surah al-Baqarah*, ayat 249:

قَالَ ٱلَّذِينَ يَظُنُّونَ أَنَّهُم مُّلَٰقُواْ ٱللَّهِ كَم مِّن فِئَةٍ قَلِيلَةٍ غَلَبَتۡ فِئَةً كَثِيرَةَۢ بِإِذۡنِ ٱللَّهِۗ وَٱللَّهُ مَعَ ٱلصَّٰبِرِينَ ﴿٢٤٩﴾

Maksudnya:

”Orang yang yakin bahawa mereka akan menemui Allah pula berkata: ”Berapa banyak (yang pernah terjadi) golongan yang sedikit berjaya menewaskan golongan yang banyak dengan izin Allah dan Allah (sentiasa) bersama-sama orang yang sabar.”

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman dalam *Surah al-Anfal*, ayat 66:

فَإِن يَكُن مِّنكُم مِّاْئَةٌ صَابِرَةٌ يَغْلِبُواْ مِاْئَتَيْنِ ۚ وَإِن يَكُن مِّنكُمْ أَلْفٌ يَغْلِبُوٓاْ أَلْفَيْنِ بِإِذْنِ ٱللَّهِ ۗ وَٱللَّهُ مَعَ ٱلصَّٰبِرِينَ ﴿٦٦﴾

Maksudnya:

”*Maka, jika ada antara kamu seratus orang yang sabar, nescaya mereka akan dapat menewaskan dua ratus orang kafir. Dan jika ada antara kamu seribu orang, nescaya mereka dapat menewaskan dua ribu orang dengan izin Allah. (Ingatlah) Allah berserta orang yang sabar.”*

Ibn Rajab menjelaskan:

يَشْمَلُ النَّصْرَ فِي الْجِهَادَيْنِ: جِهَادِ الْعَدُوِّ الظَّاهِرِ، وَجِهَادِ الْعَدُوِّ الْبَاطِنِ. فَمَنْ صَبَرَ فِيهِمَا ، نُصِرَ وَظَفِرَ بِعَدُوِّهِ ، وَمَنْ لَمْ يَصْبِرْ فِيهِمَا وَجَزِعَ ، قُهِرَ وَصَارَ أَسِيرًا لِعَدُوِّهِ أَوْ قَتِيلًا لَهُ

Hadis ini merangkumi kemenangan dalam dua jenis jihad iaitu jihad menentang musuh zahir dan jihad menentang musuh batin. Maka sesiapa yang bersabar dalam kedua-dua jihad ini, dia akan ditolong dan berjaya menewaskan musuhnya. Sesiapa yang tidak bersabar dan keluh kesah, dia akan ditewaskan dan menjadi tawanan kepada musuhnya atau pun terbunuh.

Huraian Sabda ﷺ:

Kelepasan Daripada Kesusahan Itu Bersama Kesusahan.
Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman dalam *Surah al-Naml,* ayat 62:

أَمَّن يُجِيبُ ٱلْمُضْطَرَّ إِذَا دَعَاهُ وَيَكْشِفُ ٱلسُّوٓءَ

Maksudnya:

“Atau siapakah yang memperkenankan doa orang yang menderita apabila dia berdoa kepada-Nya dan yang menghapuskan kesusahan.”

Huraian Sabda ﷺ:

Sesungguhnya Bersama Kesukaran Itu Ada Kesenangan.”
Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman dalam *Surah at-Thalaq*, ayat 7:

سَيَجْعَلُ ٱللَّهُ بَعْدَ عُسْرٍ يُسْرًا ﴿٧﴾

Maksudnya:

"(Orang yang kesempitan hendaklah ingat bahawa) Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan."

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman dalam Surah al-Inshirah, ayat 5-6:

فَإِنَّ مَعَ ٱلْعُسْرِ يُسْرًا ﴿٥﴾ إِنَّ مَعَ ٱلْعُسْرِ يُسْرًا ﴿٦﴾

Maksudnya:

"[5] Oleh itu, maka (tetapkanlah kepercayaanmu) bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan." [6] Sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan"

Bab 4: Pengajaran Hadis

1. Kelembutan Nabi ﷺ kepada orang yang umurnya jauh lebih muda dari beliau di mana beliau bersabda: (Wahai anak, aku akan mengajar)

2. Dianjurkan bagi orang yang akan mengatakan perkara penting untuk mendahuluinya dengan sesuautu yang menarik perhatiannya.

3. Sesiapa yang menjaga Allah, maka Allah akan menjaganya

4. Sesiapa yang menyia-yiakan Allah nescaya allah akan menyia-yiakan dan tidak menjaganya sebagaimana firman-Nya dalam Surah al-Hasyr, ayat 19:

   وَلَا تَكُونُوا۟ كَٱلَّذِينَ نَسُوا۟ ٱللَّهَ فَأَنسَىٰهُمْ أَنفُسَهُمْ ۚ أُو۟لَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَـٰسِقُونَ ﴿١٩﴾

   Maksudnya:

   "Dan janganlah kamu menjadi seperti orang yang telah melupakan Allah (tidak mentaati perintah-Nya), lalu Allah menjadikan mereka melupakan diri sendiri (untuk melakukan ketaatan dan kebajikan). Mereka itulah orang-orang yang fasiq"

5. Sesiapa yang menjaga allah, nescaya Allah akan menunjukinya kepada perkara yang baik dan orang yang sentiasa menjaga Allah, nescaya dia akan dijauhkan dari keburukan.

6. Jika seseorang memerlukan bantuan, dia mestilah memohon kepada Allah. Namun, tidak mengapa dia meminta pertolongan kepada orang lain selama mana orang tersebut mampu melakukannya. Ini sebagaimana sabda Nabi ﷺ

   أَنْ تُعِينَ الرَّجُلَ عَلَى دَابَّتِهِ وَتَحْمِلَهُ عَلَيْهَا ، وَتَرْفَعَ مَتَاعَهُ عَلَيْهَا صَدَقَةٌ

   Maksudnya:

“Dan engkau menolong seseorang dalam kenderaannya dan engkau menaikkan dia sekaligus dengan bekalannya ke atas kenderaannya maka perkara itu merupakan sedekah.” (HR Ibnu Huzaimah)

7. Seluruh manusia tidak boleh memberikan manfaat kepada seseorang pun kecuali jika perkara itu ditetapkan oleh Allah Ta`ala dan begitulah sebaliknya.

MENJADI KEKASIH & WALI ALLAH

Berkata Abu Hurairah ﵁: Rasululullahi ﷺ bersabda:

إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى قَالَ مَنْ عَادَى لِي وَلِيًّا ، فَقَدْ آذَنْتُهُ بِالْحَرْبِ وَمَا تَقَرَّبَ إِلَيَّ عَبْدِي بِشَيْءٍ أَحَبَّ إِلَيَّ مِمَّا افْتَرَضْتُ عَلَيْهِ ، وَلَا يَزَالُ عَبْدِي يَتَقَرَّبُ إِلَيَّ بِالنَّوَافِلِ حَتَّى أُحِبَّهُ ، فَإِذَا أَحْبَبْتُهُ ، كُنْتُ سَمْعَهُ الَّذِي يَسْمَعُ بِهِ ، وَبَصَرَهُ الَّذِي يُبْصِرُ بِهِ ، وَيَدَهُ الَّتِي يَبْطِشُ بِهَا ، وَرِجْلَهُ الَّتِي يَمْشِي بِهَا ، وَلَئِنْ سَأَلَنِي لَأُعْطِيَنَّهُ ، وَلَئِنِ اسْتَعَاذَنِي لَأُعِيذَنَّهُ

Maksudnya:

“Sesiapa yang memusuhi seorang wali-Ku, maka sesungguhnya Aku istiharkan perang terhadapnya. Hamba-Ku tidaklah mendekatkan diri kepada-Ku dengan melakukan sesuatu yang lebih Aku sukai berbanding apa yang telah Aku fardhukan ke atasnya. Hamba-Ku sentiasa mendekatkan diri kepada-Ku dengan mengerjakan amalan-amalan sunat sehingga Aku mencintainya. Apabila Aku telah mencintainya, Aku menjadi telinganya yang dia mendengar dengannya. Matanya yang dia melihat dengannya, tangannya yang dia bertindak dengannya dan kakinya yang di berjalan dengannya. Demi-Ku, jika dia memohon sesuatu daripada-Ku, pasti Aku memberikannya. Demi-Ku, jika dia meminta perlindungan dengan-Ku, pasti Aku melindunginya.” (HR al-Bukhari)

Bab 1: Takhrij Hadis

- Al-Bukhari (No Hadis 6502)
- Abu Nua`im dalam Hilyatul Auliya` (1/34, no 1)
- Al-Baihaqi dalam as-Sunnanul Kubra (111/346 X/219)
- Al-Baghawi dalam Syarhus Sunnah (No 1248) dan selainnya,

Bab 2: Kepentingan Hadis

Al-Thuufi *rahimahullah* berkata:

“Hadis ini merupakan asas dalam menuju kepada Allah Ta`ala dan sampai kepada pengenalan dan cinta-Nya serta jalan menuju kepada-Nya. Kerana pelaksanaan kewajiban batin iaitu iman dan kewajiban zahir iaitu Islam dan gabungan dari keduanya iaitu Ihsan semuanya terdapat dalam hadis ini sebagaimana semuanya ini juga terkandung dalam hadis Jibril. Ihsan menghimpun kedudukan orang-orang yang menuju kepada Allah berupa zuhud, ikhlas, muraqabah dan lainnya.”

Bab 3: Huraian Hadis

Memusuhi Wali Allah Mengundang Murka-Nya

Allah *Ta`ala* berfirman:

إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى قَالَ مَنْ عَادَى لِي وَلِيًّا، فَقَدْ آذَنْتُهُ بِالْحَرْبِ

"Sesiapa yang memusuhi seorang wali-ku, maka sesungguhnya aku istiharkan perang terhadapnya"

Maksiat Adalah Memerangi Allah Ta`ala

Berkata Ibnu Rajab:

وَاعْلَمْ أَنَّ جَمِيعَ الْمَعَاصِي مُحَارَبَةٌ لِلَّهِ عَزَّ وَجَلَّ. قَالَ الْحَسَنُ بْنُ آدَمَ هَلْ لَكَ بِمُحَارَبَةِ اللَّهِ مِنْ طَاقَةٍ ؟ فَإِنَّ مَنْ عَصَى اللَّهَ فَقَدْ حَارَبَهُ ، لَكِنْ كُلَّمَا كَانَ الذَّنْبُ أَقْبَحَ ، كَانَ أَشَدَّ مُحَارَبَةً لِلَّهِ لِعِظَمِ ظُلْمِهِمْ لِعِبَادِهِ، وَسَعْيِهِمْ بِالْفَسَادِ فِي بِلَادِهِ، وَكَذَلِكَ مُعَادَاةُ أَوْلِيَائِهِ، فَإِنَّهُ تَعَالَى يَتَوَلَّى نُصْرَةَ أَوْلِيَائِهِ، وَيُحِبُّهُمْ وَيُؤَيِّدُهُمْ، فَمَنْ عَادَاهُمْ، فَقَدْ عَادَى اللَّهَ وَحَارَبَهُ

Ketahuilah bahawa semua maksiat adalah perbuatan memerangi Allah `Azza Wajalla. Al-Hasan berkata: "Wahai anak Adam, adakah kamu mampu memerangi Allah? Sesungguhnya sesiapa yang menderhakai Allah Ta`ala, dia telah memerangi Allah. Semakin dosa itu keji, semakin kuat dia memerangi Allah.

Begitu juga perbuatan memusuhi para wali Allah Ta`ala. Sesungguhnya Allah Ta`ala pasti akan menolong, mengasihi dan menyokong para wali-Nya. Oleh itu, sesiapa yang memusuhi mereka, maka sesungguhnya dia telah memusuhi dan memerangi Allah Ta`ala."

Makna Wali Allah

Makna asal kepada *al-wilayah* ialah kehampiran dan kedekatan. Sementara makna asal kepada *al-`Adawah* (permusuhan) ialah kejauhan. Lantaran itu, para wali Allah ialah mereka yang mendekatkan diri kepada-Nya dengan cara melakukan perkara-perkara yang dapat mendekatkan mereka kepada-Nya.

Manakala musuh-musuh Allah Ta`ala pula ialah mereka yang Allah jauhkan daripada-Nya ekoran amalan-amalan yang menyebabkan mereka dihalau dan dijauhkan daripada-Nya.

Sifat dan Ciri-Ciri Wali Allah

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman dalam Surah Yunus, ayat 62-63:

أَلَآ إِنَّ أَوۡلِيَآءَ ٱللَّهِ لَا خَوۡفٌ عَلَيۡهِمۡ وَلَا هُمۡ يَحۡزَنُونَ ﴿٦٢﴾ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَكَانُواْ يَتَّقُونَ ﴿٦٣﴾

Maksudnya:

[62] *Ketahuilah! Sesungguhnya wali-wali Allah, tidak ada kebimbangan (daripada sesuatu yang tidak baik) bagi mereka, dan mereka pula tidak berdukacita. [63] (Wali-wali Allah itu ialah) orang yang beriman serta mereka pula sentiasa bertaqwa."*

Ibn Kathir menyebutkan dalam kitab *Tafsir al-Quran al-`Azhim*:

وَقَالَ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مَسْعُودٍ ، وَابْنُ عَبَّاسٍ ، وَغَيْرُ وَاحِدٍ مِنَ السَّلَفِ : أَوْلِيَاءُ اللَّهِ الَّذِينَ إِذَا رُءُوا ذُكِرَ اللَّهُ.

`Abdullah bin Mas`ud, `Abdullah bin `Abbas dan sebahagian ulamak salaf berkata: "Wali Allah adalah orang-orang yang selalu mengingati Allah"

Kategori Wali Allah Ta`ala

Berkata Ibnu Rajab:

فَقَسَّمَ أَوْلِيَاءَهُ الْمُقَرَّبِينَ قِسْمَيْنِ: أَحَدُهُمَا: مَنْ تَقَرَّبَ إِلَيْهِ بِأَدَاءِ الْفَرَائِضِ، وَيَشْمَلُ ذَلِكَ فِعْلَ الْوَاجِبَاتِ، وَتَرْكَ الْمُحَرَّمَاتِ، لِأَنَّ ذَلِكَ كُلَّهُ مِنْ فَرَائِضِ اللَّهِ الَّتِي افْتَرَضَهَا عَلَى عِبَادِهِ

Allah Ta`ala telah membahagikan wali-wali-Nya yang Muqarrabin (dihampirkan kepada-Nya) kepada dua kategori: Pertama: Orang yang mendekatkan diri kepada Allah Ta`ala dengan cara melaksanakan perkara-perkara fardhu. Ini merangkumi pelaksanaan segala perkara yang wajib dan meninggalkan segala perkara yang haram, kerana semua itu antara perkara yang difardhukan ke atas para hamba-Nya.

Beliau berkata lagi:

وَالثَّانِي: مَنْ تَقَرَّبَ إِلَيْهِ بَعْدَ الْفَرَائِضِ بِالنَّوَافِلِ

Kedua: Orang yang mendekatkan diri kepada Allah Ta`ala dengan cara melakukan amalan-amalan sunat selepas mengerjakan amalan-amalan fardhu."

Martabat Wali Allah Ta`ala

Berkata Ibnu Rajab:

Martabat Pertama:

الْمُتَقَرِّبُونَ إِلَيْهِ بِأَدَاءِ الْفَرَائِضِ، وَهَذِهِ دَرَجَةُ الْمُقْتَصِدِينَ أَصْحَابِ الْيَمِينِ، وَأَدَاءُ الْفَرَائِضِ أَفْضَلُ الْأَعْمَالِ كَمَا قَالَ عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ : أَفْضَلُ الْأَعْمَالِ أَدَاءُ مَا افْتَرَضَ اللَّهُ، وَالْوَرَعُ عَمَّا حَرَّمَ اللَّهُ، وَصِدْقُ النِّيَّةِ

فِيمَا عِنْدَ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ. وَقَالَ عُمَرُ بْنُ عَبْدِ الْعَزِيزِ: أَفْضَلُ الْعِبَادَةِ أَدَاءُ الْفَرَائِضِ، وَاجْتِنَابُ الْمَحَارِمِ، وَذَلِكَ لِأَنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ إِنَّمَا افْتَرَضَ عَلَى عِبَادِهِ هَذِهِ الْفَرَائِضَ لِيُقَرِّبَهُمْ مِنْهُ ، وَيُوجِبَ لَهُمْ رِضْوَانَهُ وَرَحْمَتَهُ

Orang yang mendekatkan diri kepada Allah *Ta`ala* dengan cara melaksanakan perkara-perkara yang difardhukan. Ini adalah martabat golongan sederhana daripada golongan kanan. Pelaksanaan amalan fardhu ialah amalan yang paling mulia sebagaiamana: `Umar bin al-Khattab ﷺ berkata: "Amalan yang paling mulia ialah melakukan apa yang yang difardhukan oleh Allah *Ta`ala*, bersifat warak (teliti dan berhati-hati) terhadap perkara yang diharamkan oleh Allah *Ta`ala* dan ketelusan niat pada apa yang ada di sisi Allah *`Azza wa jalla*." `Umar bin `Abdul `Aziz pula berkata: "Ibadat yang paling mulia ialah melakukan segala apa yang difardhukan dan meninggalkan segala apa yang diharamkan."

Ibn Rajab berkata lagi:

وَذَلِكَ لِأَنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ إِنَّمَا افْتَرَضَ عَلَى عِبَادِهِ هَذِهِ الْفَرَائِضَ لِيُقَرِّبَهُمْ مِنْهُ، وَيُوجِبَ لَهُمْ رِضْوَانَهُ وَرَحْمَتَهُ

"Sebabnya ialah Allah *`Azza wa jalla* menfardhukan segala perkara yang fardhu ini ke atas para hamba-Nya hanyalah untuk mendekatkan mereka kepada-Nya dan menjadikan mereka berhak mendapat keredhaan dan rahmat-Nya."

Martabat Kedua:

دَرَجَةُ السَّابِقِينَ الْمُقَرَّبِينَ، وَهُمُ الَّذِينَ تَقَرَّبُوا إِلَى اللَّهِ بَعْدَ الْفَرَائِضِ بِالِاجْتِهَادِ فِي نَوَافِلِ الطَّاعَاتِ، وَالِانْكِفَافِ عَنْ دَقَائِقِ الْمَكْرُوهَاتِ بِالْوَرَعِ، وَذَلِكَ يُوجِبُ لِلْعَبْدِ مَحَبَّةَ اللَّهِ

"Martabat golongan *as-Sabiqin al-Muqarrabin* iaitu orang-orang yang mendekat diri kepada Allah Ta`ala dengan berusaha melakukan amalan taat yang sunat selepas menunaikan segala yang fardhu serta menahan diri daripada perkara-perkara yang makruh yang harus melalui sifat warak. Ini menyebabkan hamba mendapat kasih sayang Allah Ta`ala..

Ganjaran Taqorrub (Mendekatkan Diri) Kepada Allah Ta`ala

Allah *Ta`ala* berfirman:

فَإِذَا أَحْبَبْتُهُ ، كُنْتُ سَمْعَهُ الَّذِي يَسْمَعُ بِهِ ، وَبَصَرَهُ الَّذِي يُبْصِرُ بِهِ ، وَيَدَهُ الَّتِي يَبْطِشُ بِهَا ، وَرِجْلَهُ الَّتِي يَمْشِي بِهَا

"Apabila Aku telah mencintainya, Aku menjadi telinganya yang dia mendengar dengannya. Matanya yang dia melihat dengannya, tangannya yang dia bertindak dengannya dan kakinya yang di berjalan dengannya"

Ibn Rajab menyebutkan:

أَنَّ مَنِ اجْتَهَدَ بِالتَّقَرُّبِ إِلَى اللَّهِ بِالْفَرَائِضِ، ثُمَّ بِالنَّوَافِلِ، قَرَّبَهُ إِلَيْهِ، وَرَقَّاهُ مِنْ دَرَجَةِ الْإِيمَانِ إِلَى دَرَجَةِ الْإِحْسَانِ. فَيَصِيرُ يَعْبُدُ اللَّهَ عَلَى الْحُضُورِ وَالْمُرَاقَبَةِ كَأَنَّهُ يَرَاهُ، فَيَمْتَلِئُ قَلْبُهُ بِمَعْرِفَةِ اللَّهِ تَعَالَى، وَمَحَبَّتِهِ، وَعَظَمَتِهِ، وَخَوْفِهِ، وَمَهَابَتِهِ، وَإِجْلَالِهِ، وَالْأُنْسِ بِهِ، وَالشَّوْقِ إِلَيْهِ.

Sesiapa yang berusaha untuk mendekatkan diri kepada Allah Ta`ala dengan melaksanakan perkara-perkara fardhu, kemudian dengan melakukan amalan-amalan sunat, nescaya Allah akan mendekatkannya kepada-Nya serta menaikkannya daripada darjat iman kepada darjah *ihsan*. Dengan itu, dia mula beribadah kepada Allah dalam keadaan hati dan menghayati pengawasan Allah Ta`ala seolah-olah dia melihat-Nya. Lantaran itu hatinya penuh makrifat Allah Ta`ala, rasa sayang kepada-Nya. Kebesaran-Nya, takut dan gerun kepada-Nya, mengagungkan-Nya, rasa tenang dengan-Nya dan rindu kepada-Nya.

Beliau berkata lagi:

فَمَتَى امْتَلَأَ الْقَلْبُ بِعَظَمَةِ اللَّهِ تَعَالَى، مَحَا ذَلِكَ مِنَ الْقَلْبِ كُلَّ مَا سِوَاهُ. وَلَمْ يَبْقَ لِلْعَبْدِ شَيْءٌ مِنْ نَفْسِهِ وَهَوَاهُ، وَلَا إِرَادَةٌ إِلَّا لِمَا يُرِيدُهُ مِنْهُ مَوْلَاهُ، فَحِينَئِذٍ لَا يَنْطِقُ الْعَبْدُ إِلَّا بِذِكْرِهِ، وَلَا يَتَحَرَّكُ إِلَّا بِأَمْرِهِ. فَإِنْ نَطَقَ نَطَقَ بِاللَّهِ. وَإِنْ سَمِعَ سَمِعَ بِهِ. وَإِنْ نَظَرَ نَظَرَ بِهِ. وَإِنْ بَطَشَ بَطَشَ بِهِ

Apabila hati telah dipenuh dengan keagungan Allah Ta`ala, perasaan itu akan menghapuskan daripada hati itu semua yang lain daripada Allah Ta`ala. Selain itu, hamba tidak ada lagi sesuatu daripada jiwa dan kehendak dirinya. Dia juga tidak ada keinginan melainkan kepada apa yang dikehendaki oleh Tuhan-Nya sahaja. Pada ketika itu, hamba tidak akan bercakap melainkan dengan zikrullah. Dia tidak akan bergerak melainkan dengan perintah-Nya. Jika dia bercakap, dia bercakap kerana Allah Ta`ala. Jika dia mendengar, dia mendengar kerana Allah. Jika dia melihat, dia melihat kerana Allah. Jika dia bertindak, dia bertindak kerana Allah."

Doa dan Permintaan Kekasih Allah

Allah *Ta`ala* berfirman:

وَلَئِنْ سَأَلَنِي لَأُعْطِيَنَّهُ، وَلَئِنِ اسْتَعَاذَنِي لَأُعِيذَنَّهُ

Jika dia memohon sesuatu daripada-Ku, pasti Aku memberikannya. Demi-Ku, jika dia meminta perlindungan dengan-Ku, pasti Aku melindunginya."

Ibn Rajab al-Hanbali menyebutkan:

يَعْنِي أَنَّ هَذَا الْمَحْبُوبَ الْمُقَرَّبَ، لَهُ عِنْدَ اللَّهِ مَنْزِلَةٌ خَاصَّةٌ تَقْتَضِي أَنَّهُ إِذَا سَأَلَ اللَّهَ شَيْئًا، أَعْطَاهُ إِيَّاهُ، وَإِنِ اسْتَعَاذَ بِهِ مِنْ شَيْءٍ، أَعَاذَهُ مِنْهُ، وَإِنْ دَعَاهُ، أَجَابَهُ، فَيَصِيرُ مُجَابَ الدَّعْوَةِ لِكَرَامَتِهِ عَلَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ، وَقَدْ كَانَ كَثِيرٌ مِنَ السَّلَفِ الصَّالِحِ مَعْرُوفًا بِإِجَابَةِ الدَّعْوَةِ

Maksudnya,kekasih Allah Ta`ala yang dihampirkan kepada-Nya itu mempunyai kedudukan khusus di sisi Allah. Kedudukan itu menyebabkan permintaannya dikurniakan Allah apabila dia meminta

sesuatu kepada-Nya. Jika dia memohon perlindungan Allah Ta`ala daripada sesuatu, Allah akan melindunginya. Jika dia berdoa kepada Allah Ta`ala, doanya dimakbulkan. Lantaran itu, dia menjadi seorang yang dimakbulkan doa kerana kemuliaannya di sisi Tuhannya `Azza Wajalla. Sesungguhnya antara salaf yang salih, ramai yang terkenal dengan doa yang mustajab.

Doa Anas bin Nadhr

Dalam sahih al-Bukhari diriwayatkan:

أَنَّ الرُّبَيِّعَ بِنْتَ النَّضْرِ كَسَرَتْ ثَنِيَّةَ جَارِيَةٍ ، فَعَرَضُوا عَلَيْهِمُ الْأَرْشَ ،فَأَبَوْا ، فَطَلَبُوا مِنْهُمُ الْعَفْوَ ، فَأَبَوْا ، فَقَضَى بَيْنَهُمْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالْقِصَاصِ ، فَقَالَ أَنَسُ بْنُ النَّضْرِ :أَتُكْسَرُ ثَنِيَّةُ الرُّبَيِّعِ ؟ وَالَّذِي بَعَثَكَ بِالْحَقِّ لَا تُكْسَرُ ثَنِيَّتُهَا ، فَرَضِيَ الْقَوْمُ ، وَأَخَذُوا الْأَرْشَ ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِنَّ مِنْ عِبَادِ اللَّهِ مِنْ لَوْ أَقْسَمَ عَلَى اللَّهِ لَأَبَرَّهُ

Sesungguhnya ar-Rubayyi binti ad-Nadhr telah mematahkan sebatang gigi kacip seorang budak perempuan. Lalu keluarga ar-Rubayyi` menawarkan bayaran ganti rugi kepada keluarga budak itu, tetapi mereka enggan menerimanya. Lantaran itu, mereka meminta daripada keluarga budak itu supaya memaafkan kesalahan itu. Namun mereka juga enggan. Lalu Rasulululllah ﵁ menjatuhkan hukuman qisas antara mereka. Lalu Anas bin An-Nadhar berkata: "Adakah gigi kacip ar-Rubayyi` akan dipatahkan? Demi Tuhan yang telah mengutuskan Tuan dengan kebenaran, giginya tidak akan dipatahkan. Keluarga budak itu pun redha serta menerima ganti rugi. Lantas Rasulululllah ﷺ bersabda: "Sesungguhnya di kalangan hamba-hamba Allah ada orang yang jika dia bersumpah kepada Allah, nescaya Allah akan melaksanakan sumpahnya." (HR al-Bukhari (2703) dan Muslim (1635)

Saad bin Abi Waqqash r.a juga adalah seorang yang dimakbulkan doa. Seorang lelaki telah berdusta mengenai beliau. Lalu beliau berkata:

اللَّهُمَّ إِنْ كَانَ كَاذِبًا فَاعْمِ بَصَرَهُ، وَأَطِلْ عُمُرَهُ، وَعَرِّضْهُ لِلْفِتَنِ، فَأَصَابَ الرَّجُلَ ذَلِكَ كُلُّهُ، فَكَانَ يَتَعَرَّضُ لِلْجَوَارِي فِي السِّكَكِ وَيَقُولُ : شَيْخٌ كَبِيرٌ مَفْتُونٌ ، أَصَابَتْنِي دَعْوَةُ سَعْدٍ

"Wahai Tuhan-Ku, jika benar dia berdusta, maka butakanlah matanya, panjangkanlah umurnya dan dedahkanlah dia kepada perkara-perkara buruk." Lalu lelaki itu ditimpa semua perkara yang didoakan itu. Dia juga turut menganggu gadis-gadis di jalan-jalan sambil berkata: "Aku seorang lelaki tua yang ditimpa bala. Aku telah ditimpakan apa yang didoakan oleh Sa`ad." (HR al-Bukhari (755))

Doa Sa`id bin Zaid

Seorang perempuan telah berebut sebidang tanah dengan Sa`id bin Zaid r.a sedangkan tanah itu milik Sa`id. Perempuan itu mendakwa bahawa Said telah mengambil tanah miliknya. Lalu Sa`id berdoa:

للَّهُمَّ إِنْ كَانَتْ كَاذِبَةً ، فَأَعْمِ بَصَرَهَا وَاقْتُلْهَا فِي أَرْضِهَا ، فَعَمِيَتْ ، وَبَيْنَا هِيَ ذَاتَ لَيْلَةٍ تَمْشِي فِي أَرْضِهَا إِذْ وَقَعَتْ فِي بِئْرٍ فِيهَا فَمَاتَتْ

"Wahai Allah! Jika dia berdusta, maka butakanlah matanya dan bunuhlah dia di tanahnya." Perempuan itu pun menjadi buta. Pada suatu malam, ketika dia berjalan-jalan di tanahnya, tiba-tiba dia terjatuh ke dalam sebuah perigi di situ lalu mati." (HR Muslim [1610])

Doa Hasan al-Basri

Seorang lelaki daripada golongan al-Khawarij selalu menghadiri majlis ilmu al-Hasan al-Basri, lalu menyakiti mereka (yang berada dalam majlis itu), setelah perbuatan buruk lelaki itu bertambah, al-Hasan berdoa:

اللَّهُمَّ قَدْ عَمِلْتَ أَذَاهُ لَنَا، فَاكْفِنَاهُ بِمَا شِئْتَ

"Wahai Allah! Sesungguhnya Engkau telah mengetahui perbuatan buruknya kepada kami. Oleh itu, peliharalah kami daripadanya dengan cara yang Engkau kehendaki." Lantas lelaki itu jatuh tersungkur semasa sedang berdiri. Dia diusung kepada keluarganya dalam keadaan sudah tidak bernyawa di atas usungan."

Pengajaran Hadis

1. Mengerjakan yang wajib lebih didahulukan daripada mengerjakan yang sunnah.
2. Amal-amal yang wajib lebih utama dari amal yang sunnah.
3. Amal-amal sunnah dapat menutupi kekurangan amal yang wajib.
4. Di antara sebab mendapatkan cinta Allah adalah dengan melaksanakan amal-amal yang wajib dan sunnah.
5. Menetapkan sifat *mahabbah* (cinta) bagi Allah.
6. Wali Allah adalah orang yang beriman dan bertaqwa, yang melaksanakan segala yang wajib dan yang sunah dan meninggalkan apa-apa yang diharamkan Allah dan Rasul-Nya ﷺ
7. Wali dibahagi oleh para ulama menjadi dua: Ada wali-wali Allah dan ada wali-wali syaitan. Wali Allah adalah orang yang beriman dan bertaqwa. Adapun wali syaitan adalah orang yang tidak bertaqwa kepada Allah, mengerjakan kesyirikan, maksiat dan meninggalkan yang wajib dan mengerjakan yang haram.
8. Ancaman bagi orang yang memusuhi wali-wali Allah.
9. Orang yang memusuhi wali-wali Allah dengan gangguan, menyakiti atau membenci mereka, maka akibatnya akan mendapat siksa dari Allah di dunia dan akhirat.

10. Seorang hamba sekalipun tinggi darjatnya, tidak boleh berhenti dari berdoa, memohon kepada Allah kerana yang demikian itu lebih menampakkan kehinaan dan kerendahan kepada-Nya.

11. Mendekatkan diri kepada Allah dengan melakukan yang wajib dan sunnah merupakan sebab dikabulkan doa seorang hamba, dijaga Allah dan dilindungi oleh Allah SWT.

LUASNYA KEAMPUNAN ALLAH TA`ALA

Berkata Anas bin Malik *radiallahu`anhu*: Aku telah Rasulullah ﷺ bersabda:

قَالَ اللهُ تَعَالَى: يَا ابْنَ آدَمَ، إِنَّكَ مَا دَعَوْتَنِي وَرَجَوْتَنِي غَفَرْتُ لَكَ عَلَى مَا كَانَ مِنْكَ، وَلاَ أُبَالِيْ. يَا ابْنَ آدَمَ، لَوْ بَلَغَتْ ذُنُوْبُكَ عَنَانَ السَّمَاءِ ثُمَّ اسْتَغْفَرْتَنِي غَفَرْتُ لَكَ. يَا ابْنَ آدَمَ إِنَّكَ لَوْ أَتَيْتَنِي بِقُرَابِ الأَرْضِ خَطَايَا، ثُمَّ لَقِيْتَنِي لاَ تُشْرِكُ بِي شَيْئًا لأَتَيْتُكَ بِقُرَابِهَا مَغْفِرَةً

Maksudnya:

”Allah Taala berfirman: ”Wahai anak Adam (wahai manusia), sesungguhnya selagi kamu berdoa dan berharap kepada-Ku, Aku pasti mengampunkan kamu atas apa sahaja dosa yang lahir daripada kamu. Aku juga tidak peduli (sama ada ia sedikit atau banyak, kecil atau besar). Wahai anak Adam, kalaulah dosa-dosamu sampai ke awan di langit, kemudian kamu meminta keampunan-Ku pasti Aku mengampunkan kamu. Wahai anak Adam, jika kamu datang kepada-Ku dengan dosa-dosa yang hampir memenuhi bumi, kemudian kamu menemui-Ku dalam keadaan kamu tidak menyengutukan sesuatu dengan-Ku, pasti Aku datang kepadamu dengan keampunan yang hampir memenuhi bumi itu.” (Hadis ini diriwayatkan oleh al-Tirmizi. Beliau berkata: Ia hadis hasan.”

Bab 2: Huraian Hadis

Sebab-Sebab Pengampunan

Berdasarkan hadis di atas, terdapat tiga perkara yang mendapat pengampunan Allah SWT.

Sebab Pertama; Doa Berserta Harapan
Nabi ﷺ bersabda:

”Wahai anak Adam (wahai manusia), sesungguhnya selagi kamu berdoa dan berharap kepada-Ku, Aku pasti mengampunkan kamu atas apa sahaja dosa yang lahir daripada kamu

Sesungguhnya doa adalah satu perkara yang diperintahkan dan dijanjikan penerimaannya oleh Allah *Subhanahu Wata`ala*. Ini sebagaimana firman-Nya dalam Surah Ghafir, ayat 60:

وَقَالَ رَبُّكُمُ ٱدۡعُونِيٓ أَسۡتَجِبۡ لَكُمۡۚ

Maksudnya:

Tuhan kamu berfirman: Berdoalah kamu kepada-Ku nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu.

Berdoa Dengan Penuh Keyakinan

Nabi ﷺ bersabda:

أُدْعُوا اللَّهَ وَأَنْتُمْ مُوقِنُونَ بِالإِجَابَةِ، وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ تَعَالَى لا يَسْتَجِيبُ دُعَاءً مِنْ قَلْبٍ غَافِلٍ لاهٍ

Maksudnya:

Berdoalah kamu semua kepada Allah dengan keadaan kamu yakin dengan penerimaannya dan ketahuilah Allah tidak akan menerima sebarang doa daripada hati yang lalai lagi leka. (HR al-Tirmizi dan al-Hakim)

Nabi melarang seorang hamba berkata dalam doanya:

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي إِنْ شِئْتَ ، وَلَكِنْ لِيَعْزِمِ الْمَسْأَلَةَ ، فَإِنَّ اللَّهَ لَا مُكْرِهَ لَهُ

Maksudnya:

Wahai Allah, ampunkanlah untukku sekiranya Kamu kehendaki. Tetapi hendaklah dia memohon dengan bersungguh-sungguh kerana tiada sesiapa pun yang memaksa Allah Ta`ala. (HR al-Bukhari (no 6339), Muslim (no 2679) dan Ahmad (11/243)

Sebab Kedua; Memohon Keampunan (Istighfar)
Nabi ﷺ bersabda:

Wahai anak Adam, kalaulah dosa-dosamu sampai ke awan di langit, kemudian kamu meminta keampunan-Ku pasti Aku mengampunkan kamu.

Pengertian *Istighfar*
Berkata Ibn Rajab al-Hanbali:

وَالِاسْتِغْفَارُ: طَلَبُ الْمَغْفِرَةِ. وَالْمَغْفِرَةُ: هِيَ وِقَايَةُ شَرِّ الذُّنُوبِ مَعَ سِتْرِهَا. أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ ، مَعْنَاهُ : أَطْلُبُ مَغْفِرَتَهُ ، فَهُوَ كَقَوْلِهِ : اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي

Istighfar ialah meminta *al-Maghfirah* (keampunan). Manakala *al-Maghfirah* pula ialah mencegah keburukan yang timbul daripada dosa berserta penutup dosa tersebut. Makna perkataan "*astagfirulla*" ialah aku memohon keampunan Allah Ta`ala. Ucapan ini adalah sama seperti ucapan "*Allahuma Firli*" (Wahai Allah ampunilah aku).

Galakkan Ber *Istighfar* Di Dalam al-Qur`an
Berkata Ibn Rajab al-Hanbali:

وَقَدْ كَثُرَ فِي الْقُرْآنِ ذِكْرُ الِاسْتِغْفَارِ، فَتَارَةً يُؤْمَرُ بِهِ

Istighfar banyak disebut di dalam al-Qur`an. Adakalanya dengan disebut dengan menggunakan bentuk perintah untuk melakukan *Istighfar* itu.

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman dalam surah al-Baqarah, ayat 199:

وَٱسْتَغْفِرُوا۟ ٱللَّهَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٩٩﴾

Maksudnya:

”*Dan beristighfarlah kamu kepada Allah (dengan memohon ampun). Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Penyayang*.”

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman dalam surah Hud, ayat 3:

وَأَنِ ٱسْتَغْفِرُوا۟ رَبَّكُمْ ثُمَّ تُوبُوٓا۟ إِلَيْهِ ﴿٣﴾

Maksudnya:

“Dan hendaklah kamu meminta ampun kepada Tuhan kamu, kemudian hendaklah kamu bertaubat kepada-Nya..”

Beliau berkata lagi:

وَتَارَةً يَمْدَحُ أَهْلَهُ

Adakalanya Allah Ta`ala memuji orang yang beristighfar

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman dalam surah Ali `Imran, ayat 17:

وَٱلْمُسْتَغْفِرِينَ بِٱلْأَسْحَارِ ﴿١٧﴾

Maksudnya:

“Dan orang yang beristighfar pada waktu sahur”

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman dalam surah al-Dzariyat, ayat 18:

وَبِٱلْأَسْحَارِ هُمْ يَسْتَغْفِرُونَ ﴿١٨﴾

Maksudnya:

“Dan mereka selalu beristighfar kepada Allah pada waktu pagi sebelum fajar”

Allah *Subhanahu Wataala* berfirman dalam Surah Ali Imran, ayat 135:

وَٱلَّذِينَ إِذَا فَعَلُوا۟ فَٰحِشَةً أَوْ ظَلَمُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ ذَكَرُوا۟ ٱللَّهَ فَٱسْتَغْفَرُوا۟ لِذُنُوبِهِمْ وَمَن يَغْفِرُ ٱلذُّنُوبَ إِلَّا ٱللَّهُ ﴿١٣٥﴾

Maksudnya:

“Dan juga orang-orang yang apabila melakukan perbuatan keji, atau menganiaya diri sendiri, mereka segera ingat kepada Allah lalu memohon ampun terhadap dosa mereka - sememangnya tidak ada sesiapa yang boleh mengampunkan dosa-dosa melainkan Allah.”

Beliau berkata lagi:

وَتَارَةً يَذْكُرُ أَنَّ اللَّهَ يَغْفِرُ لِمَنِ اسْتَغْفَرَهُ

“Adakalanya juga al-Qur`an menyebut bahawa Allah Ta`ala akan mengampunkan sesiapa yang beristighfar.”

Allah *Subhanahu Wata`ala* berfirman dalam surah al-Nisa`, ayat 110:

وَمَن يَعْمَلْ سُوٓءًا أَوْ يَظْلِمْ نَفْسَهُۥ ثُمَّ يَسْتَغْفِرِ ٱللَّهَ يَجِدِ ٱللَّهَ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿١١٠﴾

Maksudnya:

“Sesiapa yang melakukan kejahatan atau menganiaya dirinya sendiri (dengan melakukan maksiat), kemudian dia memohon ampun kepada Allah, nescaya dia akan dapati Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.”

Jenis-Jenis Istighfar

1. Berkata Abu Hurairah *radiallahu `anhu*:

   مَا رَأَيْتُ أَحَدًا أَكْثَرَ أَنْ يَقُولَ : أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ وَأَتُوبُ إِلَيْهِ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

   Maksudnya:

   *“Aku tidak pernah melihat orang lain lebih banyak mengucapkan: “Aku memohon keampunan Allah dan bertaubat kepada-Nya” melainkan Rasulullahi sallallahu `alaihi wassallam*. “ (Mutaffaq `alaihi)

2. Ibnu `Umar *radiallahu`anhuma* berkata:

   إِنَّ كُنَّا لَنَعُدُّ لِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْمَجْلِسِ الْوَاحِدِ مِائَةَ مَرَّةٍ يَقُولُ: رَبِّ اغْفِرْ لِي وَتُبْ عَلَيَّ إِنَّكَ أَنْتَ التَّوَّابُ الْغَفُورُ

   Maksudnya:

   “Sesungguhnya kami memang pernah mengira Rasulullahi sallallahu `alaihi wassallam menyebut sebanyak 100 kali dalam satu majlis: “Wahai Tuhanku, ampunilah aku dan terimalah taubatku. Sesungguhnya Engkaulah yang Maha Penerima taubat dan lagi Maha Pengampun” (HR al-Bukhari)

3. Kata-kata hamba:

أَسْتَغْفِرُ اللهَ العَظِيمَ الَّذِي لاَ إِلَهَ إِلاَّ هُوَ، الحَيُّ القَيُّومُ، وَأَتُوبُ إِلَيهِ

Maksudnya:

"Aku memohon keampunan Allah Zat yang tiada Tuhan selain Dia Yang Maha Hidup lagi Maha Mentadbir seluruh alam dengan sendiri-Nya dan aku bertaubat kepada-Nya." (HR al-Tirmizi dan Abu Daud)

4. Menurut Syaddad bin Aus *radiallahu`anhu*: Nabi ﷺ bersabda:

سَيِّدُ الِاسْتِغْفَارِ أَنْ تَقُولَ: اَللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لاَ إِلَهَ إِلاَّ أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوْذُبِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ، وَأَبُوءُ بِذَنْبِي فَاغْفِرْلِي، فَإِنَّهُ لاَ يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ إِلاَّ أَنْتَ

Maksudnya:

"Penghulu Istighfar ialah kata-kata hamba: "Ya Allah! Engkau adalah Tuhanku, tiada Tuhan yang berhak diabdikan diri melainkan Engkau. Engkaulah yang menciptakan aku. Aku adalah hamba-Mu. Aku akan taat setia kepada janjiku dengan-Mu sekadar kemampuanku. Aku berlindung kepada-Mu daripada kejahatan yang kulakukan. Aku mengakui di hadapan Engkau atas segala nikmat kurnia-Mu ke atasku. Aku mengakui dosaku, maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang mengampuni dosa melainkan Engkau." (HR al-Bukhari)

Kelebihan Mengucapkan Penghulu Istighfar

Baginda bersabda lagi:

مِنْ قَالَهَا فِي النَّهَارِ مُوْقِنًا بِهَا، فَمَاتَ مِنْ يَوْمِهِ قَبْلَ أَنْ يُمْسِيَ، فَهُوَ مِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ، وَمَنْ قَالَهَا مِنَ اللَّيْلِ وَهُوْ مُوْقِنٌ بِهَا، فَمَاتَ قَبْلَ أَنْ يُصْبِحَ، فَهُوَ مِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ

Maksudnya:

"Sesiapa yang mengucapkannya dengan penuh yakin pada waktu siang, maka jika ditakdirkan dia meninggal dunia sebelum masuk waktu petang, maka dia tergolong di kalangan ahli syurga. Sesiapa yang mengucapkannya pada waktu malam dengan penuh yakin, maka jika ditakdirkan dia meninggal dunia sebelum masuk waktu pagi, maka di tergolong di kalangan ahli syurga." (HR al-Bukhari)

Tuntutan Memperbanyakkan Istighfar
Berkata Abu Hurairah *radiallahu`anhu*: Rasulullahi ﷺ bersabda:

وَاللَّهِ إِنِّي لَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ وَأَتُوبُ إِلَيْهِ فِي الْيَوْمِ أَكْثَرَ مِنْ سَبْعِينَ مَرَّةً

Maksudnya:

"Demi Allah, sesungguhnya aku memohon keampunan Allah dan bertaubat kepada-Nya dalam sehari lebih daripada 70 kali." (HR al-Bukhari)

Berkata al-Aghorr al-Muzani *radiallahu`anhu*: Rasulullahi bersabda:

إِنَّهُ لَيُغَانُ عَلَى قَلْبِي، وَإِنِّي لَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ فِي الْيَوْمِ مِائَةَ مَرَّةٍ

Maksudnya:

"Sesungguhnya hatiku diselubungi. Sesungguhnya aku beristighfar kepada Allah dalam sehari 100 kali." (HR Muslim)

Abu Hurairah *radiallahu`anhu* berkata:

إِنِّي لَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ وَأَتُوبُ إِلَيْهِ كُلَّ يَوْمٍ أَلْفَ مَرَّةٍ ، وَذَلِكَ عَلَى قَدْرِ دِيَتِي

Sesungguhnya aku beristighfar kepada Allah dan bertaubat kepada-Nya pada setiap hari sebanyak 1000 kali. Jumlah itu adalah seperti kadar diyat aku."

`Aisyah *radiallahu`anha* berkata:

طُوبَى لِمَنْ وَجَدَ فِي صَحِيفَتِهِ اسْتِغْفَارًا كَثِيرًا

Sangat beruntunglah sesiapa yang mendapati istighfar yang banyak telah tercatat dalam surat amalannya nanti.

Abu al-Minhaal berkata:

مَا جَاوَرَ عَبْدٌ فِي قَبْرِهِ مِنْ جَارٍ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنِ اسْتِغْفَارٍ كَثِيرٍ

"Tidak ada jiran yang lebih disukai oleh seseorang hamba di dalam kuburnya kelak berbanding istighfar yang banyak."

Istighfar Adalah Ubat Dosa

Abu Zar *radiallahu`anhu* berkata:

إِنَّ لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءً، وَإِنَّ دَوَاءَ الذُّنُوْبِ الإِسْتِغْفَارُ

"Sesungguhnya setiap penyakit ada ubatnya. Sesungguhnya ubat segala dosa ialah Istighfar." (HR al-Hakim)

Qatadah berkata:

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَدُلُّكُمْ عَلَى دَائِكُمْ وَدَوَائِكُمْ، فَأَمَّا دَاؤُكُمْ: فَالذُّنُوبُ. وَأَمَّا دَوَاؤُكُمْ: فَالِاسْتِغْفَارُ

"Sesungguhnya al-Qur`an ini menunjukkan kamu kepada penyakit kamu dan ubatnya. Penyakit kamu ialah dosa-dosa kamu. Manakala ubat kamu ialah istighfar."

Sebahagian mereka berkata:

إِنَّمَا مِعْوَلُ الْمُذْنِبِينَ الْبُكَاءُ وَالِاسْتِغْفَارُ، فَمَنْ أَهَمَّتْهُ ذُنُوبُهُ، أَكْثَرَ لَهَا مِنَ الِاسْتِغْفَارِ

"Sesungguhnya tempat pergantungan orang-orang yang berdosa ialah tangisan dan istighfar. Oleh itu, sesiapa yang diresahkan oleh dosa-dosanya, pasti akan memperbanyakkan istighfar untuk dosa-dosa itu."

Rabah al-Qoisi berkata:

لِي نَيِّفٌ وَأَرْبَعُونَ ذَنْبًا، قَدِ اسْتَغْفَرْتُ اللَّهَ لِكُلِّ ذَنْبٍ مِائَةَ أَلْفِ مَرَّةٍ

"Aku ada empat puluh dosa lebih. Aku telah berisitighfar kepada Allah Ta`ala untuk setiap dosa itu sebanyak seratus ribu kali."

Sebab Ketiga; Tauhid
Nabi ﷺ bersabda:

Wahai anak Adam, jika kamu datang kepada-Ku dengan dosa-dosa yang hampir memenuhi bumi, kemudian kamu menemui-Ku dalam keadaan kamu tidak menyengutukan sesuatu dengan-Ku, pasti Aku datang kepadamu dengan keampunan yang hampir memenuhi bumi itu."

Sebab ketiga ini merupakan sebab yang terbesar untuk mendapat keampunan Allah. Tidak menyengutukan Allah merupakan sebab diampunkan dosa-dosa yang pernah dilakukan. Ini sebagaimana firman Allah *Subhanahu Wata`ala* dalam Surah al-Anfal, ayat 38:

قُل لِّلَّذِينَ كَفَرُوٓاْ إِن يَنتَهُواْ يُغۡفَرۡ لَهُم مَّا قَدۡ سَلَفَ

Maksudnya:

Katakanlah wahai Muhammad kepada orang yang kafir itu, Jika mereka berhenti (daripada kekufuran dan memerangi Rasulullah), nescaya akan diampunkan dosa mereka yang telah lalu.

Sesiapa yang menyengutukan Allah dengan sesuatu, pasti akan tidak akan mendapat pengampunan Allah. Ini sebagaimana firman Allah *Subhanahu Wata`ala* dalam Surah al-Nisa`, ayat 48:

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَغۡفِرُ أَن يُشۡرَكَ بِهِۦ وَيَغۡفِرُ مَا دُونَ ذَٰلِكَ لِمَن يَشَآءُ

Maksudnya:

Sesungguhnya Allah tidak akan mengampuni dosa syirik (mempersekutukan-Nya dengan sesuatu apa pun) dan akan mengampuni dosa yang lain daripada itu bagi sesiapa yang dikehendakinya.

Ibn Rajab berkata:

مَنْ جَاءَ مَعَ التَّوْحِيدِ بِقُرَابِ الْأَرْضِ – وَهُوَ مِلْؤُهَا أَوْ مَا يُقَارِبُ مِلْأَهَا – خَطَايَا ، لَقِيَهُ اللَّهُ بِقُرَابِهَا مَغْفِرَةً، لَكِنْ هَذَا مَعَ مَشِيئَةِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ. فَإِنْ شَاءَ غَفَرَ لَهُ، وَإِنْ شَاءَ أَخَذَهُ بِذُنُوبِهِ، ثُمَّ كَانَ عَاقِبَتُهُ أَنْ لَا يُخَلَّدَ فِي النَّارِ، بَلْ يَخْرُجُ مِنْهَا، ثُمَّ يَدْخُلُ الْجَنَّةَ

Sesiapa yang mempunyai tauhid, tetapi melakukan dosa yang memenuhi atau hampir memenuhi bumi, nescaya Allah Ta`ala akan bertemu dengannya dengan pengampunan yang seperti itu juga. Tetapi ini hanya berlaku dengan kehendak Allah `Azza Wajalla. Jika Allah kehendaki, Dia mengampunkannya. Jika tidak, Dia akan membalas orang itu dengan dosa-dosanya itu. Kemudian penghujungnya, dia tidak akan kekal di neraka. Bahkan dia akan dikeluarkan daripada neraka, kemudian dimasukkan ke dalam syurga.

Pengajaran Hadis

1. Keutamaan Adam dan keturunannya.

   Allah *Subhanahu Wata`ala* dalam Surah al-Isra` [17], ayat 70:

   ۞ وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِىٓ ءَادَمَ وَحَمَلْنَٰهُمْ فِى ٱلْبَرِّ وَٱلْبَحْرِ وَرَزَقْنَٰهُم مِّنَ ٱلطَّيِّبَٰتِ وَفَضَّلْنَٰهُمْ عَلَىٰ كَثِيرٍ مِّمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا ﴿٧٠﴾

   Maksudnya:

   Sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah mengangkat mereka (dengan pelbagai kenderaan) di daratan dan di lautan. Kami juga telah memberikan rezeki kepada mereka daripada benda yang baik-baik serta Kami telah memberikan kelebihan kepada mereka dengan sempurna mengatasi makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan.

2. Sesiapa yang berdoa dan berharap kepada Allah kepada Allah, nescaya dimakbulkan-Nya.

3. Luasnya Rahmat dan keampunan Allah Subhanahu Wata`ala.

   Berkata Abu Hurairah رضي الله عنه: Rasulullah ﷺ bersabda:

لَمَّا خَلَقَ اللَّهُ الْخَلْقَ كَتَبَ فِي كِتَابِهِ وَهُوَ يَكْتُبُ عَلَى نَفْسِهِ وَهُوَ وَضْعٌ عِنْدَهُ عَلىَ الْعَرْشِ: إِنَّ رَحْمَتِي تَغْلِبُ غَضَبِي

Maksudnya:

"Setelah menciptakan makhluk, Allah menulis dalam Kitab-Nya dan Dia menulis atas diri-Nya sendiri dan tulisan tersebut terletak di sisi-Nya di atas Arsy-Nya: "Sesungguhnya, Rahmat-Ku mengatasi Kemarahan-Ku." (HR al-Bukhari dan Muslim)

4. Keutamaan Istighfar dan Tuntutannya.

5. Keutamaan Tauhid dan Ia Merupakan Penyebab Mendapat Keampunan Allah SWT.

6. Menetapkan bahawa manusia akan bertemu dengan Allah Ta`ala pada hari kiamat. Allah *Subhanahu Wata`ala* dalam Surah al-Kahfi, ayat 110:

فَمَن كَانَ يَرۡجُواْ لِقَآءَ رَبِّهِۦ فَلۡيَعۡمَلۡ عَمَلٗا صَٰلِحٗا وَلَا يُشۡرِكۡ بِعِبَادَةِ رَبِّهِۦٓ أَحَدَۢا ﴿١١٠﴾

Maksudnya:

"Katakanlah (wahai Muhammad): "Sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu, diwahyukan kepadaku bahawa Tuhan kamu hanyalah Tuhan Yang Satu, sesiapa yang percaya dan berharap akan pertemuan dengan Tuhannya, hendaklah dia mengerjakan amal yang salih dan janganlah dia mempersekutukan sesiapa pun dalam beribadah kepada Tuhannya."